



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 23**

**Khamis**

**20 Disember 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Universiti  
dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 (Halaman 31)

Rang Undang-undang Institusi  
Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2018 (Halaman 65)

Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran  
(Tatatertib) (Pindaan) 2018 (Halaman 73)

Rang Undang-undang Maktab Kerjasama  
(Pemerbadanan) (Pindaan) 2018 (Halaman 99)

Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018 (Halaman 104)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 20 Disember 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan, Yang Berhormat Menteri.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.04 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah kerajaan dalam mereformasi institusi pentadbiran dan politik seperti yang terkandung di dalam Manifesto Buku Harapan, Teras Kedua.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam sayangi Malaysiaku.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd Hamid atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, reformasi institusi pentadbiran dan politik merupakan antara agenda utama kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat pada Pilihanraya Umum Ke-14.

Perkara ini terkandung di dalam Teras 2, Manifesto Pakatan Harapan. Kesungguhan kerajaan dalam hal ini telah terbukti dalam peruntukan dan penubuhan Jawatankuasa Reformasi Institusi ataupun lebih dikenali sebagai IRC, pada 15 hari bulan Mei tahun ini dengan keanggotaan seramai lima orang ahli. IRC ini telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji langkah-langkah dan juga cadangan penambahan baik terhadap institusi-institusi penting dalam negara ini, termasuklah Parlimen Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Polis Diraja Malaysia. IRC dianggotai oleh lima orang tokoh tanah air seperti:

- (i) Datuk K C Vohrah merupakan seorang bekas Hakim Mahkamah Rayuan;
- (ii) Datuk Mah Weng Kwai yang merupakan seorang bekas Hakim Mahkamah Rayuan dan juga Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia;
- (iii) Brig Jen (B) Datuk Mohd Arshad Raji- Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot);
- (iv) Datuk S Ambiga- Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (SUHAKAM); dan juga
- (v) Emeritus Profesor Datuk Dr Shad Saleem Faruqi yang merupakan seorang pakar perlembagaan dan juga pensyarah undang-undang.

Laporan akhir IRC telah pun dibentangkan kepada Majlis Penasihat Kerajaan ataupun dikenali sebagai *Council of Eminent Persons* (CEP) pada 17 hari bulan Julai lalu dan juga diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 hari bulan Julai tahun ini.

Sejumlah 223 cadangan Tuan Yang di-Pertua, dari IRC yang berkaitan dengan skop kerja governans, integriti dan juga pencegahan rasuah diselaraskan dan dipantau oleh Pusat Governans Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC).

Keputusan dasar berkenaan cadangan-cadangan tersebut dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai anti rasuah. Dikenali sebagai JKKMAR yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seterusnya, keputusan dasar ini akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan persetujuan kerajaan. Semenjak ditubuhkan Tuan Yang di-Pertua, pada 1 hari bulan Jun tahun ini, JKKMAR telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sehingga hari ini. Fungsi JKKMAR ini ialah merangka dasar yang akan menangani pelanggaran integriti dan juga salah laku anggota kerajaan serta kementerian dan juga agensi kerajaan, termasuk reformasi institusi dan agensi-agensi kerajaan.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 61 keputusan dan juga inisiatif telah pun diputuskan oleh JKKMAR untuk dilaksanakan. Antara keputusan yang telah dicapai adalah pemeriksaan institusi-institusi seperti mahkamah, Parlimen, SPRM dan Jabatan Audit Negara agar peranannya lebih berkecuali dan dapat bertindak dengan lebih bebas.

#### ■1010

Inisiatif-inisiatif lain yang dipersetujui adalah penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis ataupun dikenali sebagai IPCMC. Peranan Biro Pengaduan Awam sebagai *ombudsman* mekanisme perisytiharan harta dan mekanisme pelaporan penerimaan hadiah.

Sebahagian usaha-usaha tersebut seperti mengehendkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, SPRM sebagai satu suruhanjaya yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan dan pemisahan tanggungjawab Peguam Negara daripada Pendakwa Raya memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pihak kerajaan akan terus meneliti cadangan-cadangan pelaksanaan tersebut dari masa ke semasa.

Malah kerajaan juga akan berusaha untuk memastikan usaha-usaha reformasi ini dapat dicapai melalui dialog dan juga sokongan dari semua pihak walaupun ianya mengambil jangka masa yang lama untuk dilaksanakan dengan jayanya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rakyat tidak mempersoalkan ataupun mempertikaikan lantikan jawatankuasa yang

telah diwujudkan. Cuma rakyat melihat adakah dengan pemindahan jabatan daripada satu kementerian ke satu kementerian itu merupakan tindakan reformasi institusi juga.

Oleh kerana kita lihat apabila APMM diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, ia berlaku kekeliruan apabila pasukan polis marin masih lagi wujud sedangkan APMM mengurus hal ehwal marin. Begitu juga dengan PLKN apabila dipindahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan peruntukannya tidak dibawa ke Kementerian Belia dan Sukan. Ini menjadi masalah kepada pegawai dan juga anggota-anggota di dalam jabatan tersebut. Saya mohon penerangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan yang di-Pertua:** Silakan Yang terhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sedia faham bahawa pentadbiran daripada segi reformasi telah pun dijalankan sejak bulan Mei ini untuk memastikan bahawa pelaksanaan agensi-agensi di bawah pentadbiran JPM terutamanya dapat dijalankan dengan lancar.

Jadi satu pendekatan telah pun dibuat daripada pihak JPM bersama-sama dengan semua anggota-anggota terutamanya dari pihak KSN untuk memastikan bahawa agensi-agensi berkenaan yang telah pun dimasukkan oleh pihak Yang Berhormat tadi dapat dijalankan dengan lancar. Jadi di sini pihak kerajaan telah pun memutuskan bahawa pihak APMM dapat dijadualkan di dalam pihak JPM dan juga dengan agensi yang telah pun disebutkan tadi. Ini untuk memastikan bahawa pelaksanaan dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Jadi ini pendekatan telah pun dijalankan selepas penilaian telah pun dibuat kepada semua pihak agensi di mana ini adalah merupakan satu reformasi kepada pentadbiran untuk memastikan kita dapat menjalankan peranan mereka dengan lebih efisien, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa sekiranya pihak mereka yang tidak puas hati dengan ini dapat berjumpa dengan pihak kerajaan untuk memastikan bahawa pelancaran dapat dijalankan dengan lebih telus, lebih lancar dan lebih cekap untuk memastikan bahawa rakyat dapat manfaat dan terutamanya juga kepada anggota-anggota yang terlibat dalam agensi-agensi tersebut.

Jadi kita akan dapat terus berbincang dengan perjalanan lancar lah saya rasa bahawa Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama ini memang ambil berat dengan pihak tentera kerana beliau merupakan seorang bekas tentera. Dalam perkara ini dan seperti yang kita dapat

maklum bahawa kerajaan memang prihatin dengan semua penjawat awam termasuk tentera dan juga pasukan keselamatan.

Di sinilah di mana kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah pun pada dua hari yang lalu mengumumkan bahawa Bantuan Bayaran Khas sebanyak RM500 akan dibuat kepada semua pegawai perkhidmatan awam persekutuan. Ini termasuk kepada pihak pegawai keselamatan. Jadi ini adalah satu langkah yang kita dapat ambil untuk memastikan bahawa semua pihak dapat dijaga dengan baik. Jadi, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Yang Berhormat adalah untuk dasar mereformasikan pentadbiran. Bagi yang berkenaan dengan peruntukan itu kena minta Menteri Kewangan fasal apa tidak alih kepada Kementerian Belia dan Sukan. Silakan, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kerana hadir memberi jawapan persoalan yang maha penting. Bagi saya ini isu reformasi institusi ini ialah isu yang paling utama yang paling awal yang perlu dilakukan.

Persoalannya mohon penjelasan lanjut Yang Berhormat Menteri, kenapa salah seorang ahli yang berlima tadi, mantan hakim sendiri membuat kenyataan bahawa kenapa laporan cadangan-cadangan pembaharuan itu tidak dibentangkan ataupun dikongsikan apatah lagi kami di Dewan yang mulia ini. Saya rasa agak wajar mengambil kira status Parlimen juga terdiri daripada Dewan Negara ini.

Kedua, dalam aspek tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan reformasi Parlimen salah satu komponen yang dicadangkan. Soalan saya adakah terdapat juga cadangan dalam agenda reformasi Dewan Negara, dengan izin, *Senate Reform* yang mana saya rata-rata rakan-rakan di sini boleh memberi indikasi kepada Menteri... [*Tepuk*] Kita semua semalam bermesyuarat dan bersetuju untuk apa sahaja cadangan yang baik untuk membantu kerajaan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi atas soalan tambahan ini. Seperti kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, laporan IRC ini telah pun didedahkan kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal pertengahan bulan Julai lagi. Jadi isu-isu yang telah pun dicadangkan oleh pihak IRC yang terkandung dalam laporan ini telah pun dibentangkan oleh pihak kerajaan dan isu-isu ini kita dapat lihat bahawa telah pun didedahkan kepada semua pihak melalui sidang media, melalui soal sesi jawab di Dewan ini dan juga dalam banyak mungkin dalam *conferences* yang tertentu oleh pihak-pihak menteri, kerajaan.

Mereka telah pun memaklumkan kepada orang awam cadangan-cadangan yang telah pun dicadangkan oleh pihak IRC ini. Walaupun laporan yang diberikan itu tidak diisytiharkan kepada orang awam kerana mengandungi sebanyak sedikit isu-isu yang perlu dipelihara oleh pihak kerajaan buat setakat masa ini. Akan tetapi dengan kesabaran dari pihak Yang Berhormat ini saya rasa semua kandungan yang telah dicadangkan dalam laporan ini akan didedahkan kepada semua terutamanya kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara.

Ini satu reformasi yang telah pun dijalankan untuk memastikan bahawa negara kita dapat berjalan dengan lebih cekap, lebih lancar dan lebih bersih. *Free from corruption if you must say*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita kena bersama-samalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa negara kita dapat terus maju ke depan.

Mengenai Reformasi Parlimen seperti Tuan Yang di-Pertua yang sedia maklum bahawa di Dewan Rakyat pihak Speaker telah pun mengumumkan bahawa *Parliament Select Committee* ini telah pun ditubuhkan yang mana Ahli-ahli Dewan Rakyat telah pun dilantik yang menganggotai *Select Committee* termasuk *Consideration of Bills, Budget, Federalization between state and government* dan juga pelantikan penjawat awam yang tertinggi.

Ini merupakan satu transformasi yang telah pun bermula dan daripada segi itu kita telah pun diambil maklum bahawa PAC juga dianggotai oleh seorang ahli pembangkang walaupun buat setakat ini ahli pembangkang berkenaan telah pun berhijrah ke satu tempat di dalam Dewan daripada pembangkang kepada bebas.

#### ■1020

Jadi buat setakat ini, pihak Tuan Yang di-Pertua, Dewan akan membuat keputusan nanti sekiranya ada perubahan kedudukan Ahli Parlimen tersebut. Mengenai reformasi di Senat ini, saya rasa ini amatlah penting juga. Kita kena memastikan bahawa Senat ini dapat terus menjalankan dengan lebih baik. Jadi, saya sentiasa mengambil maklum daripada pihak Ahli-ahli Dewan Negara ini untuk memberikan cadangan untuk memastikan bahawa kita dapat bersama-sama... [*Tepuk*] Untuk terus maju ke hadapan sebagai sebuah negara, sebagai satu bangsa untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara. Dengan itu, sekian terima kasih.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang bagi ruang untuk saya bertanya soalan tambahan.

Soalan saya, saya ingin menyentuh mengenai reformasi pentadbiran awam. Adakah kerajaan bersedia mempertimbangkan untuk memberi jawatan-jawatan utama kerajaan sebagai contoh KSU dan TKSU dan juga SUK negeri-negeri kepada mereka yang bukan

daripada skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik iaitu PTD. Ini kerana di kementerian tersebut, ada ramai pegawai daripada skim *closed serviced* dengan izin, yang lebih berpengalaman dan lebih memahami selok-belok sesuatu kementerian berbanding daripada skim PTD yang sering bertukar perkhidmatan iaitu bertukar daripada satu kementerian ke satu kementerian yang lain. Mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh atas soalan tambahan ini. Seperti yang saya telah pun nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa *Parliamentary Select Committee* (PSC) telah pun ditubuhkan untuk memastikan pelantikan tertinggi jawatan-jawatan utama terutama di pentadbiran ini juga. Jadi, saya rasa semua pelapisan mengenai pelantikan terutamanya seperti KSU dan semua itu dapat diambil kira daripada kelayakan mereka dan juga pengalaman mereka apabila PSC bersidang sekiranya ada permintaan bahawa pelantikan tersebut dirujuk kepada pihak PSC.

Jadi, mengenai pelantikan-pelantikan tersebut, seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, mereka kenalah menjalankan pelbagai proses untuk memastikan bahawa pelantikan itu tidak memberikan isu-isu terutamanya apabila mereka yang dibawa itu terus lompat ke atas. Apa yang kita kena pastikan bahawa mereka kena ikut proses, pengalaman dan juga struktur dalam pentadbiran untuk memastikan bahawa mereka tidak membawakan kesan ataupun implikasi kontroversi terhadap pelantikan mereka.

Saya yakin bahawa yang terbaik sahaja akan dipilih. Mereka yang berpengalaman dalam perkara ini juga kita kena ambil berat dan juga memastikan bahawa negara ini daripada segi pentadbiran dapat berjalan dengan lebih lancar dan baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Termasuk dengan izin, *closed serviced* berbanding dengan PTD?

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya, termasuk juga semua itu. Terima kasih.

2. **Datuk Sambanthan a/l Manickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah murid yang menerima bantuan di bawah Rancangan Makanan Tambahan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha dalam mempertingkatkan tahap pendidikan dan kebersihan dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. Sehubungan dengan itu, pelbagai bantuan telah disalurkan termasuk melaksanakan



program Rancangan Makanan Tambahan. Bagi tahun 2018, terdapat seramai 489,117 murid yang melibatkan 7,316 buah sekolah telah menerima bantuan tersebut. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan akan mengkaji semula peruntukan program ini supaya makanan lebih khasiat dapat disalurkan kepada murid-murid yang tergolong dalam kategori B40? Saya juga ingin meminta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membangkitkan isu keluar dari soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, tak boleh dibenarkan Yang Berhormat.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu isu yang sangat besar mengenai sekolah Tamil. Esok di kawasan Semenyih kerana kita dapat tahu satu perkara iaitu seorang Pengerusi PIBG telah membunuh diri. Isu seperti ini telah berlaku pada 10 tahun yang dulu. Kalau masalah ini tidak diselesaikan- Pengerusi PIBG dia sendiri mengaku membunuh diri sendiri. Dia bakar, dia mati untuk menjaga sekolah Tamil di negara ini.

Baru-baru ini juga kita dapat satu isu seperti juga di kuil. Pada esok, memang isu ini adalah pemaju SimeDarby telah pun merobohkan kawasan Sekolah Tamil Ladang Semenyih. Apabila semua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya faham. Saya faham. Kalau boleh, jumpa dengan Yang Berhormat Menteri dekat luarlah Yang Berhormat kerana saya tak boleh benarkan soalan yang luar daripada soalan pokok. Itu adalah peraturan mesyuarat. Saya harap Yang Berhormat fahamlah.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Okey, terima kasih. Baik, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan tambahan dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan atas soalan tambahan tersebut. Tentang kajian semula. Pertama, Rancangan Makanan Tambahan ini adalah diberikan kepada murid-murid yang datang daripada keluarga miskin tegar bukan untuk kesemua golongan B40, ini yang pertama.

Kedua, sekarang di bawah peruntukan yang kita dapat untuk Rancangan Makanan Tambahan untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM289 juta. Antaranya RM250 juta akan digunakan untuk membekalkan makanan yang bernilai RM2.50 setiap orang murid sehari sepanjang 190 hari setahun. Jumlah 190 hari persekolahan adalah hari minimum untuk sesi

persekolahan kita dan untuk anak-anak di Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan, kadar makanan mereka adalah RM3 sehari untuk setiap orang murid.

Baki, kita masih ada RM39 juta itu akan digunakan untuk membekalkan susu ataupun makanan lain untuk murid-murid kita daripada golongan miskin tegar juga. Program susu yang dulu dilancarkan adalah melalui rundingan terus yang melibatkan untuk dua tahun sahaja dan melibatkan satu bajet yang sebanyak RM126 juta. Akan tetapi rancangan KPM sekarang adalah tak ada lagi rundingan terus dan kita rasa ini adalah satu jumlah yang cukup besar walaupun untuk tahun depan hanya RM39 juta tetapi kita rasa itu juga merupakan satu jumlah yang cukup besar. Jadi kita akan buat dengan cara tender terbuka. Ini adalah janji dan komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan.

Selain itu, kalau saya boleh sentuh sedikit tentang SJKT Semenyih ini. Saya tahu tentang perkara ini dan sebenarnya sekolah itu memang di dalam ladang SimeDarby dan SimeDarby hanya setuju untuk memberi mereka tanah sebanyak 3.8 ekar tetapi LPS sekolah itu minta enam ekar untuk pembangunan sekolah. Saya difahamkan bahawa sebenarnya perkara ini telah dibawa ke mahkamah. LPS telah *sue* SimeDarby tetapi mereka telah gagal. Walau bagaimanapun, kami akan pantau isu ini dan satu mesyuarat akan dipanggil pada hari ini.

Jadi saya akan dapat maklumat tambahan dan untuk mengenal pasti sama ada tuduhan pencerobohan ini memang berlaku di dalam 3.8 ekar yang telah diberi kepada SJKT Semenyih ini ataupun mungkin ada sedikit salah faham di antara sekolah itu minta enam ekar. Saya rasa itu satu permintaan yang munasabah kerana kalau ikut standard ataupun garis panduan KPM, saiz sekolah rendah adalah enam ekar tetapi masalah di sini adalah tuan milik tapak itu bukan kerajaan tetapi adalah SimeDarby. Jadi kita akan pantau isu ini dan saya akan dapatkan maklumat terbaharu dan saya tak ada masalah untuk kongsi dengan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

#### ■1030

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kerana sudi menjawab Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kerana memberi makanan yang berkhasiat supaya guru-guru tak membunuh diri [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita lihat sekarang ini di sekolah-sekolah, banyak pelajar atau murid Darjah 1 dan Darjah 2 kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat, *I mean* kita

memerhatikan di peringkat sekolah, badannya kecil-kecil Tuan Yang di-Pertua, agak *small sizes*.

Tahun lepas apabila UNICEF membuat satu kajian, memang terbukti bahawa negara Malaysia merupakan di kedudukan yang sangat rendah berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara sekeliling kita. Daripada laporan yang diberikan contohnya, macam kurus kering. Malaysia, kedudukan kanak-kanak kurus kering di Malaysia ini nombor lapan daripada sepuluh buah negara; terbantut, nombor tiga daripada sepuluh buah negara; dan obes, sembilan daripada sepuluh.

Maka saya nak bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah kementerian hendak memastikan bahawa di kantin-kantin sekolah dijual ataupun diberikan makanan-makanan yang berkhasiat supaya kanak-kanak ataupun anak-anak murid yang belajar di sekolah ini mendapat makanan yang bersesuaian, maknanya yang seimbang. Bagaimanakah kawalan yang dibuat oleh pihak kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemantauan kantin Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Pemantauan kantin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Pemantauan kantin adalah dibuat melalui guru besar, pengetua dan juga PIBG. Memang kita sudah sediakan satu manual untuk membantu pihak operator kantin ataupun pengurus kantin untuk apa jenis makanan yang mereka harus sediakan untuk murid-murid kita. Garis panduan itu kita bincang dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana mereka adalah pakar dalam bidang ini. Jadi, makanan khasiat memang kami sudah ada satu manual atau satu garis panduan.

Kita juga perlu pihak PIBG, guru besar dan juga pengetua untuk membantu kita untuk buat pantauan. Kalau kantin itu degil, tak berhasrat untuk mematuhi garis panduan ataupun menu yang sedia ada, sebenarnya tindakan boleh diambil. Contohnya, kita boleh tamatkan kontrak tersebut atau bagaimana. Akan tetapi itu oleh sebab kita perlu *feedback* atau maklum balas daripada pihak sekolah dan juga daripada PIBG kerana saya rasa mereka juga ada peranan yang sangat penting. Jadi kalau mereka maklum balik kepada kita, kita akan bincang balik dengan pengusaha kantin tersebut untuk memastikan makanan yang mereka sediakan itu mengikut garis panduan ataupun menu yang telah disediakan itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih atas jawapan tadi berkenaan dengan proses untuk melantik kontraktor untuk program

RMT ini. Akan tetapi apa yang saya mahu bertanya sikit di sini adalah bagaimana Kementerian untuk memastikan bahawa kontraktor-kontraktor walaupun melalui proses tender terbuka, dapat memastikan tidak ada kontraktor Alibaba.

Ini sebab saya dapat beberapa aduan di sekolah-sekolah khususnya di kawasan pedalaman Sabah, di mana kebanyakan kontraktor yang dapat ini adalah satu kontraktor. Dia cuma guna banyak lesen, tetapi orang yang sama, lepas itu mereka sewakan lesen itu. Oleh kerana mereka menyewa lesen ini, jadi mereka terpaksa memotong daripada bajet yang sudah diperuntukkan untuk program RMT ini. Jadi saya minta penjelasanlah daripada Kementerian, bagaimana kita mahu memantau mutu perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor-kontraktor yang telah dilantik ataupun telah mendapat kontrak ini melalui tender ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian. Saya nak membetulkan sikit kerana takut- untuk Rancangan Makanan Tambahan (RMT), kita tak lantik kontraktor. Duit itu seperti yang saya sebut tadi, RM2.50 untuk Semenanjung ataupun RM3 sehari setiap murid di Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Duit itu akan dialihkan kepada sekolah dan sekolah akan guna kantin untuk membekalkan makanan tersebut. Jadi untuk RMT, KPM tak lantik kontraktor. Hanya untuk bekalan susu.

Tentang isu bagaimana kita memastikan bahawa proses tender terbuka ini akhirnya tak ada kontrak Alibaba. Saya nak jelaskan di sini bahawa proses tender terbuka ini adalah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan bukan Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri yang tetapkan prosedur itu. Kalau mana-mana atau sesiapa Ahli Yang Berhormat rasa bahawa memang ada *feedback* bahawa prosedur itu boleh ditambah baik, saya rasa kita boleh duduk dan bincang dan mungkin boleh mengemukakan cadangan itu kepada Kementerian Kewangan. Ini kerana mereka yang akan tetapkan prosedur itu yang akan diguna pakai oleh semua kementerian, jabatan dan juga agensi. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanyakan soalan, bagi pihak Dewan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Persatuan Belia Orang Asli Sepang, Selangor... [*Tepuk*]

**3. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan caj bayaran RM1 yang dikenakan pada ketika ini bagi mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Prof Emeritus.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan iaitu berkenaan dengan caj bayaran RM1 yang dikenakan untuk rawatan di kemudahan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, caj RM1 di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan caj bagi rawatan pesakit luar untuk warganegara yang terkandung dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982. Caj tersebut tidak pernah dikemas kini sejak tahun 1982 dan merupakan caj yang sangat rendah.

Caj RM1 tersebut merangkumi caj pendaftaran, perundingan, ubat dan siasatan termasuk X-ray dan ujian makmal yang mana kos sebenarnya adalah jauh lebih besar dibandingkan dengan caj yang dikutip sekarang iaitu RM1. Sebagai contoh, pesakit warga asing yang hendak menjalani siasatan X-ray perlu bayar RM80 iaitu caj pendaftaran sebanyak RM40 dan caj siasatan X-ray sebanyak RM40. Akan tetapi oleh kerana caj RM1 tersebut amat rendah dan tidak membebankan semua golongan masyarakat khususnya kumpulan B40, kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan caj ini. Sekian.

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa legalah sikit iaitu tidak bercadang untuk menghapuskan RM1 kerana sebelum ini saya mendengar B40 pun akan dikenakan insurans. Jadi saya rasa kalau itu, *settle*-lah masalah saya. Terima kasih [*Ketawa*]

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin nak bertanya soalan yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh kita bila mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan termasuk jugalah di Hospital Besar Kuching. Antaranya ialah kawasan letak kereta, kawasan *parking*. *Patient* menunggu lama untuk mendapat rawatan daripada doktor termasuk juga ada kalanya kita berhadapan dengan kekurangan ubat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hospital di mana, Kuching?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Ya. Bagaimana kita mengatasinya? Adakah dengan bajet kementerian pada tahun hadapan sebanyak RM26.4 bilion akan kita dapat mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi pada masa ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hospital mana? Hospital seluruh negara atau Kuching?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Keseluruhannya, di hospital seluruh negara termasuk juga Hospital Besar Kuching.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana bangkitkan isu yang memang kita sedari bahawa isu yang umum khususnya di hospital-hospital utama, hospital-hospital negeri dan juga hospital pakar di mana tempat letak kereta menjadi satu masalah dan juga masa untuk menunggu untuk jumpa doktor.

Jadi, kementerian ambil maklum masalah-masalah tersebut dan telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Antaranya untuk tempat letak kereta sebagai contoh, kerajaan sedang uruskan supaya kita membina tempat letak kereta khas untuk menambah tempat letak kereta di hospital-hospital besar.

#### ■1040

Kita juga usahakan supaya ada kerjasama dengan pihak swasta sebagai contoh di Hospital Serdang dengan MAEPS untuk kita menambahkan tempat letak kereta. Cuma apabila kita menambah tempat letak kereta dengan kerjasama swasta, ini bermakna mereka yang hendak gunakan tempat letak kereta di Hospital Besar dan Hospital Pakar *major* ini terpaksa bayar *parking fees*. Ini satu keperluan yang pesakit ataupun pelanggan terpaksa menanggung.

Untuk pesakit yang menunggu lama, kita juga tahu ini antara faktor yang merumitkan masalah tempat letak kereta dan kerajaan sedang mengkaji cara untuk mengurangkan masa menunggu. Antara perkara yang kita sedang berikhtiar adalah supaya kalau kita boleh *computerize* menggunakan komputer, *computerized medical record* melalui EMR mungkin kita boleh meringankan masalah ini ataupun mengurangkan tempat masa menunggu.

Cuma ada satu masalah di Malaysia ini adalah apabila kita cuba hendak jadualkan masa untuk *appointment*, tetapi kebanyakan di kalangan budaya Malaysia ini masih tidak dapat mengikut jadual yang ditetapkan. Walaupun kita beri *appointment* untuk pukul 10 misalnya, tetapi mereka biasanya datang pukul 7 sudah tunggu di luar. Jadi, ini menjadi masalah yang menyebabkan tempat letak kereta tidak cukup dan mereka terpaksa menunggu lama. Jadi, kita akan ada proses yang kita atasi supaya kita akan menambah baik perkhidmatan tersebut. Sekian.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir satu soalan belum dijawab iaitu kekangan ubat dan bagaimana kita untuk mengatasi pembelian ubat.

**Dr. Lee Boon Chye:** Kementerian ambil maklum dalam beberapa bulan sebelum ini, ada dari segi bekalan ubat. Ini adalah akibat dua perkara.

Pertama, masalah daripada pembekal yang mana pembekal yang dapat tender tersebut gagal untuk bekalkan ubat yang tertentu. Akan tetapi kementerian telah arahkan supaya mereka perlu patuh kepada ketetapan dalam janji mereka supaya mereka boleh dapatkan ubat yang sama walaupun dari syarikat yang lain supaya bekalan itu tidak terputus.

Masalah kedua adalah berkenaan kita ada masalah sedikit dengan ePerolehan yang mana peruntukan itu kadangkala terputus. Jadi kerajaan hospital-hospital berkenaan terpaksa kurangkan bekalan ubat daripada satu bulan ke- singkatkan supaya jadi dua minggu ataupun satu minggu. Ini urusan logistik yang dibuat oleh kemudahan kementerian. Jadi kita telah memastikan masalah-masalah ini dan kita akan tambah baik agar perkara ini tidak berulang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang berkaitan.

Saya sangat gembiralah tiada sudah penghapusan caj RM1 itu. Saya rasa di negara kita ini kita memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat kita, warga Malaysia dengan begitu mengambil kira keperluan ataupun keadaan mereka. Apa yang ingin saya tanya di sini kepada pihak Tuan Yang di-Pertua ialah berapakah pendapatan kerajaan daripada caj RM1 itu kepada warganegara Malaysia dan bersama dengan warga asing yang tersebut tadi RM5.

Berapakah pendapatan kerajaan dalam satu tahun apabila kita mengira secara keseluruhan dan kerana kita memberi subsidi kepada perkhidmatan kesihatan kita di negara ini kepada rumah sakit kerajaan. Berapakah subsidi kerajaan menanggung setiap tahun untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat ini berterusan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas soalan tersebut. Walaupun saya tidak dapat memberikan angka yang spesifik berkenaan dengan kutipan daripada caj RM1 tersebut, tetapi kalau secara anggaran kita tahu bahawa perkhidmatan yang dibekalkan di Kementerian Kesihatan merupakan sekurang-kurangnya 95 peratus subsidi.

Ini bermakna setiap Ringgit yang dibayar, kos dia lebih daripada mungkin RM20 ke atas. Jadi, kita menghargai pandangan daripada Yang Berhormat Senator berkenaan dengan caj RM1 ini. Cuma kita mesti faham bahawa kita ada kekangan dari segi bajet dan perkara ini sedang kita kaji dan kita pasti akan terus membela mereka khususnya di golongan B40 ini

supaya mereka terus dapat rawatan yang mereka mampu, rawatan yang berkualiti. Kita akan terus memantau perkara ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan RM1 itu Yang Berhormat Menteri itu dalam merangkumkan soalan. So, sila beri secara bertulis.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin.

**4. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah segera yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi membantu Persatuan Sukan Kebangsaan yang sedang dalam persediaan atlet-atlet menghadapi temasya Sukan SEA 2019 dan Sukan Olimpik 2020 apabila peruntukan bagi tahun 2019 yang begitu kecil berbanding 2018.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin atas soalan tadi.

Akan tetapi sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin selaku Presiden PESAKA Malaysia atas kejayaan atlet-atlet kita menggondol pingat-pingat di *the World Pencak Silat Championship 2018* yang berlangsung baru-baru ini... *[Dewan tepuk]*

Ada tiga emas, satu di dalam kategori Ganda Putera oleh saudara Mohd Taqiyuddin bin Hamid dan Sazzlan bin Yuga. Emas kedua dalam kategori Putera C oleh Mohd Hazim bin Amzad, ketiganya dalam kategori Puteri E oleh saudari Siti Rahmah binti Mohamed Nasir, dua Perak dan satu digondol oleh Nor Farah binti Mazlan dan satu lagi oleh Muhammad Faizul bin M Nasir dan akhir sekali, tiga Gangsa dalam kategori Ganda Puteri oleh Nor Hamizah binti Abu Hassan dan Nur Syazreen binti Abdul Malik. Dalam kategori Putera G, Muhammad Amir Izat bin Khalid dan Puteri D, Siti Shazwana binti Ajak. Tahniah lagi sekali kepada atlet-atlet kita dan juga kepada Presiden PESAKA Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat soalan tambahan tidak ada lah ini ya *[Ketawa]*

**Tuan Sim Chee Keong:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan ataupun KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) telah melaksanakan Program Latihan Atlet Negara di peringkat elit, pelapis kebangsaan dan negeri bagi memastikan kesinambungan sumber atlet untuk mewakili negara ke peringkat antarabangsa.



Kumpulan atlet ini bukan sahaja melibatkan atlet biasa iaitu *normal*, malahan turut melibatkan atlet luar biasa ataupun atau atlet Para. Pelbagai pendekatan dan latihan jangka masa pendek, sederhana dan panjang kini dilaksanakan melalui Program Podium, Program Kita Juara, Program Pelapis dan pelbagai lagi program bagi memastikan kelestarian prestasi sukan negara. Hasilnya kita dapat lihat melalui pencapaian-pencapaian atlet negara di kejohanan peringkat antarabangsa termasuklah atlet-atlet tadi yang saya sebut di bawah PESAKA Malaysia.

KBS melalui MSN dan ISN juga telah melakukan penstrukturan semula program latihan atlet elit dan senior melalui penambahbaikan kepada program podium dan program kita juara pada bulan November 2018 ini. Penstrukturan semula program latihan ini adalah lanjutan daripada *post-mortem* yang telah dilakukan setelah tamatnya Temasya Sukan Asia 2018 di Jakarta yang lalu.

#### ■1050

Justeru itu, satu pendekatan baru telah diperkenalkan dengan memberikan tumpuan kepada pencapaian di temasya sukan utama menggunakan sistem *tiering* ataupun peringkat yang berasaskan kepada pencapaian atlet dan sukan terbabit. Setiap atlet dan sukan akan menerima latihan, pertandingan, sokongan, kejurulatihan, sokongan sains dan perubatan sukan serta kebajikan mengikut peringkat- *tier*, dan kriteria yang telah ditetapkan. Melalui sistem yang memfokuskan kepada temasya sukan utama ini, atlet-atlet akan diberi bantuan khusus yang sewajarnya bagi memastikan matlamat untuk menggapai pingat emas pertama di temasya Sukan Olimpik 2020 akan tercapai.

Namun bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Sukan Olimpik, kementerian akan juga turut memastikan adanya peruntukan kewangan bagi menjamin kesinambungan, kecemerlangan mereka akan diteruskan di peringkat antarabangsa.

Melalui penstrukturan semula Program Latihan Atlet Negara, kementerian telah meletakkan beberapa matlamat iaitu sasaran jangka pendek ke arah Sukan SEA 2019. Saya ambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin atas pelantikan sebagai *Chef-de-Mission* untuk Sukan SEA 2019 ini... [*Tepuk*] Dan juga Sukan SEA 2021, selain Sukan Olimpik 2020. Memanglah nanti saya rasa soalan tambahan pun akan berkurangan. Pada masa yang sama, atlet turut disediakan ke arah Sukan ASEAN dan Komanwel 2022. Majoriti atlet yang akan menyertai temasya-temasya ini adalah terdiri daripada atlet dalam Program Kita Juara dan Program Podium.

Program latihan yang rapi telah dirancang melalui bengkel penetapan program latihan yang telah diadakan pada 13 November 2018 hingga 14 November 2018 bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan. Semasa bengkel itu juga, seramai 350 orang atlet, 99 orang jurulatih telah dicalonkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan itu sendiri untuk berada di bawah program-program ini.

Bagi persiapan ke arah temasya Sukan Olimpik 2020, tumpuan akan diberikan kepada atlet dan sukan yang dilihat mampu menyumbang pingat kepada negara. Proses kelayakan bagi sukan-sukan yang lain akan diteruskan sehingga tahun 2020, di mana bantuan bagi persiapan dan penyertaan ke kejohanan kelayakan akan turut disediakan melalui penambahbaikan yang telah diputuskan bersama pemegang taruh seperti Majlis Olimpik Malaysia dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing.

Bagi mencapai matlamat pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan di sini suka saya ingin ingatkan bahawa sebenarnya di bawah perjuangan atlet para negara, kita telah pun berjaya menggondol pingat emas melalui kemenangan atlet para iaitu Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Latif Romli dan Muhammad Ziyad Zolkefli yang telah menyumbangkan tiga pingat emas di Sukan Paralimpik Rio 2016. Akan tetapi, menjurus kepada pingat emas di Sukan Olimpik Tokyo 2020, kerajaan ini- sebenarnya untuk memperjelaskan lagi fakta yang ditanya dalam soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin itu. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM105 juta bagi pembangunan sukan berprestasi tinggi.

Jumlah ini sebenarnya lebih tinggi berbanding 2018 iaitu hanya RM102 juta bagi pembangunan sukan berprestasi tinggi. Ini menunjukkan bahawa peruntukan di bawah Bajet 2019 ataupun Belanjawan 2019 adalah lebih tinggi dalam aspek ini berbanding Belanjawan 2018 ataupun Bajet 2018.

Kerajaan melalui pembentangan Belanjawan 2019 masih lagi meneruskan usaha untuk negara mencapai pingat emas pertama di temasya Sukan Olimpik. Kerajaan percaya bahawa melalui belanjawan tersebut serta melalui pendekatan dan program yang dijalankan, atlet kita akan menyumbang kepada pencapaian matlamat pingat emas yang diidam-idamkan oleh negara kita. Pihak Persatuan Sukan sebenarnya juga disyorkan untuk menerokai peluang-peluang penajaan daripada badan-badan korporat serta syarikat-syarikat swasta bagi menyokong pembangunan sukan yang mapan di samping mengurangkan kebergantungan sepenuhnya daripada dana kerajaan.

Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, suka hati juga saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin... *[Disampuk]* Bukan bidang kuasa kerajaan. Bahawa peruntukan untuk bantuan kepada persatuan yang mungkin akan menjadi fokus beliau selaku Presiden salah sebuah Persatuan Sukan Kebangsaan. Bantuan kepada persatuan sukan pada tahun 2019 adalah berjumlah lebih kurang RM28.5 juta iaitu peningkatan daripada apa yang telah diperuntukkan untuk tahun 2018 iaitu hanya RM26.8 juta. Sekian saja jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, ada soalan tambahan?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, dua minggu soalan saya tidak pernah naik. Hari ini kali pertama bagilah masa panjang sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh. Sila, sila *[Ketawa]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Dewan ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Peniaga-peniaga Kecil India Johor Bahru ke Dewan Negara... *[Tepuk]* Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada kita semua.

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas satu jawapan yang cukup panjang dan lebar. Juga ucapan terima kasih di atas perhatian dan ucapan tahniah kepada pesilat-pesilat yang baru balik daripada kejuaraan silat dunia. Cuma ada dua perkara yang saya hendak betulkan.

Pertamanya saya bukan presiden, saya hanya setiausaha agung. Nanti marah Yang Berbahagia Tan Sri Ali Rustam sebagai presiden dan Dato' Sri Bendahari pun ada di sini, YB. Senator Dato' Sri Khairuddin Samad. Dia yang jaga duit PESAKA ini.

Jadi saya memahami apa yang disebutkan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan bagaimana satu peruntukan yang telah pun diluluskan oleh Dewan baru-baru ini dalam bajet untuk sukan pada tahun 2019. Cuma izinkan saya sedikit Tuan Yang di-Pertua, kerana sukan ini adalah merupakan satu perkara yang melangkaui batasan agama, kaum, politik dan sebagainya. Kita boleh lihat sukan pada saya ialah satu *universal language*, dengan izin, yang boleh merapatkan semua orang.

Baru-baru ini di Piala SUZUKI, kita ucap tahniah kepada pasukan bola sepak negara kita. Telah menghimpunkan ratusan ribu rakyat Malaysia, tidak ada orang bercakap soal mereka fahaman agama apa, budaya apa atau parti politik. Ia merentasi segala-galanya.

Jadi pada saya Tuan Yang di-Pertua, kita kena bersetuju sukan ini adalah satu yang mesti dititik beratkan supaya ia boleh merapatkan masyarakat. Saya memahami apa Yang Berhormat Menteri sebut tadi, soal bajet yang telah diperuntukkan agar sedikit bertambah daripada tahun yang sebelumnya. Cuma kerisauan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah bila mana kita melihat dalam bajet tersebut, kita mengakui dengan adanya penglibatan sekarang ini satu sukan baru yang disebut sebagai sukan *e-sport*.

Kita difahamkan dan telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, sebanyak RM10 juta diberikan kepada hanya satu sukan yakni sukan *e-sport* ini. Saya tidak ada halangan dari segi ini dan kita fikir ia bagus untuk perkembangan sukan *e-sport*. Saya cuba mentafsirkan dalam bentuk sukan yang macam mana *e-sport* ini. Akan tetapi, ia adalah tidak adil kepada sukan-sukan yang telah pun melahirkan atlet yang susah payah.

Contohnya saya sebut kalau melalui persatuan sukan kebangsaan ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak melahirkan atlet setiap atlet sukan ini melalui satu proses yang cukup payah. Mereka harus bangun awal pagi, berlari 10 kilometer, 15 kilometer, 20 kilometer, mengalami kecederaan, semua sukan.

Jadi saya hendak tengok di manakah bajet ini boleh mengimbangi nanti satu sukan yang disebut oleh sukan *e-sport* tadi yang mendapat RM10 juta dibandingkan dengan 40 lebih sukan ataupun 50 sukan dalam negara yang terpaksa berkongsi jumlah yang pada saya pastinya tidak akan mencukupi. Apatah lagi kita hendak melihat pingat emas yang pertama melalui Sukan Olimpik walaupun di Sukan Para Olimpik kita sudah dapat, pastinya kita mengidamkan pingat emas yang pertama. Dahulu kita masih ingat waktu Olimpik Rio.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, semua orang tahu Yang Berhormat cerdik berbahas. Soalan tambahan saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah faham.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Pendek sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kekangan peruntukan RM10 juta itu kepada sukan-sukan lain.

#### ■1100

**Seorang Ahli:** Silat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tidak, tidak, bukan silat, semua sukan-sukan. Saya kena bercakap bagi semua, sukan Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga risau apabila melihat apakah kita mempunyai strategi untuk mendapat ini- Yang Berhormat Menteri sebut tadi soal kita bercita-cita untuk dapat pingat emas yang pertama. Sedangkan saya difahamkan hampir 700

kakitangan sokongan, 400 daripada di peringkat Majlis Sukan Negara dan di peringkat Majlis Sukan Negeri diberhentikan dan 300 kakitangan ISN. Maknanya totalnya 700 orang, Tuan Yang di-Pertua daripada N1 hingga S41 diberhentikan.

Mereka ini memberikan kerjasama yang kuat kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan. *They are the ground officer's* yang membantu. Jadi saya tidak nampak dengan apa jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ada keseimbangan dalam kita hendak membawa sukan ini lebih berjaya di masa akan datang dalam sukan yang besar seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan itu agak mustahak. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain. Terlebih dahulu saya bersetuju dengan ucapan syarahan Yang Berhormat Senator tentang bagaimana sukan sebenarnya merupakan satu platform yang boleh menyatupadukan rakyat Malaysia tidak kira kaum, agama dan politik. Lihat sahaja kepada hubungan kementerian dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain. Walaupun berlainan parti politik tetapi kita tetap memberikan sokongan penuh apabila kita berbincang bab sukan secara profesional.

Untuk menjawab soalan, saya rasa ada dua soalan di sini. Satu ialah soalan tentang *e-Sports* peruntukan RM10 juta yang menjadi satu kekhawatiran atau kebimbangan Yang Berhormat Senator tadi di mana beliau berasa tidak adil. Saya rasa tidak perlulah kita melihat kepada peruntukan di bidang lain.

Di dalam peruntukan kepada sukan, tadi kita sudah maklumkan ada RM105 juta yang merupakan tambahan daripada tahun-tahun sebelumnya. Justeru itu, kita beri fokus kepada peruntukan tersebut.

Walau bagaimanapun, izinkan saya juga memberikan penjelasan bahawa RM10 juta tersebut kepada *e-Sports* bukan hanya khusus kepada latihan atlet seperti mana RM105 juta tersebut khusus kepada penyediaan atlet. RM10 juta untuk *e-Sports* ini juga merangkumi aspek-aspek seperti pembangunan industri permainan elektronik dalam membina atau memupuk bakat-bakat *coder*, *programmer*, pereka- *designer* dan sebagainya. Jadi itu tidak seperti peruntukan pembangunan RM105 juta yang dikhususkan kepada sukan. Ini adalah kepada aspek yang lebih luas dalam bidang ataupun sektor *e-Sports* itu.

Keduanya, saya juga suka untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa tadi yang saya sebut RM105 juta merupakan peruntukan pembangunan terutamanya kepada

sukan elit, sukan berprestasi tinggi. Dalam bab perbelanjaan mengurus pula, saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Majlis Sukan Negara pada tahun 2019 akan menerima lebih kurang RM88.6 juta berbanding hanya RM18 juta. Jadi ia satu peningkatan yang amat besar dalam dua tahun ini. Di pihak Institut Sukan Negara pula pada tahun 2019, ISN akan menerima RM15.8 juta berbanding kepada RM12 juta.

Jadi saya yakin dengan peruntukan yang kita ada dan juga pertambahan yang diberikan kepada bidang sektor sukan ini, kita mampu untuk menyediakan atlet kita untuk menempuh temasya-temasya sukan antarabangsa. Akan tetapi, seperti yang saya sebutkan tadi di pihak persatuan-persatuan sukan juga terutama Persatuan Sukan Kebangsaan, kita ingin memohon agar mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan sebab dana kerajaan ini terhad, duit pembayar cukai. Jadi untuk melebarkan lagi sayap kita, saya berharap Persatuan Sukan Kebangsaan juga turut sama untuk mencari sumber-sumber dana baru terutamanya daripada pihak swasta.

Keduanya, adalah tentang isu pekerja-pekerja kontrak di MSN dan ISN. Saya rasa isu ini telah dijawab banyak kali bukan sahaja dalam Parlimen tetapi juga di luar Parlimen melalui kenyataan-kenyataan media oleh pihak-pihak berkaitan dalam KBS. Dalam aspek pemberhentian kontrak 700 orang pekerja kontrak ini, lebih 60 peratus daripada mereka telah pun diserap semula ke dalam kementerian. Penyerapan ini mengambil kira faktor-faktor seperti prestasi dan pencapaian mereka dan juga keperluan dalam bidang-bidang pekerjaan ataupun perjawatan yang memerlukan perkhidmatan pekerja-pekerja kontrak tersebut.

Bagi bakinya pula, KBS melalui pendekatan kebajikan, ihsan juga memberikan *soft landing* dalam pelbagai bentuk termasuk memadankan mereka kepada pekerjaan-pekerjaan yang sesuai di dalam kementerian dan juga di kementerian serta agensi yang lain. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Tadi setiausaha sekarang bendahari?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya- berkaitan dengan ini ada bersangkutan sedikit. Saya hendak tanya kementerian, Menteri terutama sekali fasal peruntukan-peruntukan. Kita tidak mahu guna dana kerajaan tetapi saya pernah terdengar Menteri menegur supaya orang politik jangan terlibat dengan sukan. Yang Berhormat Menteri pernah kata orang politik tidak boleh terlibat dengan sukan. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan tidak boleh, jangan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jangan, Jangan. Masalahnya kita orang sukan yang terlibat dengan politik bukan orang politik terlibat dengan sukan [*Ketawa*] Itu *problem* dia. Jadi sebenarnya kita dahulu daripada bangku sekolah kita memang minat dengan sukan tetapi apabila kebetulan kita jadi orang politik dan jenis-jenis sukan yang diketuai oleh orang-orang politik, itu yang paling aktif. Kalau sukan yang bukan orang politik tidak ke mana.

Peruntukan saya hampir setiap tahun di Putrajaya habis kepada badan-badan sukan sahaja, peruntukan. Kita tidak mahu menggunakan dana kerajaan, kita usahakan, kita cari daripada luar untuk membantu. Jadi janganlah buat kenyataan yang seperti itu. Tuan Yang di-Pertua sendiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini tegur Menteri atau soalan?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tegur Menteri tetapi kebetulan Menteri tidak datang, Timbalan Menteri tolong bawa mesej ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat ini soalan tambahan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah presiden *taekwondo* kan. Jadi itulah saya hendak sebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Sebab kita hendak cari dana ini, kalau boleh kita biar orang-orang politik. Jadi orang politik ini, jangan menyinggung perasaan kami orang-orang politik. Terima kasih [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan pun. Tidak payahlah Yang Berhormat Menteri, duduk.

**Tuan Sim Chee Keong:** Bukan soalan sepatutnya tidak dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tahu apa hendak benarkan, apa tidak benarkan...

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kenyataan Yang Berhormat berkenaan dengan orang politik tidak boleh bersukan itu salah. Ini kerana ini adalah dasar baru yang membawa makna bahawa orang politik tidak boleh bersukan. Itu yang dia tegur, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara penting sekejap Tentang sukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah Yang Berhormat. Duduklah.

**5. Datuk Jamilah binti Sulaiman** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, bilakah Kerajaan akan menunaikan janji untuk memberi royalti minyak 20 peratus kepada negeri Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah.

Semasa penggulungan perbincangan Usul Kajian Separuh Penggal (KSP), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan penggulungan perbincangan Belanjawan 2019 di Peringkat Dasar baru-baru ini, saya telah menjelaskan secara mendalam dan terperinci mengenai bayaran tunai atau *cash payment* atau lebih dikenali dengan royalti minyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengkaji kewajaran penambahan royalti dari hasil petroleum kepada negeri-negeri pengeluar minyak dan gas dengan memenuhi prinsip *distributive justice* atau pengagihan kekayaan yang lebih adil.

**•1110**

Pada masa ini, PETRONAS perlu membayar sebanyak 10 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar minyak dan gas atau *gross production* secara bayaran tunai atau *cash payment* atau royalti kepada kerajaan. Daripada jumlah ini dan bergantung kepada di mana hasil tersebut dikeluarkan, sejumlah lima peratus akan diterima masing-masing oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri-negeri yang berkaitan.

Selepas ditolak 70 peratus kos pembiayaan pengeluaran dan cukai pendapatan petroleum atau *Petroleum (Income Tax) Act 1967* (PITA) sebanyak lapan peratus, baki selebihnya sebanyak 12 peratus merupakan keuntungan yang akan dikongsi bersama antara PETRONAS dan pengusaha-pengusaha lain berdasarkan perjanjian yang dimeterai bagi sesebuah kontrak pengeluaran yang terlibat.

Berdasarkan struktur kos yang dijelaskan tadi, secara umumnya sekiranya pembayaran tunai ditingkatkan kepada 20 peratus, anggaran keuntungan minyak atau *profit oil* yang dikongsi oleh PETRONAS dan pengusaha *Production Sharing Contract* (PSC) dari paras semasa sebelum cukai akan menurun secara mendadak iaitu dari 20 peratus kepada lima peratus sahaja. Keuntungan lima peratus ini akan dikenakan cukai PITA pada kadar 38 peratus. Jadi, yang tinggal hanyalah tiga peratus sahaja dan jumlah tiga peratus ini pula perlu dikongsi bersama antara PETRONAS dan pengusaha-pengusaha lain mengikut kontrak.

Dalam mempertimbangkan cadangan penambahan royalti minyak bagi memastikan keadilan kepada semua pihak, kerajaan perlu meneliti kesan dan keperluan pindaan ke atas PDA 1974. Ini adalah bagi mengelakkan aktiviti pengeluaran minyak dan gas PETRONAS



khasnya di Sabah dan Sarawak terjejas serta memberikan implikasi yang amat besar kepada kedudukan PETRONAS dan hasil Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan. Kerajaan juga perlu memastikan isyarat yang positif diberikan kepada pelabur asing bagi mengekalkan keyakinan tinggi mereka kepada industri minyak dan gas negara, khususnya kepada perjanjian *Production Sharing Contract (PSC)*, dan *Risk Service Contracts (RSC)* sedia ada antara PETRONAS dan rakan niaganya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan perbincangan dengan beberapa kerajaan negeri dan sesi libat urus atau *engagement* dengan izin, ini akan diteruskan. Kerajaan Persekutuan sentiasa komited untuk mewujudkan suasana yang lebih kondusif dalam rundingan dan perbincangan mengenai royalti minyak. Ini supaya ia memberikan keputusan menang-menang atau *win-win* bagi pengagihan yang lebih adil di antara negeri-negeri yang layak mendapat bayaran tunai hasil minyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal berkaitan, bertujuan untuk menyemak dan mengkaji secara adil Perjanjian Malaysia 1963. Jawatankuasa ini akan mengesyorkan kepada kerajaan langkah-langkah yang akan diambil bagi melaksanakan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak.

Ini selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 termasuk perkara-perkara yang dibangkit seperti bayaran tunai atau royalti minyak. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada hari Isnin, 17 Disember 2018 dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri sebagai urus setia Jawatankuasa Khas Kabinet ini sedang meneliti perkara di atas supaya kepentingan semua pihak diambil kira.

Saya dimaklumkan bahawa hari ini adalah hari terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah bt Sulaiman di Dewan Negara. Saya doakan yang terbaik untuk Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk pengetahuan Dewan ini, saya bukan lagi Presiden Persatuan Tekwando Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad... [*Dewan Ketawa*]

Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya banyak telah diperkatakan dalam sesi Dewan Negara kali ini termasuk daripada kawan-kawan daripada Sabah dan juga daripada Kelantan telah menimbulkan perkara minyak, *gas and oil* ini.

Okey, satu perkara saya rasa saya sendiri telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, namun saya rasa terhormat juga kerana soalan ini diangkat naik pada hari ini, walhal saya sudah banyak kali menanyakan soalan-soalan sebegini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma satu perkara walaupun saya ini daripada lahir sehingga sekarang sebelum memasuki politik, memang dilahirkan daripada keluarga orang minyak... [*Dewan Ketawa*] Akan tetapi bukan orang minyak yang P. Ramlee punya cerita, dan sampai ke anak. Mudah-mudahan cucu juga akan terlibat nanti jadi orang minyak.

Cuma satu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin memastikan adakah benar sama ada saya mohon penjelasan atau satu soalan, mungkin kalau tidak boleh dikemukakan pada hari ini, mungkin boleh dibuat secara bertulis. Adakah benar bahawa negara kita Malaysia, hasil minyak negara akan pupus dalam masa 10 tahun akan datang? Saya ingin kepastian supaya barangkali mungkin kita boleh mencadangkan perkara-perkara lain untuk memastikan negara kita terus maju daripada segi hasil. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman. Itu satu soalan yang cukup baik saya rasa untuk kita fahami. Dalam konteks sama ada hasil ataupun *reserve* minyak negara akan habis dalam masa 10 tahun. Kita perlu fahami bahawa proses eksplorasi ini proses berterusan. Jadi sebab itulah PETRONAS bila jumpa satu telaga, tidak akan terhenti di situ. PETRONAS akan terus membuat proses eksplorasi dan proses ini adalah satu proses yang berterusan bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di luar negara. Oleh sebab itulah PETRONAS banyak menjalankan operasi di luar negara, eksplorasi di luar negara.

Oleh sebab itulah bila kita bercakap tentang peningkatan royalti tersebut, kita selalu tekankan sekiranya ditingkatkan 20 peratus daripada hasil minyak ataupun *revenue*, maka ia akan memberi kesan yang cukup besar kepada PETRONAS. *Bottom-line* dia hanya tinggal tiga peratus sahaja dan tiga peratus ini perlu dikongsi dengan kontraktor-kontraktor lain, terlalu kecil.

Untuk *drill* satu telaga minyak, saya dimaklumkan USD100 juta satu telaga minyak dan belum tentu *drilling* itu berjaya. Jadi itulah kita kena faham semangat, *spirit behind it*. Kalau

kita tingkatkan peratusan 20 peratus daripada jumlah hasil, maka kesannya terlalu besar kepada PETRONAS dan juga kelangsungan kepada negara kerana PETRONAS banyak menyumbang kepada pembangunan dan pendapatan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan itu berkenaan dengan izin, rizab petroleum kita di negara kita ini. Dia ada anggaran?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya tiada anggaran tepat, tetapi saya berdasarkan pemahaman apa yang dimaklumkan bahawa hendak anggarkan itu agak statik. Kalau kita katakan 10 tahun tetapi tahun depan jumpa satu lagi telaga dan rizab telaga ini untuk lima tahun, ia akan naik jadi 15 tahun. Jadi, ia tidak statik.

Mungkin pada sesuatu masa itu boleh dianggarkan, tetapi saya akan berikan jawapan bertulis tentang yang lebih tepat mengenai anggaran tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini soalan kepada Terengganu.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan janji 20 peratus ini telah dibuat dalam manifesto. Soalannya, atas asas apakah manifesto atau janji ini dibuat sebelum ini? Itu satu. Apakah pihak pembuat manifesto itu tidak mengkaji apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Kedua ialah saya juga ingin tahu, berapakah jumlah hasil minyak dan gas negeri Kelantan setakat ini? Seterusnya, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pendaratan gas negeri Kelantan di Songkhla? Akhir sekali ialah kenapa setelah Kerajaan Negeri Kelantan menarik balik saman terhadap PETRONAS, tetapi proses itu masih lambat? Jadi, apa rahsia di sebaliknya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

■1120

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih tentang Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Pertamanya, izinkan saya menjawab soalan keempat tentang saman yang

**Tuan Yang di-Pertua:** Empat saya ingat semua orang tahu. Belum sampai lagi.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** ...Telah ditarik balik. Saya *check* sekali lagi dengan PETRONAS pagi tadi- baru sahaja untuk pastikan sama ada mereka telah mendapat makluman tersebut akan tetapi, masih belum diterima oleh PETRONAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat Senator sahajalah beri kepada mereka [*Ketawa*]

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** [*Ketawa*] Sampaikanlah kepada PETRONAS. Tentang hasil minyak dan gas Kelantan saya memerlukan data yang lebih spesifik. Izinkan saya berikan jawapan bertulis tentang hal tersebut. Tentang pendaratan juga, izinkan kami berikan jawapan bertulis yang memastikan *information* itu *updated*.

Tentang penggunaan manifesto, ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri banyak kali di Dewan Rakyat dan saya juga di Dewan Negara, bahawasanya semangat *behind it*, di belakang, dengan izin, apabila manifesto tersebut kita telah ambil kira kalau kita ambil *revenue*, maka hasilnya memberi kesan besar kepada PETRONAS. Oleh sebab itulah apa yang disebut, kita fokus kepada *gross profit*, daripada keuntungan bukannya kepada *revenue*. Oleh sebab berdasarkan kepada *cost structure*, struktur kos PETRONAS itu adalah 70 peratus itu kos dan kalau di laut dalam Yang Berhormat Senator, jauh lebih besar daripada 70 peratus. So, kita sedar akan hal tersebut dan oleh sebab itulah disebut, ia daripada keuntungan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan pendek ya. Pertama, soalan ini khusus untuk negeri Terengganu- apakah negeri Terengganu masih tidak bersetuju dengan lima peratus sebagai royalti?

Kedua, RM450 juta yang sudah dibayar itu dalam bentuk apa? Sama ada royalti, wang ihsan, ataupun dana khas?

Ketiga, apakah kaedah pemantauan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan wang royalti minyak tidak mengalir ke negeri lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Pertamanya tentang sama ada Kerajaan Negeri Terengganu setuju atau tidak dengan lima peratus. Seperti mana yang saya sebut tadi, rundingan ataupun *engagement* libat urus sedang berjalan antara negeri-negeri yang terlibat dan Yang Berhormat Menteri pun telah bertemu berbincang dengan beberapa buah negeri.

Kedua, bayaran dalam bentuk apa. Saya perlu rujuk kepada pihak kementerian dan juga pihak PETRONAS untuk menjawab tentang hal tersebut, untuk mendapat- sebab isu ini isu sensitif. Tidak boleh disebut- ini kita mesti mempunyai fakta yang cukup *detail*. Saya berikan jawapan bertulis untuk hal tersebut.

Ketiga tadi, Yang Berhormat saya tidak jelas.

**Datuk Razali bin Idris:** Ketiga, satu kaedah pemantauan daripada Kerajaan Pusat. Kita sudah bagi RM450 juta seperti yang disebut oleh wakil Terengganu tempoh hari. RM450 juta telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu akan tetapi kita tidak tahu dalam bentuk royalti atau dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak bukan. Ketiga itu mengalir ke negeri...

**Datuk Razali bin Idris:** Itulah maksudnya, apakah bentuk pemantauan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya wang tersebut...

**Datuk Razali bin Idris:** Ataupun maksud saya Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan negeri boleh membelanjakan duit itu selain daripada negeri Terengganu. Boleh tidak belanja di mana-mana? Itu maksud saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah syarat-syarat ditentukan.

**Datuk Razali bin Idris:** Ha syarat-syarat.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Itu saya perlu rujuk kepada pihak MOF kerana saluran ke negeri Terengganu setahu saya dibuat oleh pihak MOF, Kementerian Kewangan ya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup sudah tiga soalan. Ini mana ada minyak ke tempat Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Ada, ada. Inilah hendak tanya, itu yang penting itu...

*[Dewan ketawa]* Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad saya tidak bagi *you* soalan tambahan.

**6. Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan, status projek jambatan Kg. Sepah Beruang, Benut dan Jambatan Parit Markom, Benut, Pontian yang telah runtuh pada Januari 2017.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid atas pertanyaan yang diutarakan.

Seperti yang sedia maklum bahawa isu berkenaan dengan dua jambatan ini di daerah Pontian sebenarnya telah dijawab semasa penggulungan Belanjawan 2019 bagi pihak ICU pada 17 Disember yang lepas. Akan tetapi ingin saya perjelaskan lagi di Dewan ini. Daripada maklumat terkini yang kita ada, projek jambatan Kampung Sepah Beruang yang bernilai RM1.5 juta ini telah pun diluluskan peruntukannya oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 3 Disember 2018. Pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri yang bertindak sebagai penyelaras projek akan mengadakan siasatan seterusnya bagi menentukan kos projek sebenar, kesesuaian tapak tersebut dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan bagi melaksanakan projek ini.

Manakala bagi satu lagi jambatan yang menghubungkan Parit Markom dan Parit Selangor yang telah runtuh pada Mac 2017, projek ini dalam pelaksanaan di bawah seliaan Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Johor. Prestasi kemajuan projek semasa adalah 37 peratus pada masa ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya lihat begitu prihatin kepada masyarakat luar bandar. Bila kita melihat bahawa banyak jambatan-jambatan lama yang dibina tahun 70-an dan 80-an telah pun melepasi 30 tahun dan 40 tahun. Maka kita tidak mahu bila berlaku jambatan runtuh, baru diambil satu tindakan. Maka soalan saya, adakah terdapat jawatankuasa pemantauan bagi jambatan-jambatan lama supaya kita lihat benda ini dapati dibuat tindakan proaktif terutamanya luar bandar. Oleh sebab masyarakat Orang Asli mahupun luar bandar hanya bergantung pada satu-satu jambatan yang merupakan jalan utama. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Saya akan berbincang sebaiknya- pertama sekali, di bawah ICU bersama dengan JKR dan juga Unit Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor

bagi membentuk satu jawatankuasa meninjau, bukan sahaja negeri Johor tetapi juga meninjau keadaan jambatan-jambatan lama yang telah dibina ini. Bila kita lihat pada secara jelas pada dua-dua jambatan di daerah Pontian ini runtuh secara tiba-tiba disebabkan oleh keadaan cuaca pada masa itu. Paras air yang tinggi, hujan lebat dan ia runtuh tanpa sebarang- makanya runtuh disebabkan oleh bencana alam.

Jadi kita bernasib baik pada masa itu, tiada kemalangan jiwa yang berlaku tetapi keprihatinan Yang Berhormat saya ambil maklum dan kita akan berbincang dengan sebaiknya, terutamanya dengan kedua-dua jambatan yang diterangkan tadi untuk memastikan bahawa akan ditubuhkan satu jawatankuasa bagi melihat keadaan jambatan-jambatan lama yang kita ada terutama di kawasan luar bandar, sama ada ia selamat ataupun tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya berkenaan dengan jambatan di perkampungan pos-pos kampung Orang Asli ini seperti yang kita sedia maklum sekarang ini adalah Monsun Timur Laut, banjir dan tengkujuh di Pantai Timur. Seperti yang sedia maklum bahawa penempatan pos ataupun kampung-kampung Orang Asli ini di pedalaman dan jalan utama mereka sekarang ini memang teruk dan hanya boleh berjalan kaki sahaja. Kenderaan 4x4 pun banyak yang tidak lepas.

Apa yang saya ingin sampaikan di sini Yang Berhormat Menteri adalah berkenaan dengan jambatan. Ada satu jambatan yang memerlukan perhatian serius daripada kementerian, iaitu jambatan di antara Pos Simoi Lama ke Pos Lenjang, Kuala Lipis Tuan Yang di-Pertua. Di Kuala Lipis, Pahang di mana kawasan ini tiada jambatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada jambatan?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tiada jambatan. Penduduk hanya- hendak pergi ke Pos Lenjang dan Pos Titom- penduduk sekitar ini lebih kurang dalam 4,000 orang penduduk dan sekarang ini mereka hanya merentasi sungai untuk hendak ke kampung mereka.

■1130

Kalau mengikut jalan biasa, yang tidak perlu merentasi sungai ini, memang tidak lepas. Kenderaan 4x4 pun tidak lepas, boleh lalu tetapi walaupun jarak sekitar 35 kilometer, tetapi mengambil masa sehingga lima jam ke enam jam. Jadi, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan? Adakah cadangan Yang Berhormat Senator?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Jadi, cadangan dan soalan saya, adakah keutamaan diberikan daripada Bajet 2019 untuk membina jambatan yang saya sebutkan itu di Sungai Lenjang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ini adalah spesifik. Jikalau ada jawapan...

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada soalan. Apa yang ingin saya jelaskan di sini, saya akan berbincang dengan pihak JAKOA. Kita akan mencari jalan. Semestinya kalau benda ini telah dibangkitkan sebelum ini dan sudah ada dalam permohonan pihak JAKOA, kita akan lihat di manakah, dengan izin, *prioritization* pembinaan jambatan tersebut. *Insyah-Allah* saya akan ambil maklum dan juga akan mengambil inisiatif, bukan sahaja untuk pegawai melihat sendiri keperluan, kalau ada masa, saya sendiri akan turun. Kita lihat bahawa kita akan cari jalan untuk mempercepatkan dan permudahkan proses untuk kita membina, menghubungkan Pos Simoi Lama dan Pos Lenjang ini dengan cara yang terbaik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2018**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.31 pg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] selepas ini dirujuk sebagai 'AUKU' telah diwartakan pada 29 April 1971 dan mula berkuat kuasa pada 30 April 1971. AUKU merupakan suatu akta yang telah diwujudkan bagi maksud menubuhkan, menyelenggarakan dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia.



Walau bagaimanapun, AUKU tidak terpakai ke atas Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) kerana UIAM telah mendapat pengecualian di bawah seksyen 5A AUKU kerana ditubuhkan di bawah triti antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. UiTM pula ditubuhkan di bawah aktanya sendiri iaitu Akta Universiti Teknologi Mara 1976 [*Akta 175*]. Sehingga kini, AUKU telah pun dipinda sebanyak enam kali yang mana pindaan terakhir pada tahun 2012 melibatkan beberapa pindaan. Antaranya, adalah pada seksyen 15, AUKU yang membenarkan pelajar terlibat dengan kegiatan politik di luar kampus. Dalam merealisasikan pemansuhan AUKU ini, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pemansuhan atau Pindaan AUKU, selepas ini dirujuk sebagai Jawatankuasa.

Jawatankuasa ini diberikan mandat untuk menyelaras, mengkaji dan menyemak peruntukan berkaitan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh dan kemudian mengemukakan cadangan kepada pihak kementerian. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar undang-undang, ahli akademik dan bukan akademik dari universiti awam dan swasta serta pelajar dan alumni. Kementerian juga telah menyediakan satu garis masa tempoh pelaksanaan pemansuhan atau pindaan AUKU di mana ia dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020.

Satu kajian menyeluruh bagi melihat kesemua akta yang berkaitan dengan pendidikan tinggi dan sistem tadbir urus pendidikan tinggi yang bersesuaian akan dilakukan. Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi *fact-finding*, dengan izin, bersama pemegang taruh untuk melihat persepsi dan kesediaan pemegang taruh untuk memansuhkan atau meminda AUKU daripada tiga sesi yang diadakan. Lebih daripada 70 peratus peserta bersetuju supaya AUKU dimansuhkan dan digantikannya dengan akta baharu yang lebih komprehensif dan dinamik, selari dengan keperluan pendidikan tinggi negara.

Antara isu utama dalam AUKU yang dibangkitkan termasuklah berkaitan dengan kebebasan pelajar berpolitik di dalam kampus serta pengendalian kes tatatertib, kebebasan akademik dalam melaksanakan penyelidikan dan aktiviti pembelajaran, kekangan ahli

akademik dalam menyatakan pendapat, bersuara dan berkaitan hal tadbir urus universiti terutamanya dalam hal pelantikan pengurusan tertinggi universiti.

Hasil sesi *fact-finding*, dengan izin, juga turut menggesa supaya kementerian dapat mempercepatkan pindaan berkaitan pelajar terutamanya dalam memansuhkan seksyen 50(2)(c) AUKU berhubung halangan untuk pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus. Pindaan ini bertujuan untuk memberi lebih banyak ruang dan kebebasan kepada pelajar dalam bersuara dan berpolitik di dalam kampus. Susulan itu, kementerian komited untuk memansuhkan peruntukan yang menghalang aktiviti berpolitik di dalam kampus di seksyen 15 AUKU.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, pelaksanaan jangka pendek kementerian akan memansuhkan peruntukan yang menghalang pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus iaitu:

- (i) seksyen 15(2)(c) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*];
- (ii) seksyen 47(2)(c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*]; dan
- (iii) seksyen 10(2)(c) Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*].

Seksyen 15(2)(c) AUKU merujuk kepada halangan untuk pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus. Peruntukan yang sama turut wujud dalam seksyen 47(2)(c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], dan seksyen 10(2)(c) Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, yang terpakai kepada UiTM, politeknik, kolej komuniti dan institut perguruan. Bagi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pindaan sewajarnya sedang dibuat kepada Peraturan Disiplin Pelajar 2004 UIAM yang akan dikuatkuasakan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan kuasa Menteri Pendidikan Tinggi untuk menetapkan tarikh akta mula berkuat kuasa.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 15, Akta 30. Subfasal 2(c) bertujuan untuk meminda perenggan 15(2)(c), Akta 30 untuk meniadakan larangan ke atas pelajar universiti untuk terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai saya ini, saya jemput untuk memulakan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Silakan.

■1140

11.40 pg.

**Datuk Lee Tian Sing:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Terdapat beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Di dalam manifesto Pakatan Harapan, sebanyak tiga kali telah dinyatakan bahawa Pakatan Harapan akan memansuhkan AUKU selepas memenangi pilihan raya. Ini menunjukkan bahawa Pakatan Harapan amat berhasrat untuk melaksanakan pemansuhan AUKU ini.

Setelah setengah tahun kerajaan baharu mengambil alih pentadbiran, satu pindaan AUKU telah dibentangkan di Parlimen. Namun, hanya pindaan yang amat minor sahaja dicadangkan iaitu seksyen 15(2)(c) dimansuhkan supaya membenarkan seseorang pelajar universiti boleh terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Matlamat kerajaan memansuhkan seksyen ini adalah untuk membuka ruang dalam kampus demi membenarkan pelajar universiti menyertai aktiviti politik tanpa larangan. Akan tetapi, terdapat satu kekhawatiran timbul di kalangan aktivis-aktivis pelajar di mana ini juga boleh membenarkan mana-mana parti politik memasuki kampus untuk berkempen dan beroperasi secara terbuka.

Terdapat sekumpulan pelajar universiti yang digelar sebagai Gabungan Pembebasan Akademik telah menghantar memorandum ke Parlimen pada 11 Disember 2018 yang lalu. Mereka berpendapat bahawa pindaan AUKU yang minor ini akan melemahkan pengaruh kumpulan pelajar yang bebas di dalam kampus. Ini kerana seksyen 15 hingga seksyen 15D masih wujud. Ini akan menghadkan aktiviti kumpulan pelajar untuk memungut wang demi pengoperasian persatuan mereka. Mereka meminta pemansuhan penuh seksyen 15 hingga

seksyen 16C dalam AUKU. Pada pandangan mereka, kesemuanya seksyen 15, dan seksyen 16 ini telah mengekang kebebasan bersuara dan kebebasan berpersatuan dalam kampus.

Maka, saya ingin membawa isu ini ke Dewan Negara dan persoalan saya ialah apakah justifikasi kementerian tidak memansuhkan kesemua seksyen 15 hingga 16C dalam pindaan kali ini? Apakah sebab kementerian tidak memansuhkan AUKU secara sepenuhnya tetapi hanya mengubah pindaan yang minor sahaja? Mengapa pemansuhan AUKU ini ditangguhkan sehingga tahun 2020 tetapi bukan dilaksanakan dengan kadar yang segera?

Selain itu, saya difahamkan kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal AUKU untuk mengkaji semula Akta AUKU ini dan hasil kajian telah dibentangkan kepada kementerian. Saya juga memohon penjelasan daripada kementerian, apakah hasil kajian dan pandangan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa tersebut? Adakah Jawatankuasa ini mempunyai wakil-wakil pelajar universiti yang secukupnya supaya pandangan wakil pelajar juga termasuk dalam hasil kajian tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan baharu amat memandang berat dalam kebebasan akademik dan autonomi universiti sebagaimana yang termaktub dalam Janji 50 Manifesto Pakatan Harapan iaitu:

- (i) Lembaga Pengarah Universiti akan diberi autonomi dan kuasa untuk memilih dan melantik naib canselor dan timbalan-timbalan naib canselor berdasarkan merit dan dengan cara yang telus dan kompetitif; dan
- (ii) Lembaga Pengarah Universiti juga akan diberi kuasa menentukan petunjuk prestasi, menilai pencapaian dan menentukan tangga gaji dan ganjaran-ganjaran lain bagi pegawai-pegawai kanan universiti serta menguruskan peruntukan kewangan yang diberi.

Panjang lebar saya membacakan manifesto Pakatan Harapan di sini sebab saya hendak mengingatkan kementerian bahawa kebebasan akademik yang dijanjikan oleh kerajaan baharu belum dilaksanakan. Pindaan AUKU kali ini langsung tidak menyentuh apa-apa perkara pembaharuan tentang autonomi universiti.

Maka, saya ingin meminta penjelasan dari kementerian, bagaimanakah kerajaan memastikan pelantikan naib canselor dan timbalan naib canselor di semua IPTA dan IPTS negara kita? Adakah tiada campur tangan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia atau Yang Berhormat Menteri Pendidikan? Kerajaan haruslah menulis secara hitam putih dengan membentangkan pindaan AUKU supaya pelantikan pihak pentadbir di semua universiti akan dijalankan tanpa campur tangan kerajaan.

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dan juga berharap agar huraian dan pencerahan yang saya kemukakan boleh dipertimbangkan oleh kerajaan secara mendalam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Silakan.

**11.47 pg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang memberikan kebebasan kepada mahasiswa dan mahasiswi mengambil- aktif dalam politik dalam kampus.

Memanglah pindaan ini salah satu janji dalam manifesto Pakatan Harapan dalam PRU 14 yang lalu. Soalan saya, adakah pindaan ini langkah pertama? Saya difahamkan langkah jangka panjang adalah untuk memansuhkan akta ini.

Seterusnya, pindaan ini, saya harap, Tuan Yang di-Pertua, akan memberi kebebasan kepada rakyat dalam kampus dan tidak akan disalahgunakan oleh pihak atau anasir-anasir yang tidak diingini untuk mengambil kesempatan memecah belah perpaduan di dalam kampus yang kita sedia ada sekarang. Salah guna kebebasan di bawah akta ini boleh memutuskan silaturahim di antara rakyat dalam kampus.

Besar harapan saya bahawa rakyat kampus ataupun mahasiswa dan mahasiswi pada zaman sekarang adalah amat lebih matang dari zaman lalu. Ini kerana saya pun ada *experience* semasa saya belajar di universiti di Melbourne, Australia. Saya ada kawan, tahun 1995, 1996 dan 1997 dahulu, selalu melibatkan diri dalam demonstrasi menentang kerajaan negara kita juga semasa itu. Saya selalu memberi nasihat kepada dia, janganlah terlibat 100 peratus ataupun 90 peratus dalam kegiatan politik. Sekarang kawan saya itu yang sepatutnya dia mendapat *degree* tetapi sekarang dia mundur dan dia hanya dapat diploma sahaja.

■1150

Ini ialah nasihat saya kepada mahasiswa-mahasiswi, bukan tidak boleh. Saya pun memang *encourage* mereka terlibat dalam politik akhir di dalam universiti-universiti kerana saya memang harap dan memang saya tahu mahasiswa-mahasiswi sekarang memang lebih matang daripada kami dahulu.

Sekarang kita ada gajet-gajet canggih, banyak maklumat kita dapat tepat. Dahulu kita tidak tahu apa yang sebenarnya. Sekarang kita dapat menepis apa yang sebenar dan apa

yang tidak benar. Saya bukan hanya menyokong cadangan pindaan kepada undang-undang tersebut, tetapi saya juga setuju pindaan tersebut perlu sekarang. Memang kita bimbanglah kerana pelbagai undang-undang sedia ada yang boleh memantau dan boleh menjaga ketenteraman suasana di dalam kampus juga, bukan memberi kebebasan untuk mahasiswa dan mahasiswi berkecimpung ataupun terlibat dalam politik dalam kampus. Dengan ini, saya menyokong pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

**11.52 pg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Permulaan perbahasan saya bagi memansuhkan peruntukan seksyen 15(2)(c) AUKU 1971 dengan persoalan, apakah kebebasan bersuara akan menjadikan mahasiswa terjebak dengan politik kampus secara meluas? Sejak 1971, mahasiswa dikatakan tidak bebas dan tidak mempunyai akses yg besar untuk menyuarakan pandangan mereka. AUKU yang diperkenalkan pada tahun 1971, kali terakhir dipinda pada tahun 2012, dengan hanya membolehkan mahasiswa menyertai kegiatan anjuran parti politik di luar kampus sahaja. Walaupun dipinda sebelum ini, AUKU masih kekal dibayangi unsur kekangan terhadap mahasiswa berpolitik dalam kampus terutama kumpulan yang mirip kepada pembangkang.

Pemansuhan seksyen akan membenarkan mahasiswa terbabit dalam kegiatan politik di kampus, sekali gus memberi lebih banyak ruang dan kebebasan kepada mereka untuk bersuara. Walaupun pindaan hanya membabitkan satu seksyen, ia secara langsung menghapuskan budaya takut yang membelenggu mahasiswa selama ini. Kini mahasiswa dilepaskan daripada rantai belenggu tersebut. Apa yang nyata, diharapkan usaha ini akan membawa kepada pembinaan generasi baharu masa depan yang lebih demokratik di samping sebagai manifestasi kepada pelaksanaan perubahan baharu yang lebih besar dan mampan.

Lantas itu, saya ingin mengajak orang ramai dan Ahli Dewan yang mulia supaya berfikir dan menyoal, apakah pimpinan hari ini tidak melalui persatuan-persatuan mahasiswa di universiti semasa zaman beliau di kampus dahulu. Lihat sahaja beberapa pemimpin termasuk ketua parti seperti Presiden PKR, Presiden AMANAH serta pemimpin-pemimpin lain

khususnya dalam Pakatan Harapan. Ramai gembira dan saya turut gembira, bukan kerana pindaan terhadap AUKU 2018 tetapi proses demokrasi yang lebih menyerlah di kampus dan juga salah satu perkara dalam manifesto Pakatan Harapan sudah ditunaikan.

Namun Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan apabila akta ini diluluskan, adakah selepas ini tidak berlaku lagi tindakan dan keputusan-keputusan yang akan menggugat demokrasi termasuk mogok, tunjuk perasaan, bantah melampau dan sebagainya oleh mahasiswa? Apakah tatacara dan persediaan pihak universiti dan kerajaan untuk menjamin mahasiswa tidak keterlaluan berpolitik sehingga menggugat proses pembelajaran mereka? Persoalan saya juga ialah, apakah jaminan kawalan oleh universiti dan kerajaan agar pihak tertentu sama ada daripada parti pemerintah atau pembangkang yang menggunakan kampus sebagai *base*, yakni gerakan untuk mereka sedangkan semua tahu kampus ialah tempat di mana pelajar menimba ilmu untuk persediaan masa depan mereka, keluarga dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya dengan penuh harapan agar mahasiswa bersikap matang dalam perjuangan politik dan tidak terpengaruh dengan ideologi tertentu seperti ajaran salah, perkauman dan unsur negatif lain yang akan merugikan diri mereka serta masyarakat. Saya berharap dalam pada kita menyokong AUKU dimansuhkan kerana ia sebagai janji politik, tetapi yang lebih penting ialah memupuk mahasiswa supaya menjadi dewasa dan matang dalam menentukan sama ada memenuhi keinginan berpolitik atau keinginan lulus dengan cemerlang. Walau apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong terhadap pindaan-pindaan berkaitan kebebasan mahasiswa berpolitik di kampus. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Silakan.

**11.57 pg.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi kesempatan kepada saya sebagai Ahli Dewan Negara yang baharu untuk turut terlibat dalam membahaskan rang undang-undang yang meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dalam seksyen 15(2)(c).

Terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Presiden Parti Keadilan Rakyat, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan juga mantan Presiden, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan juga sokongan daripada Dewan Undangan Negeri Selangor yang memungkinkan untuk saya berada dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia negara yang kita cintai inilah telah mengalami banyak perubahan sama ada perubahan sosial, ekonomi mahupun politik. Perubahan teknologi telah mempercepatkan proses perubahan ini. Siapa sangka yang dahulu kerajaan, sekarang pembangkang dan yang dahulu pembangkang, sekarang kerajaan. Ini merupakan perubahan-perubahan besar yang berlaku dalam senario politik tanah air negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini telah pun berada selama 47 tahun kerana ia telah dipinda pada tahun 1971, ketika itu untuk mengekang gerakan mahasiswa. Sudah sampai masanya untuk akta ini dipinda sesuai dengan keadaan zaman dan masa ketika ini. Mahasiswa merupakan aset bagi negara. Golongan mahasiswa hendaklah diberi peluang untuk terlibat sama dalam membuat keputusan dalam menentukan hala tuju masa depan negara. Pindaan perkara (c) untuk memberi peluang kepada mahasiswa terlibat dalam politik.

#### ■1200

Persoalannya apakah kerajaan terlibat kepada politik bermaksud terlibat secara aktif sebagai anggota politik atau pimpinan politik atau membenarkan parti politik ditubuhkan dalam universiti. Saya berpandangan berpolitik mesti dalam kerangka akademik. Mahasiswa bebas untuk berbahas isu-isu berkenaan politik kerana sebelum ini kabel saya itu agak tersekat. Mahasiswa tidak bebas untuk berbahas secara terbuka dalam universiti.

Mudah-mudahan kali ini, akta ini memberi kebenaran kepada mereka secara terbuka dalam kerangka akademik untuk berforum, berseminar dan bagi pandangan, menulis, memberi pandangan dalam pelbagai isu termasuk isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat. Mahasiswa juga mestilah diberi kesedaran soal-soal umpamanya kerajaan yang *good governance*, integriti, salah guna kuasa, rasuah yang ini juga dibahaskan dalam kerangka mahasiswa.

Isu-isu lain- saya ingat kalau ketika tahun-tahun awal dulu, di universiti bebas untuk memanggil mana-mana *speakers* daripada parti politik masuk dalam kampus. Cuma saya masih cenderung supaya berpolitik akademik itu bukan maknanya mahasiswa terlibat langsung dalam politik, menjadi ahli politik, pemimpin parti politik dalam kampus kerana *business* utama mahasiswa ialah untuk menghabiskan dunia akademiknya. Yang Berhormat Senator Tan Sri Ibrahim macam angguk-angguk setuju ya. Sebab dia lama di universiti. Maksud saya kebebasan berpolitik ialah dalam kerangka akademik. Bukannya menubuhkan cawangan parti politik di dalam kampus kerana pemimpin yang ada hari ini, saya pasti mereka yang lahir daripada dalam mahasiswa yang punya kesedaran politik sejak dalam kampus lagi.



Cuma akta yang menghantui ini- sejak zaman saya *student* lagi, saya *dok* lawan selama ini. Tuan Yang di-Pertua pun lawan akta juga ini ketika saya *student*. Sebab kadang-kadang ia menjadi satu alat kepada pihak universiti untuk menahan mahasiswa. Akan tetapi mudah-mudahan dengan pindaan ini telah menarik satu 'hantu raya' yang digunakan untuk menyekat mahasiswa agar mahasiswa ini bebas untuk terlibat dalam aktiviti politik.

Satu perkara lagi ialah kebenaran sudah diberi kepada mahasiswa untuk mengumpul dana. Ada satu seksyen di sini halangan untuk mengutip dana, "*Prohibition on collection of money by a student or by an organization, body or group of students.*" Saya rasa pada hari ini mahasiswa akan diberi kebebasan untuk mereka menjalankan aktiviti di dalam kampus untuk mengutip dana, mencari dana dan kerana ia akan merangsang semangat keusahawanan mereka. Saya dapati mahasiswa yang ketika zaman universitinya sudah terlibat dalam *business*, mencari aktiviti, mencari dana ini akan mudah untuk mereka bersaing ketika di luar. Oleh sebab itu saya berpandangan supaya akta ini juga meminda kebenaran mahasiswa untuk mencari dana.

Seterusnya ialah Tuan Yang di-Pertua, kebebasan juga hendaklah diberi kepada para akademia untuk menyampaikan pandangan-pandangan walaupun pandangan itu berbeza dengan pandangan kerajaan. Memang kebiasaannya mahasiswa itu dia ada idealisme yang bertentangan dengan pandangan kerajaan. Kerajaan kena bersifat terbuka seandainya mahasiswa mengkritik dasar kerajaan pada hari ini.

Saya telah dengar suara-suara mahasiswa mempersoalkan bila hendak dimansuhkan PTPTN, dan apakah ini juga perkara yang terangkum dalam Manifesto Pakatan Harapan. Saya sebut tadi ialah kebebasan hendaklah diberi para akademia untuk memberi pandangan-pandangan seandainya *finding research* mereka bertentangan dengan polisi kerajaan. Mereka berhak bebas dan mereka boleh menulis, menyampaikan pandangan dan tidak takut lagi diambil tindakan. Takut kena pindah sana, pindah sini kerana pandangan berbeza dengan pentadbiran universiti.

Kemudian, sebagai kakitangan awam, para akademia, apakah kebebasan berpolitik yang diberikan kepada mereka? Apakah mereka bebas untuk memimpin parti politik ataupun mereka hendaklah terlebih dahulu meminta kebenaran daripada kerajaan sebab mereka juga kakitangan awam yang terlibat dalam pembelajaran, menjadi pensyarah di universiti.

Jadi, inilah persoalan-persoalan asas yang saya rasa pihak kerajaan perlu perhalusi. Cuma akta ini yang dipinda sikit sangat. Hanya memansuhkan perkataan "atau", "dengan atau", dan "koma". Saya tidak berapa jelas hendak bandingkan akta asal ini dengan pindaan

ini. Oleh sebab itu saya minta kerajaan untuk beri penjelasan kerana terlalu sedikit, hanya dimansuhkan 15(2)(c) ini apakah bermakna kebebasan diberi kepada mahasiswa. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

### 12.06 tghari.

**Puan Asmak binti Husin:** *Auzubillahiminassyaitonirrojim. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.*

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan RUU AUKU yang sangat penting bagi mahasiswa dan saya pasti semua di sini dulu terlibat dengan AUKU ini termasuk sebagaimana yang disebutkan oleh pembahas sebelum ini.

Saya ingat saya tidak mahu memanjangkan kalam sebab banyak sudah sahabat-sahabat sentuh sebelum ini. Saya akan tambah sedikit apa lagi yang tidak dibangkitkan.

Pertamanya, saya rasa patut juga kita mengambil kira pandangan daripada mahasiswa yang memang mereka- kita bercakap tentang mereka dan kita memang sudah lepas usia mahasiswa. Antaranya mereka menuntut supaya pemansuhan AUKU ini disegerakan dan bagi mereka tempoh lima tahun itu agak lamalah untuk dimansuhkan sepenuhnya. Walaupun sebenarnya kita faham untuk memansuhkan sesuatu RUU itu perlu mengambil masa dan kajian. Namun, mungkin kita patut ambil kira juga pandangan mahasiswa ini.

Keduanya, kita faham bahawa kita mansuhkan 15(2)(c). Akan tetapi dalam masa yang sama kita ada 15(3)(b) yang mana 15(3)(b) menyatakan, "*mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.*" Jadi, pentakrifan sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar itu agak luas. Jadi 15(3)(b) ini dia boleh digunakan untuk menyekat pergerakan pelajar. Jadi, sejauh mana interpretasi ini dapat memberikan kebebasan kepada pelajar sebab kita bimbang 15(2)(c) mansuh tetapi 15(3)(b) masih ada.

Begitu juga kita ada 15(5) di mana, "*Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan...*" dan sebagainya. Ini bila kita cerita fasal mengawal selia selalunya dikaitkan dengan HEP. Biasanya dasar di peringkat atas itu memang terbuka dan

memang membenarkan pelajar bebas terlibat dengan aktiviti dan berorganisasi. Akan tetapi biasanya yang menjadi musuh bagi pelajar adalah HEP.

Jadi, sejauh mana kita nak membebaskan HEP dan juga dalam masa yang sama kita tidak mahu pelajar kita ini bebas dan demi atas nama kebebasan menghalalkan semua perkara walaupun benda itu haram.

Seterusnya, saya juga ingin menarik perhatian supaya kita dalam meminda RUU ini juga perlu ada sistem sokongan yang jelas untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai politik matang dan sejahtera. Kita perlu ada garis yang jelas antara kebebasan akademik, kebebasan berpolitik dan kebebasan bersuara. Saya lihat kalau di universiti di Malaysia, kita tidak ada standard ataupun *guideline* tentang garis panduan kebebasan akademik di universiti. Akan tetapi bila saya buat *literature review*, saya tengok di Indonesia, mereka ada standard kebebasan akademik untuk menjadi panduan kepada pelajar dan kakitangan bagaimana kita boleh bebaslah dalam konteks yang terkawal.

Oleh itu, saya cadangkan satu standard oleh pihak universiti yang merangkumi konsep asas dan falsafah akademik dalam kebebasan akademik. Kedua, sumber dan sandaran saintifik. Sebab kita tidak hendak pelajar ini membuat keputusan tapi dia tidak ada sumber saintifik. Kalau dalam pengajian Islam, kita hendak menghasilkan pelajar yang apabila dia membuat sesuatu tindakan dan keputusan, dia berdasarkan kaedah buat keputusan *usul fiqh*. Itu contohnya.

Ketiga, apakah tujuan dan hasrat kebebasan akademik, pelaksanaan kebebasan akademik, hak dan tanggungjawab serta limitasi dan kepentingan umum seperti masyarakat negara dan agama?

#### ■1210

Seperti mana yang saya sebutkan, kita semua memang faham gelora jiwa mahasiswa untuk aktif dan reformis. Namun begitu, perlu ada juga bagaimana *guideline* supaya mereka ini masih menjaga tatasusila, menjaga kepentingan-kepentingan negara, perlembagaan, agama dan sebagainya.

Seterusnya, dari segi definisi kebebasan berpolitik ini, ada mahasiswa membangkitkan bahawa pindaan ini sebenarnya adakah bermaksud kita memberikan kebebasan politik kepartian ataupun kebebasan berorganisasi. Hal ini disebabkan pindaan ini seolah-olah membenarkan parti politik untuk masuk ke dalam universiti beramai-ramai. Saya sebagai pensyarah, saya amat berhasrat supaya pelajar yang kita hasilkan ini adalah pelajar yang boleh membuat keputusan yang baik, mempunyai pendedahan kepada pelbagai asas

pemikiran, mempunyai asas pemikiran politik yang kuat tetapi dalam masa yang sama dia mempunyai pendirian.

Akan tetapi, kalau misalnya kebebasan kepada parti-parti politik untuk masuk, kita bimbang akan mewujudkan pelajar yang terkongkong dan pelajar yang mungkin ekstrem kepada satu-satu parti sahaja. Itu yang kita mesti teliti dan juga pelajar bangkitkan yang mereka mahukan adalah kebebasan berorganisasi. Hal ini disebabkan pelajar juga mereka mempunyai ideologi tersendiri. Walaupun contohnya kita dalam parti, kita ini mungkin sudah sederhana tua dan terlebih tua tetapi mereka ada ideologi sendiri. Mereka ada cara berpolitik sesama mereka. Jadi, apa yang mereka inginkan adalah kebebasan berorganisasi.

Oleh sebab itu, mereka menuntut dalam 15A(1) supaya mereka ini boleh menguruskan dana. Saya faham sebenarnya pelajar sekarang mereka boleh mengutip dana tetapi dengan kebenaran universiti. Akan tetapi duit itu mestilah dimasukkan dalam satu tabung di peringkat universiti. Akan tetapi, apa yang diinginkan oleh pelajar sekarang ialah mereka ingin mempunyai kebebasan dalam menguruskan tabung dan tidak terikat dengan apabila hendak membuat aktiviti mereka perlu membuat permohonan dan apabila ada permohonan itulah kadang-kadangnya agak sukar untuk mereka kreatif dalam melakukan aktiviti mengikut pada pandangan mereka.

Seterusnya, saya juga ingin bertanya, apabila bercerita tentang kebebasan berpolitik, adakah pelajar sekarang boleh menjadi ahli politik? Contohnya pelajar *Master* dan PhD. Bolehkah dilantik menjadi Senator?

Seterusnya kita juga bimbang tentang keseimbangan antara politik dan nilai akademis dan juga kebebasan bersuara. Akhir sekali, saya juga hendak menyentuh tentang kuasa autonomi yang diberikan kepada pihak universiti. Sejauh manakah kuasa autonomi diberikan pihak universiti ini tidak ada intervensi politik dan memberikan kebebasan akademis kepada pelajar. Sekian, terima kasih.

### **12.13 tgh.**

**Puan Raj Munni binti Sabu:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin akan menyentuh beberapa perkara saja lagi memandangkan beberapa hal yang lain telah disentuh oleh rakan-rakan Senator.

Cuma kalau kita lihat Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 ini sebenarnya melibatkan pindaan tiga fasal terhadap Akta Ibu iaitu Akta 30 dan antara

pindaannya adalah untuk meminda seksyen 15 dengan memotong perenggan (c) yang meniadakan larangan kepada para pelajar untuk terlibat dalam aktiviti politik di kampus.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada bermacam-macam perasaan untuk pindaan rang undang-undang ini. Tentu saja saya menerima baik pindaan untuk memberikan peluang kepada para mahasiswa untuk terlibat dalam parti-parti politik ataupun dalam membicarakan isu-isu yang berkaitan dengan politik negara. Akan tetapi, barangkali untuk ke peringkat politik kepartian untuk dibawa ke kampus, saya mungkin mohon penjelasan daripada pihak kementerian lah. Sebab- dan saya juga sebenarnya memikirkan apakah pindaan pada kali ini dan saya memahami kerajaan baharu berusaha untuk memberikan keadilan kepada mahasiswa, keseimbangan antara akademik dan juga kesedaran mereka untuk kepentingan negara.

Akan tetapi, pada masa yang sama saya juga kluatir jika pindaan ini dibuat secara tergesa-gesa, sekiranya, sebab kita pun maknanya kerajaan baru bertukar dalam tempoh enam hingga tujuh bulan. Kalau kita lihat daripada pindaan yang berlaku lima kali pindaan yang terakhir adalah pada tahun 2012, mereka bermula dengan mewujudkan satu jawatankuasa khas mengkaji peruntukan-peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti yang perlu dipinda dan apakah objektifnya. Ia melibatkan *stakeholders* kepada bidang akademik itu sendiri, kepada pihak yang terbabit di universiti yang terbabit.

Akan tetapi, untuk pindaan kali ini, saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk barangkali memberikan satu pencerahan kepada kita sama ada ia hanya untuk segera, memenuhi manifesto barangkali, tetapi kalau manifesto pun katanya adalah untuk dihapuskan. Pada kali ini adalah dipinda. Jadi, persoalan penting di situ adalah apakah ada jawatankuasa khas yang mengkaji ataupun ia dibuat secara untuk memenuhi manifesto.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan AUKU 2018 ini tentulah selari dengan hasrat kerajaan Malaysia baharu yang ingin menjadikan universiti sebagai medan intelektual secara terbuka dan seterusnya menghapuskan *the culture of fear* ataupun budaya takut. Akan tetapi, pada pemansuhan seksyen 15(2)(c) telah memberikan kebebasan kepada pelajar di universiti bukan hanya untuk berpolitik tetapi juga bebas untuk mengadakan forum-forum, wacana ilmu, aktiviti seperti *Speaker's Corner* dan apa saja aktiviti tanpa kongkongan undang-undang seperti mana yang sebelum ini yang dikatakan sangat mencengkam aktiviti pelajar selagi mana ia tidak mengancam keselamatan pelajar dan juga negara.

Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Asmak tadi, *again* kita balik kepada definisi sebab perkara itu terlampau luas. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian

mahu, menterjemahkan- *define* kebebasan ini sehingga tahap mana? Pindaan ini bukan saja mengizinkan para mahasiswa ataupun pelajar terlibat membicarakan isu-isu politik dan politik kepartian secara terbuka di luar dan memegang jawatan, dipilih dan juga memilih, termasuk sebagai calon pilihan raya, saya faham daripada pindaan akta ini tetapi juga berpolitik di dalam kampus.

*Again*, sejauh manakah kita hendak mengizinkan politik kepartian itu masuk ke kampus? Saya suka kepada pindaan ini sekiranya ia memberikan keadilan kepada semua sebab sebenarnya tanpa pindaan ini pun Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa parti politik termasuklah dulunya parti politik pemerintah yang bebas masuk dan menyebarkan fahaman mereka dan tidak kepada parti-parti yang lain khususnya pembangkang yang lain. Akan tetapi pindaan pada kali ini memberi kebebasan kepada semua. Cuma, persoalannya ialah sejauh mana? Pindaan ini juga mahu memberi kebebasan kepada pelajar tetapi bagaimanakah dengan *academician* yang lain ataupun pensyarah kah – sejauh manakah mereka boleh terlibat juga dalam membicarakan politik di luar?

Tuan Yang di-Pertua seterusnya, pindaan ini juga secara langsung telah memberi ruang kepada pelajar universiti untuk lebih awal menimba pengalaman berpolitik dan akhirnya diharapkan dapat meningkatkan melibatkan penglibatan mereka dalam arena politik kenegaraan pada secara keseluruhannya. Apakah negara kita ataupun pihak kementerian sama ada yang baharu ataupun yang lama, pentadbiran yang lama, kepimpinan yang lama ataupun yang baru pernah melakukan kajian bahawa apabila mereka, apabila mahasiswa diberi keizinan untuk terlibat dengan politik kepartian, maka ia akan meningkatkan penglibatan mereka di arena politik negara ataupun ini hanya satu persepsi kita? Sebenarnya di peringkat kampus itu sendiri, sebenarnya kalau ada maklumat, berapa ramaikah pelajar, mahasiswa yang sebenarnya berminat untuk terlibat dengan politik kepartian. Itu yang paling penting pada saya.

#### ■1220

Ya lah, kita perlu tahu berapa ramai. Apakah keutamaan mereka sebenarnya ataupun ini adalah keutamaan sebahagian yang kecil tetapi dilihat begitu besar sebab ia telah menarik perhatian pemimpin-pemimpin negara. Secara tidak langsung, saya juga melihat bahawa ada kecenderungan kita, baik kerajaan yang lama ataupun saya takut juga kalau berlaku di kerajaan yang baharu untuk menggunakan isu-isu pendidikan ini ataupun- ya lah daripada hal pendidikan ini untuk kepentingan politik masing-masing.

Ini kerana pada saya Tuan Yang di-Pertua, pendidikan perlu bebas, perlu dibebaskan daripada politik kepartian itu sendiri. Jika kita mahu pendidikan ini berjalan dengan lebih baik, maka ia perlu dibebaskan dari politik kepartian itu sendiri. Membicarakan politik tidak semestinya dalam rangka dan pakaian parti politik. Seperti mana dalam dewan yang mulia ini, kita diingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua supaya sepanjang kita berbahas, kita tinggalkan politik kepartian di luar. Kita hanya letak keutamaan kita di dalam Dewan yang mulia ini untuk kepentingan rakyat dan negara. Secara berdikit-dikit saya lihat rakan-rakan, teman-teman dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berjaya melakukannya. Oleh sebab keutamaan kita akhirnya adalah kepada rakyat dan negara tanpa mengira parti politik mana.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah selepas kita membentangkan rang undang-undang ini seperti mana contohnya di Dewan Rakyat lebih awal, apakah ada kumpulan-kumpulan yang berkepentingan kemudiannya memberikan pandangan kepada pihak kerajaan?

Saya kira juga perlu untuk supaya kita betul-betul boleh menimbang dan kemungkinan daripada situ kita juga boleh memberikan saranan-saranan seterusnya kepada pihak kementerian dan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat. Kita sudah pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni tadi.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Silakan.

**12.23 tgh.**

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.*

**Tuan Ismail bin Yusop:** Salam Malaysia baharu dan terima kasih juga kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang berkenaan ini. Saya hendak memulakan dengan pertama sekali, menyebutkan bahawa kita di Dewan yang mulia ini, kita mesti boleh membezakan antara penglibatan dalam politik dengan penglibatan dalam parti politik. Dengan izin, dia ada dua perimeter yang berbeza Tuan Yang di-Pertua. Apa yang jadi masalah kepada kita selama ini Tuan Yang di-Pertua ialah apabila orang melihat penglibatan dalam politik itu disamakan dengan penglibatan dengan parti politik.

Saya hendak tegaskan selagi politik ini menjadi hak eksklusif mana-mana parti politik, selagi itulah demokrasi yang sebenarnya tidak akan dapat dijelmakan dalam masyarakat. Bahkan apabila politik, dengan izin, *become an exclusive right of the politician* dan ketika itulah berlaku tragedi dalam demokrasi. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita ambil masa yang cukup panjang. Selama 60 tahun baru ada keberanian rakyat untuk melakukan perubahan politik. Ini bukti yang nyata menunjukkan bahawa dalam masyarakat, *we do not have a strong democratic culture*. Oleh sebab itu bagi saya, sudah sampai masa dan ketikanya untuk kita memulakan reformasi demokrasi ini dengan memberi peluang kepada para mahasiswa untuk terlibat dalam kepelbagaian ideologi politik yang ada.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), berkait rapat dengan soal urus tadbir universiti. Bahkan kalau tidak keterlaluan, saya melihat akta inilah sebagai punca kepada universiti hilang bukan sahaja kuasa autonominya tetapi mahasiswa sendiri tidak dapat layanan yang adil daripada pihak universiti.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas seksyen 15 ini walaupun ia hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan AUKU itu, ia berkaitan dengan penglibatan pelajar universiti dalam aktiviti politik sama ada di dalam ataupun di luar kampus. Saya pasti ia akan memberikan impak yang besar kepada landskap sosial dan politik negara. Lebih-lebih lagi dalam reformasi pilihan raya, saya difahamkan umur mengundi akan diturunkan kepada umur 18 tahun.

Sejujurnya Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya ialah apabila umur mengundi ini diturunkan kepada 18 tahun, apakah pelajar kita dan mahasiswa mempunyai kebijakan untuk membuat keputusan politik? Kalau sekiranya mereka tidak diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam perbahasan dan juga mengambil bahagian dalam hal-hal yang berkait dengan mengembangkan demokrasi dan ideologi politik. Persepsi terhadap mahasiswa akan mengabaikan akademik dengan pindaan ini bagi saya merupakan persepsi atau stigma yang perlu ditangani bersama oleh semua pihak termasuk mahasiswa sendiri.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, mahasiswa sendiri perlu bersatu untuk menangkis dakwaan yang bagi saya tidak logik dan tidak berasas. Kalau kita mengambil contoh umpamanya di negara Eropah yang mempraktikkan amalan demokrasi yang lebih terbuka, dan kita lihat pula impak yang positif kepada pembangunan nilai masyarakat dan juga negara. Saya yakin, pindaan ini akan membantu untuk mewujudkan masyarakat yang lebih cakna dan peka terhadap pembangunan sosioekonomi dan politik negara.



Namun Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain, kebebasan yang diberikan ini perlu digunakan dengan sebaiknya, dengan penuh tanggungjawab dan amanah supaya ia dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Ini kerana mahasiswa juga masih lagi terikat dengan undang-undang negara dan tidak boleh sewenang-wenangnya menjadikan pindaan akta ini sebagai senjata untuk melakukan sesuatu yang radikal dan boleh mendatangkan kesan negatif kepada negara terutamanya.

Oleh kerana itu, saya bersetuju dengan pandangan supaya Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk meraikan demokrasi di universiti, perlu melihat sama ada perlu diwujudkan atau perlu diadakan suatu garis panduan yang jelas. Bagaimana mahasiswi di institusi pengajian tinggi dapat melibatkan diri dalam kepelbagaian ideologi politik ini dengan cara yang positif? Supaya objektif pindaan ini akan lebih bermakna kerana perubahan dan kebebasan perlu dimanfaatkan sebaiknya agar ia seiring dengan objektif ataupun semangat pindaan yang dibuat ini.

#### ■1230

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini saya yakin akan membentuk satu medan intelektual yang bakal akan dirasai bukan sahaja oleh masyarakat mahasiswa, tetapi masyarakat akademik keseluruhannya dan secara langsung.

Dengan ini, akan dapat membantu kita bersama menilai dan mengkaji tentang apakah yang benar dan apakah yang salah tanpa halangan atau tanpa mendiskriminasikan mana-mana pihak. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail Yusop.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Dipersilakan.

#### 12.31 tgh.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan saya pada pagi ini tidaklah panjang. Saya hendak pertamanya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya menyokong penuh rang undang-undang pindaan AUKU ini. Saya amat mengharapkan semua daripada kita yang ada di Dewan yang mulia ini juga perlu menyokong hasrat dan juga keperluan yang saya fikir sangat-sangat mendesak mutakhir ini. Saya beranggapan bahawa pindaan yang dicadangkan

ini terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah berkait rapat dengan soal urus tadbir universiti dan kebebasan bersuara mahasiswa.

AUKU kalau kita nak melihat kembali secara retrospektif, ia telah dibentangkan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn selaku Menteri Pendidikan waktu itu di Parlimen pada 17 Mac 1971 dan mula berkuat kuasa pada 30 April 1971. Tujuannya adalah untuk mewujudkan peraturan bagi penubuhan, penyelenggaraan dan pentadbiran universiti-universiti dan kolej-kolej universiti awam serta perkara-perkara lain yang berkaitan.

Malangnya, sekian lama AUKU telah menjadi penghalang ataupun halangan kepada mahasiswa dan ahli akademik dalam menyuarakan pandangan secara bebas. Hal ini dilihat bertentangan dengan peruntukan yang telah termaktub dalam Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan yang mana ia menggariskan bahawa hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan adalah hak kepada mana-mana individu yang sah sebagai warganegara Malaysia. Pembatasan hak-hak asasi warga universiti dan kolej juga bertentangan dengan Perkara 19, *Universal Declaration of Human Rights* yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan pada hari ini, saya bersetuju dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop tadi bahawa penglibatan parti politik dan penglibatan politik dalam dunia mahasiswa di universiti dan kolej ini adalah dua perkara yang sangat-sangat berbeza. Bahkan saya lihat bukan sahaja di kalangan pemimpin dan mahasiswa itu sendiri, tetapi rakyat keseluruhannya juga kadang-kadang terkeliru apabila menyebut soal anak-anak kita yang berada di universiti dan kolej terlibat dalam politik. Ia seolah-olah mereka itu menjadi ahli kepada parti politik dan mempromosikan agenda parti masing-masing dalam kawasan universiti dan kolej.

Sebenarnya yang saya dapat lihat mutakhir ini, apa yang diinginkan oleh anak muda adalah peluang dan ruang bagi mereka mengekspresikan aspirasi mereka, pemahaman mereka, keinginan mereka, kehendak mereka akan masa hadapan bagaimana yang mereka mahukan.

Untuk merealisasikan aspirasi mereka ini adalah dengan menjadikan mereka itu bebas untuk menyuarakan pandangan mereka dalam ruang lingkup politik. Bahkan saya gembira kerana selepas usaha- saya gunakan perkataan "*liberalisasi*" yang telah dibuat juga oleh kerajaan sebelum ini untuk memberi ruang kepada mahasiswa mula bersuara dan terlibat dalam politik telah berjaya melahirkan kumpulan-kumpulan mahasiswa yang akhirnya berjaya

mendapat tempat dalam kepimpinan, sama ada kerajaan dan agensi-agensi serta organisasi-organisasi yang ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan juga pada hari ini ialah Kementerian Pendidikan perlu melihat kepada dua aspek. Pertama, garis panduan seperti Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop telah sebutkan tadi, supaya apa yang mereka suarakan itu tidak menjurus kepada sebarang usaha untuk memecahbelahkan masyarakat. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, kita ada kebebasan di universiti, kita sokong.

Akan tetapi anak-anak muda kita yang berada di mahasiswa, pelajar-pelajar kita juga perlu dididik supaya apa yang mereka per katakan itu, apa yang akan mereka hasilkan itu nanti tidak ada implikasi negatif tidak baik kepada perpaduan dalam masyarakat kita. Sebagai contoh, kalau mahasiswa kita yang nak kita lahirkan sebagai suatu hari nanti menjadi pemimpin politik, pemimpin politik bentuk mana yang kita nak lihat dapat kita lahirkan bersama hasil daripada pindaan akta AUKU ini.

Kalau kita semata-mata memberi kebebasan kepada anak muda, mahasiswa, pelajar kita di universiti tetapi akhirnya kita melahirkan pemimpin politik yang bersifat sebagai contoh, menjadi *racist bigotry* ataupun *racist bigot*, mereka yang hendak mencetus dan bermain dengan isu perkauman, maka tidak guna kita ada kebebasan bersuara di universiti dan kolej.

Jadi sebab itu kementerian kena lihat, mesti bermula daripada peringkat seawal persekolahan lagi. Saya sentiasa berdiri teguh, *I stand my ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mesti ada pendedahan terhadap ilmu perlembagaan, ilmu demokrasi daripada awal alam persekolahan lagi. Dibawa pula masuk ke peringkat universiti, di kolej seperti yang disebut oleh Senator Tuan Ismail bin Yusop tadi supaya anak-anak muda kita dididik. Apabila mereka membuat *judgement*, pertimbangan mereka, apatah lagi kalau umur mengundi itu kita kurangkan kepada 18 tahun, mereka membuat pertimbangan secara matang, secara rasional. Jadi, ini perlu dilihat dengan lebih teliti oleh Kementerian Pendidikan.

Minta maaf, saya hendak menggunakan sedikit ataupun mengaitkan sedikit dengan peristiwa dan kesedihan negara yang berlaku baru-baru ini, apa yang berlaku kepada Allahyarham Adib. Ini merentasi soal perkauman, ini merentasi dan melampaui soal politik. Ini adalah semata-mata kerana anak-anak muda dalam negara kita gagal untuk memahami bahawa kita perlu saling menghormati dan saling menerima perbezaan dalam negara kita ini.

■1240

Akhirnya apa yang berlaku? Apatah lagi wujud segelintir pemimpin sama ada daripada kerajaan ataupun pembangkang sekalipun yang cuba bermain polemik dengan peristiwa ini dan sehingga menyebabkan kita hilang satu nyawa yang tidak sepatutnya.

Jadi semangat daripada pindaan AUKU ini sebenar apa yang kita hendak buat? Kita mesti lahirkan mahasiswa menjadi pemimpin-pemimpin yang lebih bertoleransi, yang boleh memahami antara satu sama lain. Bukannya pemimpin yang sifatnya *racist*, yang bersifat penting diri, yang hanya tahu untuk mencapai *benefit* ataupun matlamat dalam ruang lingkupnya sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Sudah tentulah dalam hal ini saya nak tekankan apa yang berlaku tempoh hari, kita semua dalam Dewan yang mulia ini amat-amat sedih dan kita mengecam segala macam tindakan yang tidak berperikemanusiaan yang telah berlaku kepada Allahyarham Muhammad Adib.

Apa yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, daripada pindaan AUKU ini, kita juga ingin melihat bahawa kerajaan benar-benar serius. Kementerian Pendidikan benar-benar serius apabila Dewan Negara hari ini menerima rang undang-undang ini bahawa mesti lihat aspek pendidikan itu untuk menyatupadukan masyarakat majmuk dalam negara kita. Ia perlu dilihat daripada ruang ataupun sisi silibus yang diajar di sekolah dan juga di universiti-universiti. Silakan, Yang Berhormat Senator.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik bila mendengar Yang Berhormat Senator menyebut soal kerisauan apabila rang undang-undang ini kita luluskan. Kerisauan Yang Berhormat Senator tadi ialah, dengan izin, *what sort of leaders that we are going to create* pada masa akan datang.

Saya hendak bercakap ini juga sebagai seorang bapa yang hari ini mempunyai dua orang anak yang sedang belajar di pusat pengajian tinggi dalam jurusan masing-masing. Adakah Yang Berhormat akan bersetuju kalau sekiranya kita membenarkan pelajar-pelajar ini berpolitik secara terbuka, akhirnya ia akan mengundang kepada permasalahan yang lebih besar bila mana mereka sudah boleh bercakap kepada Prof. Emeritus Tan Sri kita di sini.

Bila mereka boleh berpolitik secara berleluasa, akhirnya boleh mengundang juga kepada masalah-masalah yang lain. Contohnya saya hendak maklumkan. Saya pun mendengar daripada anak-anak saya. Dulu sebelum pilihan raya, ada segelintir kecil pensyarah-pensyarah mereka ini yang bercakap soal politik secara terbuka dalam kelas

mereka. Sudah tidak ada lagi dengan cara tertutup. Kempen secara terbuka dibuat kepada pelajar-pelajar ini. Kerisauan ini segelintir kecil.

Kerisauan kita, adakah Yang Berhormat setuju kalau sekiranya benda ini dibenarkan, kawalan kepada ini akan lebih terbatas nanti di masa akan datang dan boleh mengakibatkan anak-anak kita ini risau? Kalau pensyarahnya pro kepada parti-parti politik yang tertentu, kalau dia ini *on the other side* dengan izin, maka boleh menjejaskan nanti keputusan peperiksaan dan sebagainya kerana *we allow that* secara terbuka, dengan izin.

Jadi adakah Yang Berhormat Senator setuju ini juga boleh mengundang kepada permasalahan yang tidak boleh kita kawal nanti kalau sekiranya kita membenarkan ini secara terbuka dan berleluasa. Apa pandangan Yang Berhormat Senator?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat. Seperti yang saya telah sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, ya kita setuju AUKU ini kita pinda untuk beri lebih kebebasan kepada pelajar-pelajar kita. Akan tetapi yang lebih penting adalah garis panduan, Yang Berhormat Senator. Kementerian Pendidikan hari ini bertanggungjawab. Dahulu kita ada Kementerian Pengajian Tinggi. Hari ini Kementerian Pendidikan jaga kedua-duanya. Pengajian tinggi pun dia jaga, sekolah-sekolah pun dia jaga. Cikgu-cikgu pun dia jaga, pensyarah-pensyarah pun dia jaga.

Jadi kena ada garis panduan yang jelas. Soalnya hari ini pertamanya, pelajar-pelajar mahasiswa ini, kalau sudah masuk universiti-universiti, kolej-kolej, niat pertamanya mesti apabila tamat belajar, dapat keputusan baik, dapat ijazah gred yang baik supaya apabila mendapat keputusan dan ijazah yang baik, boleh mendapat pekerjaan yang baik juga.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga hendak melihat anak-anak muda hari ini juga mampu untuk bersuara demi masa hadapan mereka dalam ruang lingkup dan keterbatasan yang boleh diterima. Oleh sebab itu saya hendak lihat, kalau semangat daripada pindaan AUKU ini- saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat. Semangatnya adalah untuk melihat pelajar-pelajar kita walaupun AUKU ini kita pinda untuk beri kebebasan tetapi masih lagi boleh menyerlah, mendapat keputusan dan prestasi akademik yang baik. Pada masa yang sama, mereka ini juga dapat dibentuk sebagai pemimpin masa hadapan yang mampu menjadi pemimpin yang lebih bertoleransi, yang matang apabila membuat keputusan-keputusan demi masa hadapan yang tidak menjurus kepada bermain dengan polemik-polemik perkauman.

Saya sebutkan tadi, dengan izin, *racial bigotry*. Ini yang saya hendak lihat, kita tidak mahu lahirkan lagi, kita tidak hendak bentuk dan tidak mahu lahirkan pemimpin-pemimpin

pelajar mahasiswa yang akhirnya menjadi seperti Menteri Yang Berhormat Senator Waytha Moorthy kita. Menteri Perpaduan... *[Disampuk]* Sudah tu hendak sebut siapa lagi. Memang betul pun... *[Disampuk]* Menteri Perpaduan. Kita kalau nak lahirkan, kita lahirkan pemimpin-pemimpin mahasiswa yang boleh menjadi seperti sebagai contoh Tun Razak, Tun Dr. Ismail.

Semalam saya dengar perdebatan dan perbahasan mendiang V. David. *Sorry* semasa ucapan oleh Tuan Yang di-Pertua semalam. Mendiang V. David daripada parti DAP yang berjuang habis-habisan untuk menegakkan hak-hak *union* pekerja. Akhirnya baru kita semua tahu tarikh 1 Mei, cuti umum itu adalah perjuangan daripada mendiang V. David. Kita lahirkan ramai pemimpin-pemimpin seperti ini. Bukan pemimpin-pemimpin yang hanya tahu bermain dengan isu-isu perkauman.

Jadi *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tamatkan perbahasan saya. Cuma saya hendak lihatlah Kementerian Pendidikan- terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sangat komited, yang duduk mendengar ini. Pastikanlah apabila Dewan Negara terima dan luluskan pindaan AUKU ini, garis panduan itu mesti dihasilkan. Ini wajib. Kerana apa? Semangat kita adalah untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang benar-benar mampu menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dalam negara kita demi masa hadapan yang lebih baik dan lebih cemerlang, *insya-Allah*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbahasan saya dan saya sekali lagi menyatakan sokongan penuh saya kepada pindaan rang undang-undang ini. Sekian. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Dalam rang undang-undang ini, lapan orang tokoh-tokoh senator kita telah berucap dan berbahas dan kita dengar dengan begitu baik dan teratur.

Sekarang, saya minta pula Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan.

**12.38 tgh.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada lapan orang Yang Berhormat Senator dan juga seorang Yang Berhormat Senator yang meminta laluan dan beri ulasan tadi. Jadi seramai sembilan orang Yang Berhormat Senator yang telah memberi ulasan kepada pindaan kepada AUKU ini. Akan tetapi saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana nampaknya sembilan orang yang terlibat dalam perbahasan ini semua menyokong rang undang-undang untuk meminda AUKU ini.

Jadi di sini saya memang hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam perbahasan dan juga sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kita terhadap pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perbahasan ini banyak yang membangkitkan beberapa isu. Jadi saya akan jawab ikut isu dan selepas itu saya akan bergerak kepada Yang Berhormat demi Yang Berhormat yang lain supaya diharapkan semua isu dapat saya jawab pada hari ini. Ini kerana saya rasa dalam perbahasan, banyak isu yang sama telah disebut tetapi banyak pandangan yang telah diberi juga. Jadi saya akan menjawab bermula dengan tajuk yang berbeza dan selepas itu soalan-soalan yang terperinci.

Salah satu soalan yang telah dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat Senator adalah kenapa kita tidak mansuhkan AUKU secara keseluruhan dan hanya membentangkan pindaan kepada seksyen 15. Saya hendak memperbetulkan di sini terlebih dahulu. Tempoh masa untuk kita memansuhkan AUKU bukanlah lima tahun, tetapi adalah dua tahun iaitu kita dalam jangkaan masa kita pada tahun 2020, kita harap bahawa satu rang undang-undang yang baharu boleh dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara.

■1250

Oleh sebab kita rasa kita perlu masa yang panjang, kita membuat pindaan, membentangkan rang undang-undang pindaan ini terlebih dahulu supaya- daripada saat bahawa Rang Undang-undang AUKU (Pindaan) ini diluluskan, digazet mahasiswa mahasiswi kita sudah ada kebebasan untuk berpolitik di luar dan juga di dalam kampus.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan jawatankuasa kerja yang berperanan untuk menyediakan input dan draf kandungan baharu bagi menggantikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menjelang tahun 2020, menyelaras laporan berkala dan pembentangan kepada Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pemansuhan dan Pindaan AUKU.

Manakala Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Pemansuhan dan Pindaan AUKU pula berperanan sebagai menyelaras, mengkaji dan menyemak peruntukan berkaitan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh dan mengemukakan laporan kepada jawatankuasa induk. Kesemua ahli jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli akademik, bukan akademik, penasihat undang-undang, wakil pelajar dan wakil persatuan yang merupakan pemegang taruh universiti awam dan swasta.

Bagi pelaksanaan jangka pendek, KPM bersetuju untuk membatalkan peruntukan yang menghalang pelajar terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus dan pindaan tersebut telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Disember dan pada hari ini di Dewan Negara.

Pindaan AUKU ini dilaksanakan sekali dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 yang mempunyai peruntukan yang sama dan terpakai kepada Institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik, kolej komuniti dan Institut Perguruan Malaysia.

Sehingga November 2018, kerajaan telah melaksanakan sebanyak empat sesi keterlibatan *engagement* untuk mendapatkan pandangan dan input mengenai AUKU yang melibatkan pemegang taruh seperti mahasiswa, pentadbir universiti, staf akademik, penasihat undang-undang dan juga warga Kementerian Pendidikan.

Hasil sesi ini menunjukkan bahawa pemegang taruh bersetuju untuk meminda atau memansuhkan AUKU dan berpandangan supaya kuasa Menteri dilihat semula terutamanya bagi pelantikan pengurusan tertinggi di universiti. Pemegang taruh turut berpandangan bahawa autonomi universiti perlu di perkasa untuk memberi lebih kebebasan kepada ahli akademik dan mahasiswa dalam menyuarakan pandangan mereka.

Nisbah keahlian dalam lembaga pengarah juga perlu dikaji bagi memastikannya memenuhi keperluan sesebuah universiti. Kerajaan telah meletakkan satu garis masa di mana pemansuhan AUKU dan akta baharu pendidikan tinggi dicadangkan dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020. Jawatankuasa Teknikal Pemansuhan Atau Pindaan AUKU ini adalah dianggotai oleh penasihat undang-undang dari universiti awam, pensyarah, pegawai dari universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta dan badan berkanun serta wakil pelajar dan aktivis AUKU.

Nama-nama Ahli Jawatankuasa Teknikal adalah seperti Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. 'Sheik Sharil Fakhru', Yang Berusaha Profesor Madya Dr. 'Azmi Shahrom', Yang Berusaha Profesor Dr. 'Zaharul Nin', dan juga Yang Berusaha Profesor Dr. 'Edmund Terrance Gomez', dan juga kita ada tiga orang wakil pelajar iaitu Encik 'Syed Ali', 'Siti Alivi' dari UKM, dan juga Encik 'Wong Yen Ker' dari UM, dan juga Encik 'Mohd Faizuddin bin Mohd Zaid' dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Jadi tadi ada disebut bahawa sama ada kita ada perwakilan daripada mahasiswa mahasiswi, jawapannya memang kita ada perwakilan daripada mahasiswa mahasiswi dan kita memang menghargai input-input yang datang daripada mereka.



Selain daripada itu, juga ditanya kenapa kita tidak mansuhkan itu seksyen 16, AUKU? Kenapa seksyen 16 AUKU dikekalkan dan juga seksyen-seksyen lain di bawah Akta 15 AUKU. Saya hendak memberi beberapa contoh di sini kalau kita merujuk kepada seksyen 15, seperti 15 (2A) yang menyatakan bahawa, "*Seseorang pelajar universiti tidak boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia.*" Ini adalah salah satu seksyen di bawah seksyen 15 (2A).

Jadi seksyen ini kita perlu kekalkan pada masa ini sehingga kita membentangkan satu rang undang-undang baharu untuk menggantikan AUKU. Ini kerana kita rasa bahawa walaupun kita hendak memberi kebebasan kepada mahasiswa mahasiswi kita tetapi saya rasa dari segi undang-undang dan juga pandangan kita, kita tidak boleh mengizinkan mereka untuk menyertai mana-mana satu persatuan yang telah menyalahi undang-undang di dalam atau di luar Malaysia. Jadi sebab itu bukan semua seksyen di bawah 15 ini kita mampu untuk mansuhkan pada masa ini.

Selain daripada itu, kalau kita rujuk kepada seksyen 15(4) di mana yang menyatakan di sana. Walau apa pun subseksyen (5), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada:

- (a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
- (b) menyatakan sendiri mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) pada sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana parti politik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan Lembaga di bawah perenggan 3 (b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Kelima, seksyen 15 (5) yang menyatakan- jadi saya merujuk seksyen-seksyen ini untuk menunjukkan bahawa sebenarnya subseksyen 15(4) ini memberikan perlindungan kepada mahasiswa dan mahasiswi. Oleh sebab itu tidak ada keperluan untuk kita memansuhkan seksyen itu pada masa ini juga.

Jadi saya berharap bahawa kita boleh melihat pindaan ini secara keseluruhan. Saya faham bahawa banyak yang minta bahawa semua dimansuhkan pada masa ini. Akan tetapi kita perlu buat mengikut *stages*, beberapa peringkat. Apa yang kita boleh mansuhkan sekarang kita buat sekarang tetapi di mana ada perlindungan kepada mahasiswa mahasiswi kita rasa perlu kekalkan, kita kekalkan.

Ada kebebasan yang kita tidak boleh beri kepada mahasiswa mahasiswi seperti menyertai persatuan ataupun apa-apa NGO yang menyalahi undang-undang. Itu kita tidak boleh bagi kebebasan kepada mereka. Akan tetapi, saya rasa apabila menjelang tahun 2020, kita akan membentangkan satu rang undang-undang yang baharu untuk menggantikan AUKU dan supaya pandangan yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebentar tadi, semuanya akan diambil kira.

Selain itu, salah satu isu yang beberapa kali dibangkitkan adalah tentang cawangan parti politik ataupun sampai tahap apa kita boleh membenarkan pelajar-pelajar kita untuk berpolitik dalam kampus? Saya ingin menyatakan di sini bahawa autonomi adalah diberikan kepada universiti untuk memperincikan kebebasan mahasiswa untuk terlibat dalam kegiatan politik kepartian di dalam kampus. Jadi, kita akan memberi autonomi ini kepada pihak universiti untuk memperincikan kebebasan ini.

Apa yang jelas melalui pindaan yang sedang diusahakan ini ialah keterlibatan dalam aktiviti politik dalam kampus tidak akan lagi menjadi satu kesalahan apabila rang undang-undang ini diluluskan. Jadi, seksyen 15(2)(c) yang dipinda merujuk kepada penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti politik di dalam kampus, mahasiswa akan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti parti politik seperti menjemput wakil politik untuk memberi ceramah serta menubuhkan kelab parti politik, namun ia masih tertakluk kepada kebenaran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya minta kita tangguh jawapan itu selepas 2.30 petang.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik terima kasih. Terima kasih banyak Ahli-ahli Berhormat yang saya kasihi. Jam naik sudah satu. Sekarang saya tangguhkan Mesyuarat Dewan hingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 tengah hari]***

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita minta sambung semula tadi. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung gulung saya untuk menggulung Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 (AUKU). Saya hendak sebut di sini bahawa pemansuhan peruntukan seksyen 15 ini akan memberi lebih ruang kepada mahasiswa universiti untuk bersuara dan terlibat dalam aktiviti politik di dalam kampus.

Akan tetapi saya perlu akui bahawa saya tidak ada statistik yang menunjukkan berapa orang mahasiswa yang telah menyertai politik ataupun berapa orang mahasiswa yang memang minat menyertai aktiviti-aktiviti politik. Walaupun begitu, pindaan kepada AUKU ini perlu dilihat kerana perkara ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan berupaya untuk menyuarakan pandangan mengenai isu semasa dan juga hasrat kerajaan untuk menurunkan umur mengundi kepada 18 tahun.

Jadi kalau kita berhasrat untuk turunkan umur mengundi kepada 18 tahun tetapi kita tidak memberi kebebasan berpolitik ini kepada mahasiswa-mahasiswi ini, saya rasa kita ada percanggahan dalam polisi-polisi negara kita. Selain daripada itu, transformasi politik yang dibawa oleh kerajaan mengukuhkan institusi demokrasi bagi memberi kebebasan kepada mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti berpolitik dalam kampus.

Kita juga yakin mahasiswa tidak akan mengabaikan pembelajaran mahasiswa kerana sibuk berpolitik. KPM akan pastikan pembinaan ekosistem holistik di universiti-universiti kita sekarang. Medan intelektual terbuka akan melahirkan siswa dan siswi yang seimbang di dalam pelajaran, idealisme, aktivisme dan keperibadian.

Selain daripada itu, mengenai isu kebebasan bersuara, belia Malaysia amnya perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar. Bukan sahaja melengkapkan mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap malah memperkasakan daya tahan untuk meneroka peluang-peluang baru.

Mahasiswa perlu juga didedahkan dengan realiti keadaan semasa dunia dan diberi galakan dalam menyuarakan pandangan dan idea bagi melahirkan graduan yang lebih peka dan matang dalam menghadapi alam pekerjaan. Kementerian berpandangan bahawa, dalam usaha melahirkan graduan yang seimbang serta matang, mahasiswa wajar diberikan kebebasan untuk bersuara di dalam dan di luar kampus.

Pindaan seksyen yang menghalang aktiviti berpolitik di dalam kampus dilihat dapat menambah baik pengalaman pembelajaran mahasiswa di universiti dengan memberi lebih ruang untuk mahasiswa bersuara dan mengemukakan pandangan berkaitan isu-isu semasa.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari juga tanya tentang penubuhan cawangan parti politik dalam universiti dan sama ada parti politik boleh masuk kampus untuk berpolitik. Saya hendak sebut di sini bahawa autonomi diberikan kepada universiti untuk memperincikan kebebasan mahasiswa untuk terlibat dalam kegiatan politik kepartian di dalam kampus.

Apa yang jelas, melalui pindaan yang sedang diusahakan ini ialah keterlibatan dalam aktiviti politik dalam kampus tidak akan lagi menjadi satu kesalahan apabila rang undang-undang ini diluluskan.

Jadi, seksyen 15(2)(c) yang dipinda merujuk kepada penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti politik kepartian di dalam kampus. Mahasiswa akan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti parti politik seperti menjemput wakil politik untuk memberi ceramah serta menubuhkan kelab parti politik, namun ia tertakluk kepada kebenaran naib canselor seperti yang termaktub di dalam subseksyen 15(5) AUKU.

Sejak kebelakangan ini, kita boleh lihat bahawa Presiden PAS, Presiden PKR dan juga Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang dari DAP turut dijemput dan masuk ke dalam kampus untuk memberi ceramah dan kongsi pandangan mereka. Kita rasa ini adalah satu perkembangan yang baik dan menggalakkan. Jadi di sini kita tidak akan hadkan jemputan itu mestilah datang daripada ataupun jemputan itu terhad kepada parti politik kerajaan tetapi juga terbuka kepada pembangkang. Ini kerana kita rasa pendedahan sebegini adalah amat penting bagi mahasiswa dan mahasiswi ini.

Saya masih ingat pada tahun 2009 apabila saya bersama dengan Yang Berhormat Menteri Puan Teresa Kok Suh Sim telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam aktiviti debat di Universiti Malaya dan mahasiswa yang menjadi penganjur itu telah diambil tindakan tatatertib. Jadi saya rasa, selepas pindaan ini kita boleh pastikan bahawa tiada lagi mahasiswa

akan diambil tindakan oleh sebab mereka menjemput seseorang ahli politik, wakil rakyat untuk masuk ke dalam kampus.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga tanya bahawa sejauh manakah kebebasan politik ini dibenarkan dengan pemansuhan peruntukan seksyen 15(2)(c) AUKU dan adakah pindaan ini memberikan kebebasan kepada pelajar untuk berorganisasi atau sebagai kebenaran parti politik untuk memasuki universiti.

Peruntukan 15(2)(c) yang dipotong merujuk kepada penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti politik kepartian di dalam kampus. Mahasiswa akan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti parti politik untuk memberi ceramah serta menubuhkan kelab parti politik.

Walau bagaimanapun, mahasiswa diberikan kebebasan untuk bersuara dan menyatakan idea tetapi mereka masih lagi tertakluk kepada kaedah tata tertib pelajar di bawah seliaan universiti masing-masing. Antara perkara penting yang dinyatakan di dalam KPP iaitu kaedah tata tertib pelajar adalah berkaitan elemen keharmonian universiti dan dalam menjaga nama baik universiti. Mereka juga masih tertakluk kepada akta-akta yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pertubuhan 1966, Akta Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Akta Perhimpunan Aman 2012 dan akta-akta lain yang berkaitan.

Tentang soalan sama ada mahasiswa-mahasiswi boleh memegang jawatan penting dalam parti politik. Secara umumnya, tiada sekatan untuk memegang jawatan dalam parti politik diperuntukkan di dalam AUKU. Akan tetapi sama ada mahasiswa-mahasiswi boleh memegang jawatan atau tidak, masih tertakluk kepada perlembagaan parti politik tersebut masing-masing.

#### ■1440

Jadi dari segi kementerian, kita tidak ada apa-apa halangan. Ia terpulang kepada parti politik sama ada mereka mengizinkan golongan mahasiswa mahasiswi untuk memegang jawatan.

Tentang soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin sama ada mahasiswa mahasiswi boleh menjadi wakil rakyat ataupun senator. Saya hendak sebut di sini bahawa kalau parti politik itu sudi dan setuju untuk menamakan seseorang mahasiswa atau mahasiswi menjadi calon di dalam pilihan raya, KPM, kita tidak ada apa-apa halangan.

Sebenarnya kita juga mempunyai wakil rakyat yang selepas mereka menjadi wakil rakyat, mereka mengambil kursus *Master* ataupun *PhD*. Kalau kita cakap bahawa mahasiswa tidak boleh jadi wakil rakyat, jadi sepatutnya wakil rakyat juga tidak boleh masuk kampus untuk menuntut *Master* ataupun *PhD program*. Jadi dari segi KPM, kita tidak ada apa-apa halangan.

Akan tetapi, sama ada pelajar boleh menjadi Senator, itu masih tertakluk kepada Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan. Ada syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi sebelum mereka boleh menjadi calon atau menjadi senator tetapi dari segi KPM, kita memang tidak ada mempunyai apa-apa halangan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris menanyakan sama ada kita ada apa-apa *mechanism* yang dapat mengawal mahasiswa dalam politik tanpa mengabaikan pengajian. Juga Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun juga bertanya sama ada mahasiswa mahasiswi kita ada kemungkinan akan salah guna kebebasan dan akhirnya kita lahirkan pemimpin politik yang rasis, yang penting diri sahaja. Jawapan saya kepada soalan tersebut adalah walaupun pindaan seksyen 15(2) memberi kebebasan kepada mahasiswa mahasiswi untuk menyertai aktiviti parti politik, namun ia tidak bermaksud mahasiswa bebas untuk melakukan apa-apa sahaja tanpa sekatan.

Setiap program yang ingin dianjurkan oleh mahasiswa masih tertakluk kepada kelulusan pihak universiti dan para mahasiswa masih lagi tertakluk dengan akta-akta lain yang berkuat kuasa seperti Akta Hasutan, Kanun Keseksaan dan akta-akta lain yang berkuat kuasa. Universiti awam akan turut menetapkan SOP masing-masing, garis panduan masing-masing untuk mengawal aktiviti-aktiviti parti politik di dalam kampus. Kebebasan berpolitik bukanlah mutlak.

Walaupun para mahasiswa dibenarkan terlibat dalam aktiviti politik dalam kampus melalui pindaan ini, kegiatan mahasiswa masih lagi tertakluk dengan undang-undang lain. Tindakan masih boleh diambil jika mereka terlibat dalam aktiviti politik yang bersifat subversif, mengancam demokrasi dan ketenteraman awam. Selain itu, pentadbir universiti masih juga boleh mengambil tindakan disiplin jika ada pelanggaran undang-undang disiplin melalui peruntukan sedia ada.

Beberapa orang Yang Berhormat Senator seperti Yang Berhormat Datuk Paul Igai dan juga Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris juga bertanya tentang keseimbangan politik dan pelajaran serta takut bahawa mahasiswa kita akan abaikan pendidikan mereka oleh sebab boleh menyertai dalam aktiviti politik. Saya hendak menyatakan bahawa pendidikan yang holistik sepatutnya memberi ilmu yang cukup untuk membolehkan pelajar-pelajar kita mampu membezakan politik dan akademik dan juga *come out* dengan satu prioriti bila mereka perlu memberi fokus yang lebih banyak kepada pendidikan mereka, bila mereka boleh meluangkan masa yang lebih sedikit untuk aktiviti politik ataupun aktiviti luar kurikulum.

Pindaan AUKU ini akan memastikan keharmonian kampus di dalam kebebasan dan demokrasi. Kebebasan ini tidak datang dengan anarkisme tetapi ia wajib dihindari atas sikap kebertanggungjawaban dan akauntabiliti. Kita juga perlu memberi kepercayaan kepada universiti berdasarkan semangat autonomi universiti. Jadi saya rasa kita tidak perlu sangat risau sama ada pindaan ini akan mengakibatkan dan menyebabkan mahasiswa kita untuk abaikan pelajaran mereka. Ini kerana kalau guna analog yang sama, kita juga tidak sepatutnya mengizinkan sebarang aktiviti luar kurikulum di dalam kampus. Ini kerana semasa saya menjadi seorang mahasiswa di kampus, saya mengguna banyak masa untuk aktiviti *debate*.

Jadi saya rasa sebagai mahasiswa, mereka perlu bijaksana sikit untuk membuat keputusan mana satu yang menjadi prioriti pada satu tempoh masa yang tertentu. Jadi saya rasa itu adalah spirit yang sama, semangat yang sama. Bila kita boleh menggunakan masa yang panjang sikit untuk aktiviti politik ataupun aktiviti luar kurikulum, dan mana kita perlu beri keutamaan kepada pendidikan kita.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari juga bertanya sama ada kita boleh memansuhkan seksyen 15A(1) supaya mahasiswa boleh kumpul dana dan boleh buka bank akaun dan dana itu tidak perlu masuk ke dalam akaun universiti. Setakat ini, persatuan mahasiswa hanya berdaftar dengan pihak universiti dan mereka tidak daftar dengan ROS. Ini kerana tidak semua persatuan mempunyai ahli yang ramai dan tujuan kewujudan persatuan ada kala hanya bersifat sementara dan minat yang sama oleh ahlinya.

Jadi sebelum kita boleh memansuhkan seksyen 15A ini, kita perlu pastikan bahawa kita sudah ada satu garis panduan untuk memastikan dana yang dikutip itu tidak disalah guna oleh mahasiswa mahasiswi kita. Ini adalah konsep akauntabiliti yang kita tegaskan selama ini. Jadi, kita memang berhasrat untuk membuat kajian. Saya rasa apabila kita bentangkan rang undang-undang untuk mengganti AUKU, semua aspek ini akan diambil kira.

Akan tetapi, oleh sebab persatuan di universiti setakat ini tidak perlu daftar dengan ROS, jadi kita masih perlu sedikit *mechanism* untuk memastikan bagaimana kita boleh memastikan dana yang dikumpulkan itu tidak disalah guna oleh mahasiswi kita. Oleh sebab itu kita tidak sempat untuk membentangkan ataupun mencadangkan pindaan kepada seksyen tersebut dalam sidang ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu dan juga Yang Berhormat Senator Puan Asmak bin Husin juga bertanya sama ada pensyarah boleh terlibat dalam kegiatan politik seperti pelajar dan juga kebebasan akademik pensyarah-pensyarah kita di dalam kampus.

Saya hendak jelaskan di sini, dalam tinjauan kerajaan semasa sesi *engagement*, rata-rata ahli akademik memang mohon supaya mereka diberikan kebebasan untuk bersuara dengan menyatakan pandangan mereka berkaitan isu semasa. Perkara ini sebenarnya adalah tertakluk di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*]. Akta ini di bawah kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi, ini memang bukan di bawah bidang kuasa KPM. Akan tetapi, KPM akan bekerjasama dengan pihak JPA untuk melihat semula kebebasan bersuara bagi pensyarah dalam pengajian dan juga pembelajaran serta penyelidikan mereka.

Oleh sebab itulah dalam rang undang-undang pindaan ini, kita tidak sentuh tentang kebebasan pensyarah untuk berpolitik kerana rang undang-undang yang sedia ada bukan sahaja terpakai kepada pensyarah, tetapi tertakluk kepada semua kakitangan kerajaan. Oleh sebab itu, kita perlu merujuk kepada akta tersebut dan bukanlah di bawah bidang kuasa KPM ataupun di bawah AUKU.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing juga bertanya tentang bagaimana kementerian menjalankan kuasa autonominya di dalam pelantikan naib canselor. Bagi pelantikan naib canselor, cadangan nama-nama yang berpotensi untuk memegang jawatan tersebut dipohon dari lembaga pengarah universiti, wakil senat, wakil persatuan dan dicalonkan oleh kementerian melalui Akademik Kepimpinan Pendidikan Tinggi.

Semua calon perlu menjalani *profiling* untuk menentukan supaya mereka mempunyai kriteria-kriteria yang ditetapkan. Yang Berhormat Menteri Pendidikan di bawah AUKU telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menjalankan temu duga dan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri nama-nama yang memenuhi kriteria dan potensi menjadi naib canselor. Jadi, proses penilaian ini adalah cukup telus. Kita percaya bahawa pada masa yang akan datang, kita boleh memastikan bahawa pelantikan naib canselor ini tidak lagi berunsur politik dan mereka hanya akan dilantik ikut kepakaran dan kesesuaian mereka.

#### ■1450

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga bertanya bagaimana kita memastikan bahawa HEP tidak menyekat kebebasan mahasiswa kerana sekarang kita hendak memberikan kebebasan kepada mahasiswa untuk berpolitik. Akan tetapi oleh sebab mereka masih perlu mendapatkan kelulusan daripada HEP, jadi kita perlu satu keseimbangan kuasa.

Untuk makluman Dewan ini, kini HEP universiti telah bertindak dan bertugas sebagai badan penasihat atau sebagai pembantu pelajar. Kementerian juga sedang melaksanakan



penubuhan kesatuan pelajar yang mana pelajar akan diberi lebih mandat untuk membangunkan sesebuah universiti dan HEP hanya akan bertindak sebagai penasihat dan juga pembimbing sahaja. Jadi, kita percaya bahawa pada masa yang akan datang, isu ini bolehlah ditangani dengan lebih baik. Setakat ini, jawapan saya. Ada mana soalan yang saya belum jawab tak? Mana seseorang Yang Berhormat Senator yang rasa saya belum jawab soalan mereka.

Okey, jadi setakat inilah jawapan saya dan di sini saya hendak merekodkan penghargaan bagi pihak KPM kepada semua Senator yang menyokong rang undang-undang pindaan ini dan sekiranya ada isu ataupun ada soalan yang rasa belum dijawab oleh saya, kita boleh bincang di luar selepas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan yang telah menjawab dengan panjang lebar dan semua yang ditanya, semua sudah dijawab. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **2.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1996. Ia bertujuan untuk mengawal selia dan membangunkan sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Akta tersebut digubal untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan:

- (i) penubuhan;
- (ii) pendaftaran;
- (iii) pengurusan;
- (iv) pengawal seliaan; dan
- (v) kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta 555 ini juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pendaftar IPTS yang telah dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia di bawah subseksyen 3(1) untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Akta 555 pernah dipinda sebanyak lima kali iaitu pada tahun 2003, tahun 2009, tahun 2012, tahun 2014 dan tahun 2017.

Pindaan ke atas Akta 555 merupakan suatu usaha berterusan bagi memastikan perkembangan sektor pendidikan tinggi swasta adalah relevan dengan keperluan semasa yang sentiasa berubah-ubah. Dalam usaha untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, terdapat beberapa peruntukan yang sama diguna pakai di dalam Akta 555 terutamanya yang melibatkan pelajar.

Bagi memastikan kesamarataan hak pelajar di institusi pendidikan tinggi, pemansuhan peruntukan yang menghalang pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus iaitu seksyen 47(2)(c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 perlu dilaksanakan untuk memberi hak yang sama kepada pelajar institusi pendidikan tinggi swasta.

Seksyen 47(2)(c) Akta 555 merujuk kepada halangan untuk pelajar institusi pendidikan tinggi swasta terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Peruntukan yang sama turut wujud dalam seksyen 15(2)(c) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan seksyen 10(2)(c) Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174] yang terpakai kepada UiTM, politeknik, kolej komuniti dan institut perguruan. Bagi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pindaan sewajarnya sedang dibuat kepada Peraturan Disiplin Pelajar UIAM 2004 yang akan dikuatkuasakan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan kuasa Menteri Pendidikan Malaysia untuk menetapkan tarikh akta mula berkuat kuasa.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 47 Akta 555 perenggan 2(b)(iii) bertujuan untuk meminda perenggan 47(2)(c) Akta 555 untuk meniadakan larangan ke atas pelajar institusi pendidikan tinggi swasta untuk terlibat dalam parti politik di dalam kampus.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Pertama dalam *list* saya ini ialah Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Dipersilakan.

■1500

3.00 ptg.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucapkan sekalung tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah bersusah payah membentangkan rang undang-undang bagi meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 bagi menghentikan larangan keterlibatan pelajar

dalam aktiviti parti politik di seluruh negara. Semoga dengan reformasi yang dilakukan ini, kematangan pelajar dalam politik Malaysia menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman selaku Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar di Multimedia Universiti, pindaan bagi membenarkan pelajar menyertai aktiviti-aktiviti politik ini dibimbangi. Oleh sebab dalam masa saya bertugas di sana pun saya jaga aktiviti-aktiviti pelajar ini untuk saya luluskan atau tidak. Jadi, pengalaman saya itu banyak mengajar yang saya boleh bercakap pada hari ini. Merencatkan kalau kita tengok kadang-kadang studen-studen ini bila dia hendak buat aktiviti ini kadang-kadang kalau dia terlalu aktif kadang-kadang boleh merencatkan juga tumpuan pelajarannya mereka, dan dibimbangi akan berlaku masalah sosial baharu di kalangan pelajar apabila doktrin politik ekstrem disebarkan serta mungkin akan menggugat ketenteraman kampus di IPTS seluruh negara.

Saya pasal IPTS ini, aktiviti-aktiviti politik ini adalah semuanya adalah kehendak yang membawa tokoh-tokoh politik untuk berceramah. Saya dengar tadi yang dia kata boleh membawa- masa saya bertugas dahulu saya tidak membenarkan semua parti-parti politik masuk di kampus. Ini amat membimbangkan- kecenderungan seseorang ataupun pensyarah-pensyarah kepada parti-parti politik itu kadang-kadang pensyarah-pensyarah ini juga ada kecenderungan dia dan juga pelajar-pelajar ini ada ciri-ciri kecenderungan dia. Jadi, masalah pertembungan sefahaman itu juga akan melibatkan satu pandangan negatif kepada pensyarah kepada studen, dan studen kepada pensyarah itu.

Jadi, memang diakui persekitaran global dan teknologi media sosial telah berkembang pesat kali ini dan akses maklumat ini perkembangan politik semasa berada di hujung jari setiap pelajar. Kadang-kadang kita jangan begitu bimbang kepada pelajar. Hari ini pelajar-pelajar kita semua yang cerdik dan pandai dan mereka yang ada *interest* untuk hendak masuk politik dan mereka akan *google* di mana-mana untuk mereka mendapatkan pengetahuan dan juga pengalaman, dan selepas itu mereka akan mempengaruhi kawan-kawannya.

Justeru itu, pindaan yang meniadakan larangan penglibatan pelajar dalam aktiviti politik ini dibimbangi juga akan mewujudkan masalah perbalahan. Apa yang saya katakan tadi kumpulan pelajar yang berideologikan politik berbeza dan mungkin menimbulkan masalah integriti ke atas penilaian pensyarah ke atas pelajar begitu juga apabila berhadapan dengan pelajar yang berbeza ideologi politik dengan mereka.

Justeru soalan saya, bagaimanakah langkah kawalan dan seliaan terbaik kementerian dalam memastikan dalam aktiviti parti politik ini ditangani dengan baik dan tidak wujud kem-kem yang mendapat keistimewaan dan penindasan. Saya merujuk contoh setiap pelajar yang

ingin hendak membuat aktiviti ataupun adakan sesuatu, mereka akan jumpa di hal ehwal pelajar untuk mendapatkan kelulusan ataupun untuk kertas kerja ini untuk kita luluskan bajet. Oleh sebab kita IPTS ini bajet dia kita kena bagi juga sedikit untuk mereka hendak membuat aktiviti.

Akan tetapi, kita tengok kalau hal ehwal pelajar itu dekat mana mirip dia, kita berat. Ini pengalaman saya. Kalau hal ehwal pelajar dahulu dia mirip ke sini dia banyak mempengaruhi pelajar-pelajar itu untuk mengemudikan satu tumpuan sahaja. Akan tetapi kalau tidak mirip ke parti politik ini, ini memanglah- saya minta sila memantau hal ehwal pelajar daripada segi pentadbiran ini ke mana hala tuju. Saya minta di berkecuali daripada melibatkan diri dalam mempengaruhi pelajar-pelajar dalam pentadbirannya. Ini amat penting, hal ehwal pelajar ini adalah salah satu pentadbiran yang penting di dalam institusi universiti-universiti ini.

Saya contohkan fasal pemilihan perwakilan pelajar-pelajar ini, beberapa kalilah saya memang ambil tahu benda macam ini. Mereka ini ada berpuak-puak antara tim A dan tim B. Jadi, kadang-kadang mereka ini begitu mempengaruhi antara satu sama lain, di situ kita sudah nampak. Kita sekarang baru hendak memberi laluan- memberikan mereka ini satu peluang untuk mereka berpolitik. Sebenarnya politik di kampus ini sudah lama wujud, saya tengok sudah lama ada tetapi dengan secara tidak berterus terang. Mereka buat secara senyap dan juga secara berpuak-puak. Ini telah wujud untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita hendakkan sekarang apa yang disarankan kepada hari ini apabila apa yang dibukakan untuk mereka boleh berpolitik ini amat mengalu-alukan. Akan tetapi mesti dengan ada kawalan yang begitu ketat dan juga begitu baik, terutama sekali kepada hal ehwal pelajar. Itu yang saya pentingkan. Kemudian saya hendak tanya sejauh manakah isu integriti di kalangan pensyarah-pensyarah pula agar tidak berlaku kes-kes menggagalkan mata pelajaran. Ini juga akan berlaku- dia tidak suka budak itu kan, fasal budak ini- dia lagi negatif kepada budak itu. Budak ini nanti datang jumpa hal ehwal pelajar menceritakan keadaan markah dia kurang, markah dia diberi ini pasal *lecturer* ini tidak suka saya dia kata. Ini menimbulkan masalah, tahu. Ini saya mintalah kerana benda ini berlaku dan pernah saya menerima aduan-aduan ini semasa saya bertugas di hal ehwal pelajar hari itu.

Kemudian mata pelajaran yang diambil tidak sehaluan dengan parti politik yang disokong oleh pensyarah ini. Isu ini amat penting untuk ditangani agar keharmonian dan integriti IPTS ini terus dijaga dan juga pelajar mendapatkan manfaat. Kemudian saya hendak tanya apakah garis panduan dan ketetapan yang boleh dimainkan agar aktiviti-aktiviti pelajar

ini, dalam parti politik ini tidak menyebarkan doktrin ekstrem, kepercayaan karut dan masalah perpaduan negara dan apabila pindaan akta ini mula dikuatkuasakan.

Saya juga mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah- ramai juga yang bercakap benda yang sama. Kekhuatiran dan juga rasa bimbang kerana ibu bapa yang menghantar anak ke universiti ini dalam masa empat tahun atau tiga tahun ini mengharapkan anak-anaknya mencapai satu kecemerlangan di badan-badan pengajian tinggi, akan tetapi apabila anaknya di dalam kampus telah membuatkan kelompok-kelompok parti politik ini macam ini mungkin tergugat, kadang-kadang ibu bapa amat kecewa.

Tidak semua studen ini atau pelajar ini berminat di dalam politik. Ini apa yang kita buat dan yang kita kaji, tidak berminat, ada yang separuhnya memanglah berminat. Kebelakangan ini kita tengok pelajar-pelajar universiti memang banyak suka berpolitik. Kita jangan bimbang untuk maklumat-maklumat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu untuk mendapatkan maklumat, datangnya daripada pemimpin politik. Studen ini lebih bijak, jari dia sentiasa menaip ataupun mencari bahan-bahan itu yang lebih *advance* lagi daripada maklumat itu.

Jadi, kita jangan bimbanglah sebenarnya. Akan tetapi kebimbangan kita adalah tatatertib dan juga menjaga mata pelajaran yang diambil supaya dia jangan gagal dalam universiti. Kadang-kadang ada nasib baik, dia bekerja dengan ahli-ahli politik dan ada masa yang nasib tidak baik, akhirnya dia tersingkir. Itu yang kita bimbang. Jadi, saya pun bercakap juga berkenaan dengan ada tidak yang pelajar-pelajar ini, boleh tidak dia jadi Yang Berhormat ataupun jadi- saya, untuk pengetahuan, pengalaman saya adalah studen saya yang telah menjadi Wakil Rakyat baru-baru ini PRU14. Saya pun terkejut sebab dia selalu jumpa saya. Kemudian tiba-tiba dia bertanding di kawasan ADUN di Melaka dan dia menang. Itu yang saya terkejut sebab dia memang selalu berbincang dengan saya tetapi dia ini memang budak yang suka berpolitik.

Akhirnya dia adalah seorang pelajar terbaik, *first class student*, memang suka berpolitik. Jadi, akhirnya dia berjaya dan dia menang dalam Pilihanraya Umum Ke-14 dan saya terkejut dan dia juga jadi pensyarah, tiba-tiba dia hendak jadi Wakil Rakyat tetapi dia tidak letakkan jawatan. Ini yang satu hari itu menjadi satu kontroversi dan akhirnya dalam perbicaraan di mahkamah, tiba-tiba dia menang sebab tidak letak jawatan hari itu.

#### ■1510

Kalau kita hendak jadi Wakil Rakyat kena letak jawatan tapi dia mengekalkan jawatan dia. Dia kata kalau dia kalah dia boleh jadi pensyarah balik. Akan tetapi, akhirnya dia menang.

Dia menang baru dia letak jawatan. Nasib dia baik, dia daripada Parti Pakatan Harapan jadi dia menang, jadi dia tidak payah lagi hendak kena bertanding, tidak payah.

Jadi ada di antara juga yang telah menjadi setiausaha politik, yang menjadi pegawai diplomatik sebab saya memang peka dengan perkara-perkara macam ini sebab saya memang buat pemerhatian dan pengamatan dan ini tidak menjadi masalah. Pengalaman mereka mengajar mereka untuk menjadi seorang pemimpin yang baik. Ini yang kita harapkanlah secara positifnya.

Akan tetapi yang kita ragu kalau terjejasnya mata pelajarannya atau dia asyik berpolitik-kadang-kadang dia ghairah, memang dia ghairah sebab dia hendak cari kawan, dia hendak cari pengaruh, dia hendak cari apa, memang dia sibuk. Jadi kita takut itu sahaja. Jadi itulah sahaja Yang Berhormat Menteri, saya menyokong dengan ucapan ribuan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Ada lagi yang hendak bercakap? Kalau ada saya bagi peluang. Kalau tidak ada saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

### **3.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali atas sokongan terhadap rang undang-undang pindaan ini dan juga pandangan atas pindaan ini.

Secara umumnya, saya hendak sebut di sini bahawa pemansuhan seksyen ini akan memberi lebih ruang kepada pelajar IPTS untuk bersuara dan terlibat dengan aktiviti politik di dalam kampus dan seterusnya menghasilkan graduan yang seimbang dan berupaya untuk menyuarakan pandangan mengenai isu semasa dan mempunyai pendirian. Ini adalah seiring dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan berupaya untuk menyuarakan pandangan mengenai isu semasa.

Pelajar IPTS juga perlu didedahkan dengan realiti keadaan semasa dunia politik dan diberikan galakkan dalam mengutarakan pandangan dan idea bagi melahirkan graduan yang lebih peka dan matang dalam menghadapi alam pekerjaan terutama dalam hal ehwal pentadbiran negara. Kerajaan berpandangan bahawa dalam usaha melahirkan graduan yang seimbang serta matang. Pelajar wajar diberikan kebebasan untuk bersuara di dalam dan di luar kampus.

Tentang beberapa isu atau kebimbangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Saya hendak umumkan di sini bahawa walaupun pelajar diberikan

kebebasan untuk bersuara dan menyatakan idea. Pelajar masih lagi tertakluk kepada seksyen 48(a) yang memperuntukkan IPTS hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan pertubuhan badan dan kumpulan pelajar universiti di dalam kampus melalui garis panduan dalaman bagi tujuan berpolitik dalam kampus.

Manakala seksyen 49 memperuntukkan kuasa ketua pentadbir untuk mengarahkan pembubaran persatuan pelajar sekiranya boleh mengganggu keselamatan negara, orang awam atau pelajar-pelajar lain. Selepas memberikan peluang untuk memberi representasi bertulis kepada ketua eksekutif IPTS ini boleh dirayu kepada Menteri di bawah subseksyen 49(5) dalam tempoh 14 hari.

Jadi saya hendak jawab di sini bahawa sebenarnya isu-isu yang disebut tadi tentang penglibatan pelajar di dalam politik atau penglibatan pensyarah dalam politik. Saya rasa ini sebenarnya menyeimbangkan, sama apabila pelajar-pelajar kita masuk dalam alam pekerjaan. Di dalam sesebuah syarikat juga ada pengurus ataupun pentadbir yang mungkin cenderung kepada satu parti politik dan juga ada rakan kerja yang cenderung kepada satu parti politik yang lain. Jadi bagi saya bagaimana kita menguruskan semua perkara ini di alam pekerjaan dan juga sama dengan cara kita di dalam IPTS.

Untuk pensyarah-pensyarah yang kita takut bahawa mereka ada *bias* dalam penilaian mereka. Saya rasa itu adalah terpulang kepada IPTS untuk mengambil tindakan terhadap pensyarah-pensyarah tersebut. Sama juga kalau dalam sesebuah syarikat, kalau akhirnya kita rasa seseorang pekerja telah abaikan tugas utama mereka. Saya rasa sesebuah syarikat itu juga boleh mengambil keputusan atau mengambil tindakan disiplin atau memecat seseorang kakitangan ataupun pekerja mereka. Jadi saya rasa prinsip yang sama perlulah dipakai di dalam IPTS juga.

Jadi untuk pelajar yang menjadi wakil rakyat, menjadi calon dalam pilihan raya umum, Kementerian Pendidikan memang tidak ada halangan. Akan tetapi di antara pensyarah yang menjadi wakil rakyat, saya rasa itu terpulang kepada *management* ataupun pengurusan IPTS tersebut sama ada apabila mereka- ataupun *contract of employment* itu ada apa-apa syarat yang menyatakan bahawa kalau mereka hendak bertanding dalam pilihan raya mereka perlu meletak jawatan dulu atau tidak. Itu di antara IPTS dan juga pensyarah kerana di dalam isu ini pensyarah itu bukan lagilah kakitangan kerajaan. Jadi itu tertakluk kepada kontrak yang telah ditandatangani di antara pensyarah dengan IPTS tersebut.

Jadi saya rasa kita memang ada mekanisme untuk memastikan bahawa doktrin ekstremis ini tidak akan masuk ke dalam IPTS kerana walaupun pindaan di buat kepada akta



ini tetapi akta-akta lain masih terpakai. Seperti Kanun Keseksaan, seperti Akta Hasutan ataupun Akta Komunikasi. Kesemua akta ini masih guna pakai. Maksudnya, kalau kita ada doktrin ekstremis masuk ke dalam IPTS atau di mana-mana masyarakat, tindakan boleh diambil oleh pihak polis di bawah akta-akta sedia ada.

Jadi kita tidak perlulah mengekalkan seksyen ini di bawah akta ini untuk memastikan doktrin ekstremis ini tidak akan di bawa ke dalam kampus kerana rang undang-undang sedia ada memang adalah mencukupi. Kalau tidak mencukupi kita boleh bincang apa lagi rang undang-undang yang boleh kita bentangkan di dalam Parlimen untuk menangani isu ini. Jadi saya rasa setakat inilah jawapan saya.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit. Saya nampak benda ini memanglah senang kita cakap. Kita boleh pantau, kita boleh apa, *whatever*. Akan tetapi, saya mintalah Yang Berhormat daripada Kementerian Pendidikan sendiri, kita dekat IPTS ini kadang-kadang dia kata dia bukan kerajaan punya universiti, ia bukan IPTA, kita IPTS *that mean* kita punya terikat dengan kita punya undang-undang ini tidak begitu ketatlah.

Kita minta di pihak kementerian menghantar siaran mengatakan pensyarah tidak boleh ada *discrimination* kalau dia punya kecenderungan. Buatlah satu garis panduan supaya pensyarah ini dia takut sikit. Saya tidak tahulah IPTS sebab saya memang pun dekat IPTS dulu tapi kalau IPTA itu rasa saya dia orang memang ada sikit takut tapi kalau IPTS ini rasa saya longgar sikit. Jadi kalau ada surat siaran itu ada, maknanya dia tahu kerajaan ataupun kerajaan telah buat satu garis panduan yang hendak diikuti *that mean* dia takutlah dengan perkara-perkara yang dia hendak lakukan. Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa kerajaan kita atau rang undang-undang sedia ada memang tidak membenarkan sebarang diskriminasi sama ada diskriminasi oleh sebab kecenderungan politik atau diskriminasi gender, diskriminasi yang pelbagai bentuk.

Saya rasa diskriminasi ini memanglah kita harus hapuskan dalam masyarakat kita. Jadi saya rasa saya akan bawa cadangan ini balik dan bincang dengan pegawai-pegawai saya, bagaimana kita boleh memberi satu surat kepada IPTS untuk memastikan bahawa pensyarah-pensyarah tidak boleh bersikap diskriminasi terhadap pelajar-pelajar di IPTS. Saya akan bincang dengan pegawai-pegawai, tengok sama ada kita berkuasa untuk mengeluarkan surat sebegini atau tidak.

Jadi kalau tidak ada apa-apa soalan tambahan, saya akan berhenti di sini dan ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang menyokong rang undang-undang pindaan ini. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching iaitu Timbalan Menteri Pendidikan, terima kasih.

■1520

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) (PINDAAN) 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.23 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*] merupakan akta yang terpakai kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), politeknik, kolej komuniti dan institut perguruan. Ia mempunyai tujuh bahagian dan diwujudkan bagi membuat peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran dan mengenai perkara yang berkenaan dengannya. Dalam usaha untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) terutamanya dalam usaha memansuhkan peruntukan yang melibatkan pelajar, peruntukan yang sama yang berkaitan dengan pelajar turut diguna pakai di dalam Akta 174.

Bagi memastikan kesamarataan hak pelajar di institusi pendidikan tinggi, pemansuhan peruntukan yang menghalang pelajar institusi terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus iaitu di seksyen 10(2)(c) Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*] perlu dilaksanakan untuk memberi hak yang sama kepada pelajar institusi pendidikan tinggi seperti pelajar Universiti Teknologi MARA, politeknik, kolej komuniti dan institut perguruan.

Seksyen 10(2)(c) Akta 174 merujuk kepada halangan untuk pelajar institusi terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Peruntukan yang sama turut wujud dalam seksyen 15(2)(c) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), dan seksyen 47(2)(c) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*].

Bagi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pindaan sewajarnya sedang dibuat kepada Peraturan Disiplin Pelajar UIAM 2004 yang akan dikuatkuasakan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 174. Subfasal 2(c) bertujuan untuk meminda perenggan 10(2)(c) Akta 174 untuk meniadakan larangan ke atas pelajar institusi untuk terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai perbahasan saya ini, pertama sekali ialah Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Silakan.

**3.27 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 ekoran daripada Kementerian Pendidikan telah memansuhkan larangan pelajar-pelajar menyertai aktiviti politik yang menjadi polemik dan isu hangat mahasiswa sebelum ini.

Dengan meminda larangan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, maka suara dan pandangan mahasiswa dalam landskap politik negara akan lebih berkesan. Langkah ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan antara lainnya untuk mengubah had kelayakan sebagai pemilih kepada 18 tahun. Ini sudah semestinya larangan keterlibatan pelajar dalam semua aktiviti parti politik sebelum ini akan disambut baik oleh semua mahasiswa yang benar-benar mahu perubahan, demi mematangkan pemikiran dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan ini dibuat, saya dapati terdapat beberapa kumpulan pelajar telah diambil tindakan tatatertib dan digantung pengajian kerana terlibat secara langsung dalam demonstrasi perhimpunan awam yang dianjurkan oleh parti politik. Tindakan tatatertib penggantungan ini menyebabkan berlaku gangguan terhadap kelangsungan pelajar menamatkan pembelajaran dan mungkin membebankan ibu bapa yang menanggung kos pengajian mereka kerana penaja ataupun PTPTN menamatkan penajaan dan pembiayaan pendidikan tinggi.

■1530

Justeru itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Pertama, berapakah bilangan pelajar-pelajar sama ada di IPTA, IPTS mahupun di institusi-institusi pelajaran yang digantung sesi pembelajaran mereka akibat terlibat dengan aktiviti anjuran parti politik sebelum ini dan sedang menjalani hukuman.

Kedua, apakah status mengenai tindakan tatatertib ini sama ada apabila ia diluluskan oleh Dewan yang mulia pada hari ini, maka pelaksanaan tempoh hukuman akan terhenti atau terbatal dan pelajar sudah boleh meneruskan pembelajaran pada semester akan datang.

Ketiga, sejauh manakah kerajaan memastikan kelangsungan pelajar yang diambil tindakan tatatertib ini menyambung semula pelajaran mereka. Ini penting kerana ada di kalangan mereka ini mungkin akan meneruskan pengajian mengikut bidang mereka atau mungkin mereka memilih untuk menyambung pelajaran dalam bidang lain dan tidak ada layanan prejudis terhadap kelompok ini dalam pemberian jumlah perpindahan kredit yang minimum.

Keempat, bagaimana pula kerajaan memastikan keanggotaan Lembaga Tatatertib sama ada di IPTA, IPTS ataupun institusi pelajaran yang diwakili oleh pihak-pihak yang bebas dari kecenderungan parti-parti politik tertentu. Ini penting agar *governance* dan *integrity* Lembaga Tatatertib memberikan keadilan maksimum apabila membicarakan dan memutuskan bagi kesalahan pelajar dalam aktiviti politik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia pada pagi ini tadi bahawa selepas akta-akta ini dipinda dan kerajaan juga berjanji untuk menggantikan ia dengan sebuah akta yang baharu. Dalam hubungan ini, saya mengambil kesempatan berdiri di sini untuk memberi beberapa *observation* saya tentang kalau kita hendak menggantikan akta ini dengan akta yang baharu. Pertama sekali, ingatan saya kepada pelajar-pelajar kita, mahasiswa-mahasiswi kita ialah bahawa apa pun yang penting ialah pelajar-pelajar tugasnya di institusi pengajian tinggi adalah untuk belajar. Jadi pencapaian akademik itu paling penting. Itulah matlamat utama kita pergi belajar di institusi pengajian tinggi.

Kedua, kebebasan ini tidak semestinya kita bebas sepenuhnya. Kebebasan ini mesti ada sempadannya, mesti ada hadnya kerana kita juga tertakluk kepada undang-undang negara. Jadi, inilah merupakan saya rasa ingatan saya kepada mahasiswa kita. Kalau kita menggubal akta baharu, saya mendengar tadi nama-nama yang disebut walaupun saya tidak kenal mereka.

Akan tetapi saya rasa adakah tidak perwakilan daripada IPTA, IPTS dari Sarawak dan Sabah. Adakah tidak wakil daripada Sarawak, UNIMAS ataupun Universiti Malaysia Sabah. Jadi saya rasa, walaupun universiti ini adalah masih muda dan tidaklah setua seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya tetapi saya rasakan pandangan kita daripada Sarawak dan Sabah janganlah diketepikan.

Jadi, biarlah pandangan ini merupakan satu pandangan daripada seluruh negara supaya kita faham bahawa kepelbagaian masyarakat kita di Sarawak dan Sabah, keharmonian kita dengan pelbagai agama, budaya dan latar belakang etnik kita harus juga diambil kira bila kita menggubal akta baharu ini. Inilah pandangan saya terhadap keanggotaan yang akan menasihatkan kerajaan bila kita hendak menggubal akta baharu nanti. Juga suara daripada pelajar-pelajar dari Sarawak dan Sabah harus juga diambil kira.

Ada kalanya kita di Sarawak ini ada budaya yang lain sedikit, kadang-kadang ada kalanya kita kurang bercakap. Akan tetapi, kerajaan harus faham bahawa suara-suara dari Sarawak dan Sabah harus juga diambil kira bila kita menggubal satu akta yang baharu supaya ia sesuai dengan keadaan di Sarawak dan Sabah. Kalau kita ambil pandangan daripada Semenanjung Malaysia sahaja, itulah sebabnya ada kalanya kandungan akta itu tidak begitu sesuai dengan keadaan kita di Sarawak dan Sabah.

Jadi, saya rasa pandangan Sabah dan Sarawak harus di ambil kira. Kalau boleh dan kalau ada pilihan saya rasa, dalam pelaksanaan akta baharu ini mungkin kita boleh tangguh pelaksanaannya di Sarawak dan Sabah, kita lihat dahulu perjalanannya di Semenanjung Malaysia dan kita akan pandangan-pandangan dari Sarawak Sabah haruslah diambil kira.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, inilah perbahasan saya untuk menyokong rang undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana dapat memberi satu nafas baharu kepada mahasiswa kita di dalam bidang penglibatan mereka dalam bidang politik. Akan tetapi, satu perkara lagi saya rasa ia juga terlibat kepada guru-guru. Saya hendak beri pandangan sedikitlah, jadi saya rasa biar kita berlaku adil. Ini kerana baru-baru ini tadi, ada parti politik boleh atau tidak parti politik menggunakan sekolah untuk menjadi tempat mereka mengadakan mesyuarat agung parti.

Bolehkah tidak, ataupun ada kebenaran daripada kementerian pendidikan. Ini kerana ada pandangan daripada masyarakat begitu negatif sekali bila ada parti politik menggunakan dewan sekolah, sekolah untuk mengadakan pemilihan di peringkat cabang mereka. Jadi, saya rasa perkara ini haruslah kita beri perhatian juga kerana ini adalah sesuatu pandangan yang negatif daripada masyarakat. Jadi dengan demikian, saya kata saya berdiri di sini untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, terima kasih.

Seorang lagi kita dapati seorang tokoh pendidik kita Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

**3.38 ptg.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat petang saya ucapkan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya petang ini saya hendak berceloteh sedikit melalui pengalaman dan sebelum itu saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri jangan bimbang, saya tetap sokonglah... [*Dewan ketawa*]

Akan tetapi pak cik hendak cakap sedikit. Pengalaman pak cik dalam kemahasiswaan ini cukup banyak dan saya pernah berhujah dengan Yang Berhormat Menteri- *live telecast* TV3 beberapa tahun yang lepas. Saya menghuraikan hujah-hujah saya melalui pengalaman di mana saya tidak bersetuju dalam banyak hal. Hujah perbincangan TV3 *live telecast* itu menjadi begitu *emotional* sebab saya bercakap secara terbuka. Saya dimarahi- bakal Yang Berhormat Menteri tersebut berkata, perkataan yang cukup menghina, dan isteri saya menangis di rumah. Dia kata, "*Kita bersyukur Tan Sri Ibrahim ini tidak disambung sebagai VC*". Sudahlah saya tidak disambung, tidak ada kerja, tidak ada gaji- dia *insult* saya- *live telecast* dan bini saya di rumah menangis. Maksudnya *matter of principle*, hidup saya selama ini, *I'm a man with principle*.

**■1540**

Apa yang salah, salah. Apa yang betul, betul. Apa yang patut saya sokong, saya sokong. Ini negara kita. Kita hendak membimbing anak-anak kita. Anak-anak kita ini generasi muda yang akan mengambil alih kepimpinan kita. Harapan kita, negara kita ini akan menjadi lebih 1,000 kali baik daripada sekarang. Jadi Yang Berhormat, saya hendak cerita sedikitlah. Ini pakcik hendak cakap ini. Ambil masalah sedikit Tuan Yang di-Pertua sebab saya *last*.

Kalau kita tengok pindaan akta ini, walaupun nampaknya dua akta yang berbeza. Pertama tadi akta meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 untuk semua universiti. Kemudian yang sekarang ini akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. Tahun 1971 untuk universiti, tahun 1976 untuk UiTM, politeknik, institut perguruan dan lain-lain.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tahun 1971 ke tahun 1976, saya hendak ceritakan pengalaman saya sedikit.

Tahun 1971, saya sebagai pemimpin pelajar UiTM sebagai Setiausaha Agung Persatuan Pelajar ITM. Tahun 1972, saya sebagai Timbalan Presiden Persatuan *Muslim Students Association at Ohio University*. Tahun 1974, saya sebagai Presiden *International Student Association*. Tahun 1975, saya sebagai Presiden *Malaysian Student Association Ohio*.

Tahun 1976, setelah saya balik, dengan Masters, sewajarnya saya di bawah JPA *scholarship*, saya sepatutnya bekerja di UPM tetapi saya telah ditindik, dipaksa untuk bertugas di ITM. Ini kerana pada masa itu demonstrasi memang hebat.

Tahun 1975, tahun 1976, tahun 1974 memang terkenal dengan demonstrasi. Budak ITM, budak UM memang hebat demonstrasi. Majoriti terlibat demonstrasi budak-budak Melayu. Anak-anak kita kaum lain fokus belajar, baca buku, *exam* dapat *the best result*. Budak Melayu sibuk buang masa.

Ini pengalaman pakcik, pakcik hendak cakap ini. Oleh sebab tahun 1976 pakcik balik, pakcik ditindik, dipaksa oleh JPA bertugas satu *post* yang baharu, *just created for me*, dipanggil Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar *at the age of 26* dan jawatannya tinggi, *Super-Skilled G*, tahu? *At the age of 26*, saya sudah *Super-Skilled G*. Lebih kurang JUSA, tahu? Umur 26 tahun. Saya bukan hendak *brag*, maksudnya itu bidang saya. Bidang kemahasiswaan, itu *my forte*. Pengalaman saya banyak. Bahkan saya ingat semasa arwah Tan Sri Awang Had melantik saya- menjaga, saya ditugaskan sebagai pakar demonstrasi.

Di Sabah berlaku demonstrasi sedikit. FRU hendak ikut masuk kampus, saya kata jangan masuk. Saya hendak masuk seorang sahaja, FRU tunggu luar. Saya berhadapan dengan pelajar-pelajar, di kampus gambar saya dengan gambar kapak atas kepala [*Ketawa*] Itu di Sabah.

Di Shah Alam, saya *confronted* lebih 3,000 orang pelajar-pelajar, seorang. Warden, pensyarah, pegawai, kolonel, *university security* pun cabut lari. Saya tinggal seorang. Maksudnya ini bidang saya.

Saya hendak katakan, bahawa tahun 1971 dan tahun 1976, mengapa tahun 1976 berlainan sedikit di mana ITM sebelum itu adalah di bawah Kementerian Luar Bandar. Kita bukan di bawah Kementerian Pendidikan. Tahun 1976, siapa yang memulakan akta ini? Ini sejarah sedikit. Tidak lain tidak bukan ialah Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir [*Ketawa*] Akta ini, kenapa dia memulakan? Mengapa Tun Dr. Mahathir memulakan?

Tun Dr. Mahathir baru dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Beliau sebagai Menteri Pelajaran yang baharu, semangat yang cukup tinggi, hendak tengok mahasiswa, kampus pertama dia hendak masuk ialah ITM. Dia masuk ITM, apa budak-budak buat kepada dia? Budak-budak *boo* dia. Boleh tanyalah Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir itu. Budak-budak- minta maaf cakap. Suruh dia balik dan dia balik. Saya dengar budak-budak baling selipar pun ada. Kalau silap Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir, minta maaf. Jangan



marah saya. Ini budak-budak cerita [*Ketawa*] Punya nakalnya budak-budak ini sebab kebebasan mutlak.

Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir tidak boleh tahan. Kalau macam inilah perangai budak-budak ITM, budak-budak Melayu, apa hendak jadi?

Akhirnya keputusan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sebagai Menteri Pelajaran, itulah keputusannya Akta 1976 dimulakan dan ITM diletakkan di bawah kementerian Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir, Kementerian Pelajaran bukan di bawah Kementerian Luar Bandar.

Yang Berhormat, tahun 1973, tahun 1974 dan tahun 1975, kalau ada *graduate* dari UM, Sebelum adanya akta ini, keputusan anak-anak Melayu di UM, memang cukup teruk. Boleh *check* sejarah. Tahun 1973, satu kumpulan budak-budak Melayu bijak, dihantar ke UM untuk membuat *medical* dan *engineering*, *check* balik. Hampir *zero percent* yang *pass*. Hampir semua gagal. Akan tetapi budak-budak yang sama, dihantar ke Australia, bahkan *they can bid the Mat Saleh- mata biru. and they can become best student because they were focus on their studies*. Di Australia, *but not* di UM. Itu sejarah. Kalau saya salah boleh *check* semula.

Hanya selepas tahun 1976, bahkan tahun 1976, masa itu saya sudah Timbalan Dekan-baharu memegang jawatan, saya mengalami satu pengalaman yang cukup menyedihkan, cukup perit. ITM telah ditutup selama empat bulan dan 284 pelajar-pelajar digantung dan dibuang. Bayangkan kalau satu orang gaji RM1,000 pun kali 284, kali satu tahun, berapa banyak ribu sudah kita hilang? Semua budak-budak Melayu.

Itu sebab saya cukup susah hati, bukan saya marah. Saya bimbang iaitu walaupun saya bersetuju, kalau tidak dibuat dengan betul, keadaan yang sama akan berlaku. Budak-budak Melayu pada masa itu kelulusannya cukup teruk, tidak kira UiTM, UM, di UM sudah lah banyak, kebanyakannya yang mengambil kursus-kursus yang mudah. Tidak ambil kursus-kursus yang kritikal. Ambil yang mudah pun, majoriti dapat *general degree*. Itu pun sudah bangga.

Akan tetapi selepas tahun 1976, kita *progress*. Tengoklah keputusan anak Melayu walaupun tidak sehebat kaum lain, terutama dalam bidang kritikal, kejayaan kita telah banyak bertambah. Tidak kira UM, tidak kira UKM, tidak kira UPM, tidak kira USM, semua hebat. Kita mengeluarkan pakar-pakar dalam bidang *medical*, pakar-pakar dalam apa bidang sekali pun, iaitu saya membezakan sebelum tahun 1971 dan tahun 1976, pengalaman saya, saya membezakan selepas. Itu sebab saya kata masa *live telecast* dengan Menteri tersebut, saya

dengan tegas, hujah saya walaupun saya dihina, tetapi *stand* saya tidak akan berubah untuk kepentingan negara kita pada masa-masa hadapan.

Yang Berhormat Menteri, pelajar-pelajar ini dan *alhamdulillah* selepas tahun 1976 hinggalah saya menjadi Naib Canselor UiTM dan berakhir pada 31 Disember 2009. Hampir 10 tahun saya jadi Naib Canselor dan di bawah saya hampir-hampir 200,000 *students* seluruh Malaysia dengan puluhan kampus dan saya menjaga budak-budak Melayu bumiputera.

Untuk pengetahuan sahabat saya dari Sabah dan Sarawak, melalui UiTM lah, kalau pergi ke Sabah dan Sarawak Yang Berhormat, saya berani mengatakan di kalangan Bumiputera, tidak kira Iban, Kadazan, Kelabit atau apa-apa, Sabah dan Sarawak, 75 peratus yang berjaya bumiputera di Sarawak adalah *product of UiTM*. Boleh *challenge statement* saya. *I have been the VC for 10 years. Saya ada facts and figures*. Itu kejayaan kita iaitu anak-anak kita ini kalau kita bimbing dengan betul, kita jaga dia, *insya-Allah*.

#### ■1550

Kita tidak boleh beri kebebasan, hendak-hendak anak Melayu ini dia suka politik. Tengoklah demonstrasi, pantang ada demonstrasi, sibuk dia. Entah apa benda dia buat, kita pun tidak tahu. Anak-anak kaum lain apabila kita demonstrasi, mereka sibuk baca buku. Itu sebab apabila konvokesyen, tengoklah konvokesyen sehingga sekarang ini, yang mendapat *first-class honors* siapa? Bidang kritikal, siapa? *But yet* kita hendak buang masa dalam kampus, bermain politik.

Yang Berhormat, saya hendak tanyalah. Saya hendak tanya Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau kita hantar anak kita masuk universiti, apa nasihat kita? *“Nak, belajar betul-betul, belajar pandai-pandai, jangan buang masa. Ayah susah. Anak ayah ini 10 orang. Siapa hendak jaga kalau ayah sudah tidak ada? Belajar betul-betul nak”*.

Pernah atau tidak ibu bapa cakap dengan anak *“Nak, jangan lupa masuk universiti main politik tau, jangan lupa.”* [Ketawa] Saya ingat ibu bapa itu gila [Ketawa] Maksudnya, apa matlamat kita menghantar anak kita masuk ‘U’. Hendak main politik kah hendak belajar? Hendak jadi profesional kah, hendak jadi *politician*? Jikalau hendak jadi *politician*, dapatkan *degree* dahulu. Sudah dapat *degree*, lantak kamulah hendak jadi apa. Oleh sebab sudah ada kelengkapan, sudah ada kepandaian, sudah ada kematangan, persiapan. Ini belum apa benda, baru *first year* sudah jadi Presiden MPP, dia berlagak lebih daripada *Prime Minister*. Saya tahu sangatlah, dia jadi Presiden MPP, lagak lebih daripada Perdana Menteri sebab dia presiden, lebih kurang sama dengan Trump, besar tidak besar dia.

Saya hendak katakan di sini, saya setuju dan saya tidak kisah, bolehlah. Walaupun dahulu *stand* saya memang saya tidak setuju. Pada hari ini dengan polisi baru, 18 tahun sudah boleh mengundi, okeylah tidak mengapalah, ada fleksibiliti. Akan tetapi saya minta beberapa perkara mesti dibuat dan rakan-rakan saya telah pun memberikan nasihat tadi, ia mesti ada peraturan-peraturan tertentu.

Terdapat tiga perkara yang mesti difahami. Tidak kisahlah, hendak benarkan budak-budak hendak wujudkan *office* politik di dalam kampus. Dalam saya katakan *live telecast* itu yang saya bergaduh dengan Menteri. Saya kata, saya tidak boleh bayangkan dalam universiti katakan di UM kah, di UiTM kah ada pejabat DAP, pejabat UMNO, pejabat MCA, pejabat MIC, pejabat parti bunga. Eh! Semua ada berderet-deret...

**Seorang Ahli:** Bersatu, marah nanti...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sebab *tie* saya banyak bunga [*Ketawa*] Pejabat Bersatu, saya minta maaf. Saya tidak boleh bayangkan.

Minta maaf ya, pejabat dalam kampus ini, ia jadi pejabat bukan untuk belajar tetapi pejabat untuk bergaduh. Apatah lagi pejabat ini dicucuk oleh pemimpin-pemimpin politik dari luar, menggunakan budak-budak ini untuk dapatkan pengaruh dan budak-budak ini tersilap langkah, dia sama dia akan bergaduh.

Saya tidak boleh bermimpi, pejabat DAP akan bergaduh, budak-budak DAP bergaduh dengan budak-budak UMNO. UMNO bergaduh dengan PAS, tidak ada kerja lain. Saya cukup tidak mahu bayangkan ada diwujudkan pejabat-pejabat politik dalam kampus. Ini pakcik cakap melalui pengalaman, pakcik tidak marah, hendak buat, buatlah. Biar pakcik cakap dahulu, esok hendak buat, kalau berlaku jangan kata pakcik tidak bagi nasihat...

**Seorang Ahli:** *Steady* lah pakcik.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Pakcik cakap betul ini. Jangan, sebelum ia berlaku, terutama keadaan pada hari ini, kalau tidak berwaspada akan berlakulah balik keadaan sebelum tahun 1976. Oleh sebab keadaan pada tahun 1976, minta maaf ya, banyak pemimpin pada hari ini, hasil daripada tahun 1971 hingga tahun 1976, UM dan UiTM. Saya tidak mahu sebut nama, dalam Menteri dan Timbalan Menteri yang atas-atas pun ramai daripada ITM dan UM tahun 1971 hingga 1976. Boleh agak siapa?... [*Disampuk*] Tidak payah cakap [*Ketawa*]

Ada, hebat. Mereka hebat. Akan tetapi pada masa itu, pemimpin-pemimpin matlamat mereka mempertahankan- masa itu mereka bergaduh fasal kemiskinan, rakyat susah, kebajikan, dia fokus ke situ dan status universiti. Pada kali ini, masalah lebih kurang sama,

budak-budak di universiti sedang marah tentang PTPTN. Kos sara hidup tinggi. Itu tidak ada, ini tidak ada. Emak bapa di kampung *rubber tapper*, petani tidak ada bantuan dan parti politik tertentu akan cari kesempatan mencucuk budak-budak ini, tidak payah cucuk pun budak sudah marah. Oleh sebab PTPTN masih kena bayar, gaji sudahlah rendah.

Anak-anak saya Ahli-ahli Yang Berhormat, suami isteri bekerja, *there are profesional*. Empat orang anak saya duduk dengan saya satu rumah. Suami isteri bekerja, tidak ada duit hendak beli rumah. Hendak beli *apartment* dua bilik dekat Shah Alam melebihi setengah juta. Mana ke *jadah* dia hendak cari duit? Akhirnya saya cakap, "*Nak duduk dengan ayah. Apa ayah makan, kamu makan. Sekurang-kurangnya di rumah ada bilik kamu, ayah siapkan aircond di setiap bilik, kamu duduklah dengan anak bini kamu*".

Apatah lagi pelajar-pelajar pada hari ini, dengan masalah kos sara hidup, dengan PTPTN tidak ditunaikan, dengan itu dan ini. Ya Allah, banyaknya *problem*. Mereka akan marah dan saya takut. Walaupun benda ini kalau hendak ikut kita tidak mengapa, hendak buat lagi gaduh. Tidak! Saya takut. Bukan saya bimbang PH jatuh atau tidak, saya bimbang kita susah. Budak-budak akan senang dicucuk. Ini pakcik bercakap berdasarkan pengalaman, cukup mudah dicucuk dengan keadaan realiti kos sara hidup pada hari ini memang mereka akan cepat melatah dan mereka akan *start* semula sebelum tahun 1976, demo, demo, demo!

Kemudian, baru kita tahu apa demonstrasi yang sebenarnya dan kita kan menyesal. Itu hendak buat, buat, saya tidak marah tetapi saya kata ada syarat tadi Yang Berhormat, boleh bukan tidak boleh. Saya faham ia merupakan satu manifesto di dalam itu. Hendak buat, buat, tidak ada hal. Cuma saya hendak minta dicatatkan, apakah syarat-syaratnya...

**Puan Raj Murni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila.

**Puan Raj Murni binti Sabu:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya berkongsi kerisauan dengan Yang Berhormat.

Saya juga seperti mana dalam perbahasan tadi saya juga telah menyentuh beberapa perkara yang Yang Berhormat Yang Berhormat sebut. Cuma, adakah Yang Berhormat Tan Sri setuju bahawa setelah kita melaksanakan ataupun memperkenalkan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) yang akhirnya melarang para pelajar langsung terlibat dan berbicara tentang isu-isu politik negara di luar, di dalam kampus. Maka, menyebabkan pelajar-pelajar, mahasiswa sebenarnya mencari jalan untuk mengetahui isu-isu politik ini secara sendirilah, di

luar. Pada masa yang sama pula, kita tidak membezakan antara politik nilai, politik idea dengan politik kepartian.

Justeru, adakah Yang Berhormat Tan Sri setuju. Saya juga ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Tan Sri setuju bahawa, dengan kita- kalau apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, maknanya politik itu bukan bermakna membawa parti politik tetapi membawa diskusi-diskusi tentang isu-isu dan nilai-nilai. Kalau dengan cara itu barangkali, kita akan lebih mendedahkan pelajar-pelajar kita untuk lebih kreatif, kritis, berkolaborasi sesuai keterampilan dengan abad ke-21, Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Itu saya memang setuju Yang Berhormat. Ini kita hendak bezakan. Apabila kita kata membuka, memberi seluas-luasnya peluang autonomi kepada para pelajar untuk berpolitik. Apa makna yang sebenarnya? Boleh, dua-dua boleh pada saya. Sebab itu yang saya perhatikan daripada segi rohnya, di sini memang itu yang mereka hendak. Pada yang sebenarnya, saya lebih menekankan kepada mengajar ilmu politik, cara berpolitik.

Mengajar bagaimana dengan politik menjadikan negara kita bersatu padu. Mengajar melalui politik bagaimana Perlembagaan mesti difahami dan di akur. Mengajar tentang banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan politik dengan semangat patriotisme negara, jati diri negara. Itu saya sokong. Apa yang saya paling takut, kita melatih anak-anak kita menjadi a *real politician politic* yang akan bergaduh apa sahaja, janji politik dia menang.

#### ■1600

Apa yang saya paling takut, tiga perkara yang saya hendak bentangkan ini. Saya benarkan, saya setuju tetapi tiga perkara ini mesti diakuri. Pertama, bezakan apa yang Yang Berhormat kata tadi, yang mana kita hendak ikut yang sebenarnya. Saya setuju 100 *percent*, saya sokong. Akan tetapi, yang mana satu? Fokusnya yang mana lebih penting? Mengikut keadaan politik semasa, keadaan sosial negara pada hari ini, sosiopolitik negara, yang mana lebih penting? Ini saya minta orang politik fikirkan untuk kepentingan negara.

Tiga perkara, kalau hendak buat dua-dua pun, yang pertama, kalau sekiranya pemimpin politik hendak masuk kampus, Perdana Menteri kena *vet* dulu orang politik mana boleh masuk kampus. Orang politik yang rasis, yang cauvinis diharamkan sama sekali. Jangan cucuk pelajar-pelajar saya. Jangan dibenarkan orang politik yang ada rekod membuat perkataan-perkataan yang begitu provokatif, menghina bangsa Melayu sehina-hinanya ke tahap yang ekstrem.

Saya pun tidak sanggup tengok video itu. Saya sendiri pun tidak tergamak hendak dengar. Saya tidak sanggup. Menghina bangsa Melayu pada hari ini dengan begitu ekstrem, penghinaan yang tidak boleh diterima akal. Orang itu mesti diharamkan. Dia kalau masuk, saya akan tentang. Saya tidak benarkan orang macam ini masuk. Banyak orang politik yang baik. Saya boleh katakan 99 *percent* baik. Ada seekor, dua ini jangan terima. Jangan biar susu sebelanga rosak disebabkan oleh nila setitik.

Itu yang pertama iaitu orang politik yang betul-betul semangat politik Malaysia, sifat jati diri, patriotisme yang bermatlamat untuk menjadikan anak-anak muda pemimpin yang baik, yang beretika, yang beradab sopan. Bukan mencucuk budak ini jadi rasis, cauvinis. Tidak ada kerja lain, modal dia kutuk, kutuk, kutuk, maki Melayu, maki Melayu, maki Islam. Tidak ada kerja lain. Ini diharamkan. Kalau masuk, saya sendiri akan- saya tidak mahu cakap, saya akan buat. Saya tidak akan benarkan sebab saya sudah bagi kelulusan. Dulu saya kata saya tidak setuju, sekarang saya setuju Yang Berhormat. Saya setuju, buatlah tetapi itu syarat. Saya akan pantau. Orang politik yang kurang ajar macam ini kalau dibenarkan masuk, saya akan tentang dan saya akan bangkit. Itu yang pertama.

Kedua, saya minta sangat pelajar-pelajar ini yang saya kata tadi anak-anak kita, mereka mesti dididik menjadi bakal pemimpin. Bukan saja bakal pemimpin politik tetapi pemimpin semualah, pemimpin masyarakat yang berhemah dan beradab apatah lagi apabila dibenarkan bermain politik dalam kampus. Dulu tidak benar, pada hari dibenarkan tetapi mesti dibimbing dan diberitahu *the right and the wrong, the do and the don't*. Mesti diberitahu, mesti dibimbing.

Anak-anak kita ini *they are clean*. Saya sudah berkecimpung dengan mereka lama. *They are clean, they are innocent*. Apa yang menjadikan mereka jahat ialah kita. Macam di universiti budak-budak baik, studen yang beritahu, pensyarah sebelum dia bagi *lecture*, lima minit dia sudah cucuk, sudah budak-budak jadi mabuk. Kita yang bertanggungjawab. Akan tetapi kalau kita, Pakatan Harapan, harapan baharu bertujuan murni, ikhlas, kita bimbing budak-budak kita, kita jangan cucuk, kita jangan rasis, jangan cauvinis. Kita bersifat Malaysia untuk semua kaum. Mesti bersifat adil. Itu untuk studen.

Untuk pentadbiran universiti...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Mohon mencelah.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Tan Sri, saya hendak bertanya sedikit sebab tadi Yang Berhormat Tan Sri kata 99 *percent* baguslah *politician* ini, setengah-setengah itu ada yang kurang ajar, rasis dan sebagainya.

Sekarang Yang Berhormat kata tadi pula pensyarah-pensyarah pula yang cucuk, cucuk ini [*Ketawa*] Jadi kalau yang *politician* hendak masuk universiti itu, kita boleh- Tan Sri kata, "*Saya akan pertahankan*". Akan tetapi kalau yang duduk dalam itu Yang Berhormat, kita hendak buat macam mana? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang berlaku ya. Pensyarah punya peranan ini penting sebab pensyarah ini budak-budak hormat. Apa saja dia cakap, budak-budak dengar. Perkara yang ya, yang tidak ya, betul tidak betul, budak-budak ingat betul. Memang betul. Tadi masalah *politician*, masalah pensyarah pun memang merupakan satu masalah.

Itu sebab yang ketiga saya katakan tadi, saya baru hendak masuk, iaitu pentadbiran universiti terutama naib canselor, dekan, rektor mesti bersikap adil, mesti memantau. Jangan pilih bulu, mesti profesional, jangan berat sebelah. Tidak kira parti apa, parti pembangkang atau parti pemerintah mesti dilayan sama sebab ini telah dijadikan undang-undang. Jangan pilih bulu. "*Oh, yang ini boleh masuk, yang itu tidak boleh masuk.*" Baru-baru ini saya pernah mendengar ada ketua-ketua bahagian dahulu yang biasa masuk sekolah, sekarang pengetua kata sudah tidak boleh masuk. "*Saya takut, nanti orang akan tahu. So, dia tidak boleh masuk.*" Akan tetapi dengan ada ini, *insya-Allah* mereka boleh masuk tetapi mesti berlaku adil.

Jadi tiga kategori ini Yang Berhormat, saya rasa kalau kita ikut betul-betul Yang Berhormat Menteri, *insya-Allah* boleh berjaya. Akan tetapi syarat-syarat yang ketat yang saya katakan tadi mesti diikuti. Saya hendak katakan tadi, apakah ilmu...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon celahan satu.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Sebab ini daripada- Yang Berhormat ini bos sayalah. Saya sebenarnya tertarik untuk bawa perbincangan. Sebenarnya bila kita bincang, kita fahamlah. Kita ada sedikit kerunsingan. Kita hendak lepas mereka ini tetapi dalam masa yang sama, kita hendak tarik tali sebab kita takut mereka ini tidak ada keupayaan untuk menilai.

Jadi bila disebut tadi kita hendak pantau dari sudut siapa yang masuk, siapa yang keluar, tetapi sebenarnya liabiliti pemantau itu macam mana? Oleh sebab itu saya kata tadi interpretasi itu. Siapa yang boleh kata dia ini *cauvinis* atau dia ini *ekstremis*, siapa yang boleh kata? Ini sebab mungkin saya pun dianggap sebagai *ekstremis* atau macam mana sebab saya

ini PAS? *[Ketawa]* Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, contoh. Jadi, macam mana? Oleh sebab itu interpretasi ini kita kena jelaslah.

Kedua, kita hendak lahirkan *leader* yang macam mana 20 tahun, 30 tahun akan datang? Ini sebab kita kena faham macam ini, ada budak jenis sifat dia *entrepreneurship*, ada budak dia jenis ada nilai *leadership*, ada budak yang memang kaki *hu ha! Hu ha!* Jadi yang *leadership* ini kita tahan macam mana pun, dia akan ada jiwa kepimpinan, idealistik, memang di mana pun dia akan pergi kepada dunia kepimpinan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Di UiTM.

**Puan Asmak binti Husin:** Di UiTM, di mana-manalah tetapi saya daripada UM. Oleh sebab itu jiwa saya jiwa reformasi.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** *[Ketawa]*

**Puan Asmak binti Husin:** Suka dia guna perkataan reformasi. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan ada ibu bapa yang mengajar anak bila masuk universiti kena main politik. Saya salah seorang di antaranya. Ini sebab anak saya ada yang berkecenderungan seorang itu minat seni, yang seorang ini memang dia minat jadi pemimpin. Jadi saya kata dia mesti diasah menjadi pemimpin sejak daripada sekolah sampai kepada universiti, sampai keluar sebab *kot-kot* mana, dia kena ganti saya. Jadi macam mana pandangannya? Contohnya. Sekian, terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Itu Yang Berhormat, bukan kita minta dia jadi orang politik. Itu kita minta dia bersiap sedia menjadi pemimpin. Itu kita kena bezakan. Ini sebab dari dahulu daripada sekolah, saya rasa memang kita dilatih menjadi pemimpin. Saya pun sekolah rendah pun Darjah 4 saya sudah mewakili sekolah dalam bahas. Darjah 4... *[Tepuk]*

Masa saya *high school* di Melaka, saya yang paling budak. Rasa ada gambar di rumah, saya pakai seluar pendek, baru *Form 2*. Pembahas lain budak *Form 6*, saya *the only* budak kecil, pendek saja. Maksudnya, memang kita dilatih menjadi pemimpin. Itu memang. Bahkan sebelum tahun 1976, tahun 1971 pun, saya masih ingat semasa saya menjadi pemimpin pelajar, saya terlibat, saya menghadiri satu *conference* antarabangsa belia-belia seluruh- yang dibuat di KL, dirasmikan oleh Tun Razak.

Saya masih ingat. Kita pada masa itu, pelajar-pelajar juga dibenarkan melawat ke luar negara. Semasa banjir yang paling besar di Malaysia berlaku pada tahun 1970, tahun 1971, Kampung Baru dan Datuk Keramat, saya sebagai ketua kumpulan pergi ke Kampung Baru, Datuk Keramat menolong mangsa banjir. Masa Kampung Abdullah Hukum terbakar bulan



puasa, kita mengambil separuh daripada nasi di UiTM hantar kepada orang Kampung Abdullah Hukum. Itu kemasyarakatan. Bahkan saya masih ingat saya mengetuai satu rombongan ke Bentong pada tahun 1971. Banyak benda kepimpinan yang kita buat, tidak ada hal.

Apa yang kita tidak mahu ialah budak-budak ini melibatkan diri yang sepatutnya mereka fokus kepada pelajaran, mereka lari kepada benda-benda yang boleh merosakkan pemikiran. Apatah lagi budak-budak Melayu ini cukup cepat rosak pemikiran.

#### ■1610

Suruh berpolitik, memang cepat dia berpolitik. *Fuh*, pandai dia- memang dia bijak. Akan tetapi dia akan *sacrifice* pelajaran dia. Itu yang kita takut. Itu yang saya katakan pada tahun 1976, 284 budak-budak digantung dan dibuang. Itu pengalaman saya sendiri dan kita terpaksa memanggil, *interview*, panggil ibu bapa masa itu arwahnya Datuk Lokman. Ya, saya kena pergi jumpa ibu bapa. *Interview* ibu bapa supaya ibu bapa *guarantee* anak kamu jangan demonstrasi lagi. Sampai begitu sekali. Hal ini kerana kita budak-budak ini belajar. Budak kampung, budak miskin, datang belajar dan bukan untuk berdemonstrasi, untuk belajar. *Alhamdulillah most of them* adalah akauntanlah, yang macam-macam, hebat belaka. Kalau budak ITM memang hebat sebab mereka fokus kepada pelajaran. Itu yang kita hendak lihat.

Bukan tidak boleh Yang Berhormat, boleh. Akan tetapi saya katakan tadi, inilah perkara-perkara yang pertama, yang kedua, yang ketiga saya katakan tadi, apabila memulakan kursus ini, boleh tidak kita buat *slowly, manman* la, orang Cina kata. Jangan terlampau agresif sangat. Buat yang elok dahulu, jangan tiba-tiba semua hendak mewujudkan politik yang macam dahulu punya, tahun 1976- *no, no, no!*

Ajar mereka, *what is politic?* Buat akademik dahulu *because they are student*. Bagi ilmu politik kepada mereka. Macam saya katakan, ajar mereka tentang perlembagaan, ajar mereka pentingnya perpaduan. Ajar mereka bagaimana sejarah telah menyatupadukan segala kaum di Malaysia ini dengan begitu baik, dengan begitu muafakat. Beritahu apa yang terjadi pada hari ini dan cari kelemahan-kelemahan dan kita cuba selesaikan masalah kerana budak ini esok, akan menyelesaikan masalah. Mereka yang akan jadi pemimpin, bukan kita.

Kita akan pergi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pergi, saya pun pergi, *goodbye, sayonara*. Mereka akan menghadapi dan mereka yang kena menjaga anak-anak dan cucu mereka. Ajar mereka *how to survive peacefully, harmoniously* di negara kita yang *stable*, hebat dan makmur. Ini yang kita hendak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah harapan saya, ya, pakcik mintak maaf kalau terkasar bahasa. Ada lagi.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat, saya bersetuju sangat ilmu politik perlu diajarkan di pusat-pusat pengajian tinggi dan universiti-universiti tetapi *references* itu, dengan izin, Yang Berhormat, macam mana kita hendak membawa anak-anak ini ke sekolah politik yang baik? Mereka datang ke Dewan Negara ini, mereka duduk di situ, okey, *alhamdulillah*. Kita *very discipline* dan Yang Berhormat pun begitu hebat berucap. Kalau ke sebelah sana itu Yang Berhormat, macam mana kita hendak ajar anak-anak kita ilmu politik yang baik? Pandangan Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Itu sebab saya, terima kasihlah. Yang sebenarnya saya memang meminta yang sebelah sana itu tengoklah bagaimana cara orang Dewan Negara berpolitik [*Ketawa*] Ramai betul yang sebelah sana ini, dekat belakang ini.

Jangan belajar gaduh. Tengok kita di sini, mana ada bergaduh. Saya bukan hendak semenjak saya dalam Dewan Negara, saya cukup bersyukur kepada Allah SWT. Cukup bersyukur sebab semenjak saya di Dewan Negara, saya pandang muka-muka bukan kaum Melayu ini, Cina, India ini macam adik-beradik. Saya dengan mereka, saya berpeluk *tau*, semua ini, saya berpeluk. Cuma yang perempuan saya takut hendak peluklah... [*Dewan ketawa*]

Kalau boleh yang perempuan pun saya hendak peluk. Ini sahabat saya, kalau boleh saya hendak peluk dia. Takut kena tempeleng pula nanti... [*Disampuk*] [*Ketawa*] Maksudnya, telah mengajar saya supaya tidak ada beza kita ini. Oleh sebab itu, bila kita *argue*, kita boleh dengar, kita tidak mengamuk, kita tidak marah, kita tidak ada menengking. Jadi, sahabat-sahabat di sana belajarlah daripada kita [*Ketawa*]

Jadi, saya rasa *insya-Allah* dan saya rasa memangnya saya secara ikhlas, Pakatan Harapan memang harapan baru. Biar kita tukar. Kita hendakkan satu negara yang makmur dan aman di negara. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah yang banyak ilmu dan pengalaman dalam bidang ini dan terima kasih atas pandangan tadi dan sekarang ada lagi hendak menjawab? Tidak ada ya?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh saya berbahas? Minta maaf, nama tidak sempat hantar, sebab tengok Yang Berhormat berbahas jadi bersemangat. Bolehkah saya minta berbahas Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

#### 4.15 ptg.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang saya kasihi rakan-rakan Senator semua. Dalam membahaskan cadangan pindaan akta ini, saya yakin ia bukanlah satu cadangan biasa. Mungkin nampaknya di atas itu “koma”, mungkin itu nampak atasnya perkataan “atau” tetapi bagi saya, dengan izin, *what is the underlying philosophy* ataupun falsafah di belakangnya?

Kenapa saya cakap begitu Tuan Yang di-Pertua, seingat saya, kita punya pilihan mahu membina pendidikan ala *Spartan* ataupun membina pendidikan ala forum. *Spartan* tinggal di berek. Kalau forum berada di ruang, bertukar-tukar pandangan mengenai falsafah dan sebagainya. Kalau *Spartan* pun boleh juga. Dua pilihan. Itu contoh-contoh di dalam pembangunan pendidikan.

Kita juga boleh mengambil pendekatan John Dewey, falsafah pendidik, Yang Berhormat Senator pun kenal, yang mengajar pendidikan dan demokrasi itu adalah satu perkara yang sinonim, dekat. Tidak boleh mengajar pendidikan tetapi natijahnya yang keluar perkara-perkara yang *undemocratic*. Maksudnya apa? Kita sudah tidak, tadi, tidak tahu menghormati, kita tidak menghormati wanita, kita berdiskriminasi, tidak menghormati hak-hak asasi, kata John Dewey tidak boleh.

Akan tetapi, kalau kita juga mengambil pendekatan macam Paulo Freire, seorang falsafah pendidikan di Brazil, jauh di Brazil sana. Dia bukannya maju sangat tetapi *popular education*-nya itu telah membentuk pemikiran yang mana masyarakat bangun apabila melihat penindasan. Ada dipanggil *pedagogy of the oppressed* dan macam-macam lagi. Akan tetapi yang ingin saya katakan di sini yang saya nampak di dalam pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja perkataan yang telah berjaya membawa satu universiti, dengan izin, “*The Winds of Freedom: Addressing Challenges to the University.*”

Kebetulan buku ini diberikan kepada saya oleh penulisnya itu namanya Gerhard Casper, orang yang bertanggungjawab mengangkat martabat Stanford University yang bukannya Ivy League tetapi telah menjadi universiti yang baru-baru ini antara yang tertinggi di

dunia mengatasi Harvard University, mengatasi MIT dan sebagainya. Jadi, apabila saya membaca buku ini, rupa-rupanya formula dia satu sahaja. *Freedom*.

Saya ingat perkara ini perkara baru. Rupanya dia, dia berasal daripada latar belakang Jerman. Gerhard Casper, pakar perlembagaan daripada Chicago University tetapi dibawa oleh ramai orang untuk memimpin Stanford University. Dapat berpeluang berjumpa dengannya dan saya ada tulis sikit di dalam buku saya.

Apabila saya tengok di sini, rupa-rupanya Stanford University ini, *emblem*-nya itu, dengan izin, *motto*. Kalau kita panggil apa? *Motto basically*, dia panggil apa jata, apa? Jata dia itu kan? Jata dia ialah berbunyi, saya pun terkejut, saya ingat *kot* dia kata dekat situ macam kita berilmu, *ber-apa*, kan? Macam di sekolah saya, dipanggil "*Fastaqim kama umirta*", kita kolej Islam. "Lakukanlah seperti mana kamu diajar"- maksudnya, dia suruh kita berilmu dan beramal.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang saya terkejut Tuan Yang di-Pertua, dia punya jata di situ namanya, "*Winds of Freedom*." Saya tidak, mulanya tidak faham bagaimanakah *freedom* boleh mengangkat universiti menjadi universiti ternama dunia? *Kan?* Oleh sebab itu tadi, saya melihat apakah kekuatannya? Jadi, apabila diolah, pertama sekali yang dibincangkan ialah pertama sekali kebebasan pertama sekali merupakan bukan sahaja kebebasan institusi tetapi kebebasan tenaga pendidik, kebebasan pelajar.

Kedua, dia juga mengatakan bahawa kebebasan pendidikan itu juga bermaksud kebebasan yang mencabar latar belakang sosial. Contohnya, kalau katakan sebuah universiti itu katakan di Sintok, dibina universiti di situ, macam mana Yang Berhormat katakan tadi, dia akan memberikan implikasi kepada masyarakat setempat. Macam Columbia University dibuat di kawasan-kawasan *slump* tetapi satu kawasan itu Tuan Yang di-Pertua, dia akan buat.

Contohnya kalau di Gombak itu, UIA akan jadi institusi yang relevan kalau UIA menyesuaikan diri dia dengan sekitar itu. Jadi, pelajar-pelajar itu akan memberontak apabila mencari kebenaran. Kebenarannya apa? Kalau ada masyarakat miskin di Gombak, mesti dibantu. Akan tetapi, kalau sebuah institusi itu tidak mampu untuk menyantuni kebejatan masyarakat, dengan izin, *to be the conscience of nation*, menjadi *dhomir* kepada masyarakat, saya rasa itu, institusi itu perlu dipertikaikan sebab saya pernah bertanya secara umum Tuan Yang di-Pertua, kenapa kampung saya Balik Pulau, separuh pulau. Ya. Separuh pulau Tuan Yang di-Pertua, Balik Pulau ini, ada di Georgetown ada Universiti Sains Malaysia, ada macam-macam.

Akan tetapi, kami di sebelah Balik Pulau ini, ya lah, dengan segala kemudahan yang terbatas tetapi mana mungkin sebuah institusi itu dia ada pengajian sosial, pengajian politik, tetapi kenapa institusi yang sehebat itu tidak mampu untuk memberi implikasi kepada kawasan sekitarnya. Okey, itu satu.

Apa yang dibicarakan dalam ini ialah rupa-rupanya dalam aspek pendidikan, kreativiti hanya akan terbentuk apabila ada kebebasan. Kreativiti takkan wujud Yang Berhormat Datuk Megat, apabila kita tidak rasa bebas, macam yang saya melawak. Awal bulan, *confident*, cakap *free*, sebab duit banyak. Tengah bulan, *slow* sikit, hujung bulan lagi *slow*, tambah pula pelajar hari ini yang kita mampu bina ialah generasi hutang. Agak-agak generasi hutang ini, bebas ataupun tidak untuk berfikir? Tak bebas. Duduk fikir nak bayar hutang, duduk fikir hendak kahwin, duduk fikir macam-macam. Bagi saya, dasar-dasar itu perlu dicari jalan keluar yang baharu.

Apabila saya tengok, pindaan ini merujuk kepada aspek tatatertib. Tuan Yang di-Pertua, di kampus kita tengok pelbagai watak. Ada yang watak datang dengan terbuka – saya mewakili bendera A, saya mewakili bendera B. Ini bagi kita yang di kampus kita tahu. Walaupun sekarang kita hendak wujudkan suasana yang lebih terbuka. Kamu, saya tahu kamu sebenarnya bendera apa. Kalau saya duduk sebelah Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin ini kalau di kampus saya tahu dia orang PAS. Akan tetapi salah kah dia jadi PAS? Soalannya.

Kedua, kalau saya dulu di universiti dahulu ada yang datang, namanya kelompok pro itu, kelompok pro ini. Akan tetapi apabila kita duduk bersama mereka, kita tahu ada yang sesetengah mendapat dana dari luar pun ada, tapi saya rasa dalam suasana Malaysia Baharu ini, saya rasa kita bukan kata semestinya akan berjaya, saya tidak mahu takbur. Akan tetapi saya rasa apa yang perlu kita, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, nyah-kan the *vener of fear*. Maksudnya *vener* ini dia macam lapisan bawang sahaja. Hendak kata tiada tetapi ada. Pelajar, kadangkala tidak berani sebab dia *ada vener of fear* itu, lapisan bawang sahaja tetapi dia tidak berani.

Pengalaman belajar di luar negara, Tuan Yang di-Pertua, ada pelajar yang kawan-kawan saya, dahulu kami di kampus tidaklah pandai sangat tetapi bila duduk dalam suasana yang bebas, yang dapat GPA tak pandai dahulu jadi GPA tinggi. Duduk tiba-tiba penasihat Obama, penasihat, masa itu siapa, Mitt Romney kepada George Bush, berdiskusi. “*Uish, macam ini rupanya politik.*” Dia memang cakap saya ialah penasihat Presiden Amerika

Syarikat, saya ialah pakar penasihat, katakan macam dia panggil Brzezinski. Saya penasihat, *National Security Adviser* kepada Jimmy Carter. Jimmy Carter punya dasar seperti ini.

Rupanya apabila kita didedahkan begitu, budak kampung ini, dia jadi pandai Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain Bin Tan Sri Haji Omardin. Saya pun tak tahu, itu yang saya cuba faham tetapi apabila saya membaca buku ini, *The Winds of Freedom: Addressing Challenges to the University*, saya percaya sebenarnya antara aspek pendidikan, baik atas nama politik atau sebagainya, dia mesti berjaya mendidik pelajar tersebut, membezakan apa yang maksudnya keadilan, apa itu *justice*.

Apa itu kebebasan, apa itu maksudnya zalim, apa maksudnya integriti. Kalau pendidikan itu tidak mampu mengangkat nilai, saya rasa itu bukan pendidikan, dan saya yakin pendidikan yang betul juga mampu, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah, membentuk satu pelajar yang *gentleman*. Dia menghormati orang tua, dia menghormati orang kurang upaya, dia menghormati wanita, itu bagi saya pendidikan. Kalau pendidikan hari ini yang kita tengok Tuan Yang di-Pertua, dia terpekik terlolong tidak tahu hendak hormat. Saya rasa itu bukan pendidikan.

*Point* seterusnya yang saya ingin bahas di peringkat ini, dalam rang undang-undang ini- hari ini kita bercakap dalam konteks Alaf-21 Tuan Yang di-Pertua. Pengalaman yang dibahaskan oleh rakan saya tadi, oleh Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim, itu sangat banyak benda yang boleh dipelajari, tetapi konteks sekarang konteks 21. Konteks 21 ini ialah konteks yang mana, bentuk pembelajaran bukan lagi bersifat vertikal, bukan lagi bersifat horizontal, *every point*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *is a centre-* bergantung kepada interaksi pelajar dan sebagainya.

Kalau interaksi yang diperlukan, di ruang yang bukan bebas, interaksinya akan terbatas. Sebab itu hari ini, saya percaya, yang menggagalkan perkara ini, saya boleh tunjuk contoh, hatta di Indonesia, pasca reformasi, dikatakan pembebasan telah dibuat. Sekarang tahun Pemilu. Tiba-tiba ada tadi yang kita bahaskan tadi, penguasanya si A, dulu si A ini boleh masuk kampus. Sekarang sebab ia sudah menjadi penguasa, dia tidak beri kawan dia yang dahulu masuk pula. Saya pun tidak mahu kebebasan yang disongsangkan sebegitu.

Kebebasan yang kita hendak, untuk tujuan tadi, pembentukan intelektual pelajar. So, bagi saya kalau kebebasan yang ada hari ini hanyalah kebebasan kepada sang penguasa untuk menyusun atur pembentukan minda, saya rasa saya tak hendak. Contohnya kalau saya katakan, dengan izin, saya percaya pepatah bahasa Inggeris itu, Tuan Yang di-Pertua, "*Good teacher makes good student*". Kalau kita punya pensyarah yang baik, dia akan

mengaspirasikan kita, akan tetapi kalau kita ada pensyarah yang tidak baik, ada juga- pelajar tidak boleh politik, yang pensyarah ini siang malam politik. Apa yang saya tahu pula, ada sesetengah itu buat *multi-level marketing* lagi. Bukanlah saya kata *multi-level marketing* itu salah, akan tetapi fokus kepada pelajar itu.

Jadi bagi saya, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya tegaskan di sini, kebebasan yang perlu kita bincangkan di Dewan yang mulia ini, kebebasan yang bagaimana.

Bagi saya kebebasan yang perlu diterjemahkan dalam institusi ini, kalau inilah Kementerian Pendidikan mahu untuk pelajar, mesti merujuk kepada kebebasan membentuk intelektual minda. Intelektual minda itu bukan intelektual yang di kotak-kotak kan oleh sang penguasa, yang mana hari ini, tak betul kotak penguasa hari ini, dia kata salah. Bagi saya itu bukan dan saya kata di sini, "*students you are free to make mistakes.*"

Sebenarnya saya menyokong pindaan ini, akan tetapi saya rasa sedikit terkilan, saya tak mahu AUKU ini Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu. Itulah saya katakan, terkilan, bukan kata kecewa. Dah rakan saya kata perlahan-lahan kan. Jadi, saya ini lebih percaya kepada bukan *Spartan*. Saya percaya kepada forum.

Akan tetapi ada sesetengah rakan saya, saya kena cakap, berpihak kepada saya. Dia masih lagi percaya BTN itu cara pendidikan. Saya kata tak, itu *Spartan*, duduk di berek. Saya hendak mereka duduk di forum, bincang, falsafah dan ingin saya katakan di sini, untuk meraikan pindaan ini, pegawai-pegawai di kementerian, wujudkanlah fakulti-fakulti falsafah, biar pelajar berdiskusi. Apakah idea-idea fundamental di belakang-belakang idea-idea besar ini? Supaya pelajar hari ini hendak bangunkan Malaysia yang baharu ini.

Saya kata kita tidak boleh secara langsung percaya ekonomi pasaran itu satu cara yang terbaik, kerana ekonomi pasaran banyak juga menggagalkan kita. Kita juga tidak boleh kata pendekatan yang kiri itu semuanya salah. Kiri itu, mungkin dalam konteks kita kepedulian rakyat. Kita tidak boleh kata pandangan liberal itu mesti bermaksud negatif. Liberal di sini mungkin bermaksud *generous*, ia membantu dan membela. Akan tetapi permasalahan kita hari ini, kita tidak berdiskusi, berbincang di dalam konteks kita. Ini bagi saya satu permulaan yang baik, saya boleh katakan untuk Kementerian Pendidikan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh menggulung.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey, hendak gulung, hendak *landing* sudah ini. Jadi, satu pernyataan yang baik, dan saya rasa langkah yang kedua selepas ini, mesti membuat keputusan. Jangan hanya, tadi, saya setuju di sana saya boleh bersama Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim, memberi kebebasan, tetapi

tidak punyai perancangan yang seterusnya. Lepas, lepas itu dia biar, jadi *unruly*. Bagi saya Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih, saya pun sangat besar hati kerana diberi peluang. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Pandangan yang baik.

Dan saya selepas ini diganti oleh Tuan Yang di-Pertua kita. Sebelum saya hendak keluar, saya hendak ucapkan terima kasih, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu profesional, bijak, kita bersama untuk- yang saya anggap masih sayang pada saya. Itulah saya rasa... [*Dewan riuh*]

Sampai petang malam bersama lagi, saya senang hati. Di sini saya rasa macam banyak ilmu yang saya dapat. Bak kata seorang pujangga Melayu, pengembara Melayu itu, Abdullah Munsyi berkata, "*Makin ku tebas dan terbang hutan itu, makin terasa oleh ku betapa tebalnya belantara itu.*" Itu dia kata-katanya.

Jadi saya ucap terima kasih banyak, maaf zahir batin dan saya hendak beritahu.

*Kalau kata janji harus ditepati;  
Undang-undang harus dipatuhi;  
Berjuang kita sesungguh hati;  
Demi rakyat yang kita kasih... [Tepuk]*

Ahli-ahli yang amat saya kasih...

*Kasih ibu membawa ke syurga;  
Kasih bapa sepanjang masa;  
Berhati-hati pulang ke kampung dan desa;  
Semoga dapat bersama keluarga yang tercinta.*

Jadi sekian, saya minta sekarang supaya kita punya Menteri menjawab soalan itu. Terima kasih.

■1630

4.30 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang ambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Pertamanya, saya hendak jawab soalan tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf ya. Yang Berhormat, boleh teruskan.



**Puan Teo Nie Ching:** Okey, pertamanya saya nak jawab tentang tindakan tatatertib yang diambil terhadap pelajar kita dan selepas pindaan kepada akta ini apa yang akan berlaku. Kalau saya boleh rujuk kepada fasal 3 rang undang-undang untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib)...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf ya.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung jawapan saya. Kalau kita rujuk kepada fasal 3, telah menyatakan bahawa, *“Semua tindakan tatatertib terhadap mana-mana pelajar institusi yang berhubungan dengan perkara yang disebut dalam perenggan 10(2)(c) Akta Ibu yang belum selesai di hadapan pihak berkuasa tatatertib sebaik sebelum permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini, dihentikan.”*

Jadi fasal ini memang dengan begitu jelas menyatakan bahawa segala tindakan tatatertib yang masih belum selesai pada hari akta ini berkuat kuasa haruslah dihentikan serta-merta. Akan tetapi setakat ini kalau di IPTS memang tiada kes yang telah direkodkan dan untuk IPG juga memang tiada kes yang telah direkodkan tetapi kalau saya boleh kongsi maklumat tentang kes-kes tatatertib di universiti awam. Data yang diperoleh daripada universiti awam dari tahun 2010 sehingga 2017 telah mencatatkan sebanyak 8,777 kes tatatertib yang melibatkan kesalahan akademik dan sahsiah yang didakwa di bawah kaedah tatatertib pelajar universiti masing-masing.

Bagi kes yang melibatkan unsur politik, pihak universiti awam melaporkan sebanyak 20 kes yang didakwa di bawah beberapa akta termasuklah AUKU selain daripada kaedah tatatertib pelajar bagi universiti masing-masing. Apabila dilihat dari segi populasi universiti, peratusan kes tatatertib ini adalah sangat kecil iaitu kurang daripada 0.01 peratus daripada populasi universiti tersebut. Kes yang telah selesai, yang telah diputuskan oleh mahkamah atau universiti, sebenarnya apabila sesuatu keputusan telah dibuat sama ada oleh mahkamah, maka hakim berkenaan telah *functus officio* maksudnya tamat menjalankan tugas kehakiman.

Apa yang kerajaan boleh lakukan ialah memberhentikan sebarang pendakwaan di mahkamah yang masih dalam perbicaraan jika ada atas nasihat Jabatan Peguam Negara atau

kes-kes tatatertib yang sedang didengarkan oleh pihak universiti, kita boleh minta mereka untuk hentikan.

Jadi berhubung dengan pelajar yang telah dikenakan hukuman tatatertib, maka rayuan terhadap hukuman tersebut bolehlah dibuat kepada universiti atau institusi yang berkenaan, tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta 174 dan kaedah-kaedah yang sewajarnya kecuali bagi hukuman tatatertib pembuangan daripada institusi yang mana rayuan terhadap sabitan dan hukuman itu telah ditolak di peringkat rayuan, maka pelajar bolehlah meneruskan pengajian setelah menjalani hukuman yang sewajarnya.

Selain daripada itu, tentang soalan sama ada parti politik boleh menggunakan premis sekolah untuk mengadakan mesyuarat parti politik. Sebenarnya kalau ikut peraturan KPM, premis sekolah di bawah KPM memang tidak boleh digunakan untuk mengadakan mesyuarat parti politik. Ini memang adalah garis panduan kita sedia ada.

Tentang isu-isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah dan juga Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi, saya rasa ini mungkin boleh menjadi jawapan saya. Saya rasa unsur politik berada di kehidupan kita setiap hari. Jadi apabila, matlamat pergi ke universiti memang adalah untuk pendidikan, sama juga untuk seseorang yang kerja di mana-mana syarikat tetapi ini tidak bermaksud bahawa selepas kita ada apa-apa penglibatan dalam politik, maknanya kita akan lupa matlamat kita untuk masuk ke universiti atau pergi ke syarikat yang kita bekerja ataupun berkhidmat.

Jadi saya rasa, sekarang peraturan atau undang-undang yang sedia ada menyatakan pelajar-pelajar kita di universiti atau IPTS ataupun di politeknik tidak boleh berpolitik di dalam kampus walaupun golongan yang umur sama tetapi mereka tak masuk universiti, tak masuk IPTS, tak masuk kolej komuniti, mereka berhak untuk berpolitik. Jadi ini adalah hak yang tidak sama rata, ini yang patut kita beri, memulangkan hak untuk berpolitik kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi kita.

Jangan lupa, kita sekarang cadangkan untuk turunkan had umur undi. Jadi ini adalah satu aspek yang sangat penting yang kita perlu ambil kira. Kalau mahasiswa kita tak boleh berpolitik dalam kampus semasa mereka menuntut ilmu di IPTA dan IPTS, bagaimana mereka boleh membuat satu keputusan yang tepat semasa PRU? Umur 18 tahun ini saya rasa mereka sudah cukup matang untuk buat keputusan. Kita benarkan golongan ini untuk memandu kereta, kita membenarkan golongan ini untuk kahwin, jadi saya rasa untuk membenarkan mereka mengundi juga adalah patut dan sewajarnya.

Oleh sebab itu kita perlu memberi ruang dan kebebasan kepada golongan ini untuk memahami politik dan juga ada peluang untuk mengutarakan pandangan mereka. Jadi saya rasa tidak perlu kita risau sangat bahawa selepas pindaan ini dibuat, jadi secara tiba-tibanya pejabat parti politik akan diwujudkan di semua kampus. Saya rasa ruang di dalam kampus ini juga amat terhad. Pada 15 tahun dahulu saya menuntut ilmu di Universiti Malaya, masa itu saya seorang anggota persatuan debat, masa itu tidak ada bilik darjah, tidak ada pejabat untuk persatuan saya. Sampai hari ini selepas 15 tahun, persatuan banyak lagi dalam kampus kita yang masih tidak ada pejabat sendiri untuk aktiviti-aktiviti sendiri.

Jadi saya nak ulang apa yang saya telah nyatakan semasa menggulung perbahasan rang undang-undang untuk meminda AUKU iaitu kewujudan parti politik ataupun cawangan parti politik di dalam kampus adalah terpulang kepada pihak universiti untuk mengeluarkan garis panduan dan ini adalah hak mereka untuk buat keputusan. Saya rasa kita perlu memberi kepercayaan kepada pihak pengurusan tertinggi di dalam universiti kita dan juga di IPTS dan juga di kolej komuniti dan masing-masing. Jadi saya rasa yang lain banyak yang sebenarnya saya telah sebut semasa penggulungan rang undang-undang AUKU. Jadi saya tidak berhasrat untuk mengulang.

Jadi sebelum saya tamatkan penggulungan saya, saya di sini juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang bukan sahaja telah menyokong ketiga-tiga rang undang-undang ini tetapi juga untuk semua teguran, nasihat ataupun ajaran yang telah diberi kepada saya semasa sidang Dewan Negara ini. Di sini saya juga hendak ucapkan *Merry Christmas* dan *Happy New Year* kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian sahaja, terima kasih.

■1640

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sudah pandai menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli) dan diluluskan]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG MAKTAB KERJASAMA (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) (Pindaan) 2018 iaitu suatu akta untuk meminda peruntukan bagi teks bahasa kebangsaan Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 dan untuk meminda Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 dan *Co-operative College (Incorporation) Act 1968* dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Maktab Kerjasama Malaysia telah diwujudkan melalui Akta No. 35 tahun 1968 atau digelar Akta No. 35, diwartakan pada 16 September 1968 dan berkuat kuasa pada 1 November 1968. Akta No. 35 ini adalah bertujuan untuk memperbadankan Maktab Kerjasama Malaysia bagi maksud membangun dan menggalakkan latihan dan pendidikan koperasi serta mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta No. 35 ini kemudiannya telah disemak semula pada tahun 1990 dalam versi bahasa Inggeris. Melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 [Akta 437] dan dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia (MKM). Selanjutnya Akta 437 ini dipinda pada tahun 2011

melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2011 ataupun dipanggil Akta A1398 di mana Maktab Kerjasama Malaysia dijenamakan semula sebagai Maktab Koperasi Malaysia (MKM) berkuat kuasa pada 1 September 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan berpandangan bahawa nama MKM perlu diubah kepada Institut Koperasi Malaysia bagi menyesuaikan peranan dan tanggungjawab MKM selaras dengan hasrat negara untuk meningkatkan pembangunan modal insan di bidang koperasi melalui Dasar Koperasi Negara 2011-2020. Ia juga sejajar dengan peranan MKM yang merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi yang melaksanakan kursus-kursus wajib dan generik dalam bidang koperasi dan untuk menyesuaikan permintaan terhadap keperluan latihan dalam bidang keberhasilan ekonomi.

MKM juga merupakan satu-satunya pusat latihan dan pendidikan koperasi di negara ini. Penjenamaan semula MKM melalui pertukaran nama daripada maktab kepada institut akan dapat memastikan imej MKM ini dapat dinaiktarafkan.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, usaha transformasi MKM telah diterjemahkan dengan penubuhan sebuah institut pengajian tinggi swasta (IPTS) oleh salah sebuah syarikat kendalian MKM sendiri iaitu MKM Global Holdings Sdn. Berhad. Kolej ini dinamakan Kolej iCOOP, bertujuan menjalankan perniagaan pendidikan jangka panjang. Ia sebuah IPTS. Namun, MKM perlu diperlihatkan sebagai pusat latihan induk dalam bidang koperasi di negara ini dan mengelakkan kekeliruan ataupun pertindihan nama dengan anak syarikat yang ditubuhkan seperti yang disebutkan tadi.

Selaras dengan peranan MKM yang akan dijenamakan semula sebagai institut, maka fungsi Kumpulan Wang Amanah juga akan diperkukuhkan melalui Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 yang telah dinyatakan secara jelas adalah untuk membiayai apa-apa perbelanjaan untuk MKM yang ditubuhkan di bawah Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) [Akta 437]. Fungsi Kumpulan Wang Amanah ini antara lain adalah diperuntukkan seperti berikut:

- (i) membiayai apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penganjuran seminar, persidangan atau mesyuarat koperasi dan penyertaan mana-mana anggota daripada mana-mana koperasi yang dinamakan oleh suruhanjaya dan diluluskan oleh jawatankuasa bagi tujuan menyertai seminar, persidangan atau lawatan sambil belajar di peringkat antarabangsa;

- (ii) membiayai apa-apa perbelanjaan berkenaan dengan pengurusan MKM; dan
- (iii) membiayai apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama akta yang dicadangkan adalah untuk satunya, mengadakan peruntukan bagi teks Bahasa Kebangsaan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2011.

Seperti yang saya sebutkan awal tadi, pada tahun 1990, akta yang sedia ada ketika itu disemak dalam bahasa Inggeris sahaja dan tidak dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan. Maka, kali ini kita pinda sewajarnya.

Keduanya, meminda Akta Maktab Kerjasama (Permerbadanan) 1968 dan *Co-operative College (Incorporation) Act 1968*. Ini yang substantifnya. Pindaan-pindaan dalam akta yang dicadangkan merangkumi:

- (i) Bahagian I. Tajuk ringkas dan permulaan tarikh kuat kuasa;
- (ii) Bahagian II. Pindaan kepada teks bahasa kebangsaan Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 [*Akta A1398*];
- (iii) Bahagian III. Pindaan kepada Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 atau Akta No. 35 tahun 1968; dan
- (iv) Bahagian IV. Pindaan kepada *Co-operative College (Incorporation) Act 1968 [Act 437]*.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini melibatkan empat bahagian tadi dan mengandungi 17 Fasal kesemuanya. Antara fasal-fasal pindaan utama dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 di Bahagian I mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Di Bahagian III, fasal 3 bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta No. 35 tahun 1968 dengan menggantikan perkataan, "*Maktab Kerjasama*" dengan perkataan "*Institut Koperasi*".

#### ■1650

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am untuk menggantikan perkataan "*Maktab*" dengan perkataan "*Institut*". Penggantian ini bertujuan untuk membolehkan transformasi menyeluruh kepada institut dibuat supaya setara dengan institusi latihan lain berhubung dengan koperasi di peringkat antarabangsa.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 hendaklah selepas akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sebutan mengenai Maktab yang ditubuhkan di bawah Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah selepas akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Institut Koperasi Malaysia.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 35 tahun 1968 untuk mengadakan peruntukan bagi penguntukan yang diterima oleh institut daripada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi yang ditadbir oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Fasal 10 memperuntukkan bagi peruntukan kecualian dan juga peralihan. Di Bahagian IV.

Pindaan ini fasal 11 bertujuan untuk meminda tajuk panjang *Act 437* dengan menggantikan perkataan "*Co-operative College*" dengan "*Co-operative Institute*".

Fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am untuk menggantikan perkataan "*Kolej*" dengan perkataan "*Institut*". Penggantian perkataan kolej kepada perkataan institut untuk membolehkan transformasi menyeluruh kepada institut dibuat supaya setara dengan institusi latihan lain berhubung dengan koperasi di peringkat antarabangsa.

Fasal 14 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sebutan di dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai *Co-operative College (Incorporation) Act 1968* hendaklah setelah akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa ditafsirkan sebagai sebutan mengenai *Co-operative Institute of Malaysia (Incorporation) Act 1968*.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sebutan mengenai kolej yang ditubuhkan di bawah *Co-operative College (Incorporation) Act 1968* dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah setelah akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa ditafsirkan sebagai sebutan mengenai *Co-operative Institute of Malaysia*.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 7, *of Act 437* bagi mengadakan peruntukan bagi penguntukan yang diterima oleh institut daripada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Dan fasal 17 Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan bagi peruntukan kecualian dan peralihan.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi teks Bahasa Kebangsaan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2011 dan untuk meminda Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968, dan *Co-operative College (Incorporation) Act 1968* dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Oleh sebab tidak ada nama diberi Yang Berhormat Menteri tidak payah jawablah...  
*[Dewan ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin) dan diluluskan]*



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2018****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Sewa Beli 1967 iaitu Akta 212 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia bentuk dan kandungan perjanjian sewa beli, hak dan tanggungjawab pihak-pihak kepada perjanjian sedemikian dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

**■1700**

Pada tahun 2010, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat pindaan ke atas Akta Sewa Beli 1967, Akta 212 melalui Akta Sewa Beli (Pindaan) 2010. Pindaan ini telah berkuat kuasa pada 15 Jun 2011. Di bawah pindaan tersebut, beberapa peruntukan baharu telah dimasukkan dalam Akta 212 khususnya seksyen 4G yang bertujuan untuk memastikan pengguna yang berhasrat untuk memasuki perjanjian sewa beli bagi kenderaan bermotor terpakai membuat pengisytiharan bertulis mengenai apa-apa kerosakan kenderaan motor terpakai itu selaras dengan laporan pemeriksaan oleh pihak berkuasa relevan- *relevant authority*, dengan izin, yang ditentukan oleh pengawal- *controller*. Pengawal di bawah peruntukan ini adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pemeriksaan sewa beli- *hire purchased inspection* bertujuan memastikan kenderaan motor terpakai yang disewa beli di pasaran merupakan kenderaan yang selamat untuk berada di atas jalan raya dan mengekang penjualan kenderaan potong sambung serta kenderaan curi. Pemeriksaan sewa beli juga merupakan langkah perlindungan kepada pengguna dan institusi kewangan di samping merangsang perkembangan industri kenderaan bermotor terpakai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kadar fi yang dikutip semenjak pelaksanaan pemeriksaan sewa beli bagi kenderaan bermotor terpakai adalah berdasarkan persetujuan yang dicapai antara pihak berkuasa relevan dan pengawal yang dinyatakan melalui perjanjian yang dimasuki.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018 yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi perlindungan kepada pengguna dalam seksyen 4G dengan memperuntukkan keperluan pembayaran fi yang ditetapkan kepada pihak berkuasa relevan bagi maksud pengisytiharan kenderaan motor terpakai dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan fi yang dikenakan oleh pihak berkuasa relevan yang ditentukan oleh pengawal bagi maksud pengisytiharan kenderaan bermotor terpakai di bawah seksyen 4G, Akta Sewa Beli 1967. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Oktober 2018 telah bersetuju dengan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1A) ke dalam seksyen 4G Akta 212 untuk memperuntukkan pembayaran suatu fi yang ditetapkan oleh Menteri bagi laporan pemeriksaan yang dikehendaki bagi perjanjian sewa beli kenderaan motor terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**5.05 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuah.* Salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Permulaan perbahasan, saya hendak kongsi satu kisah pada Julai tahun lalu kita terbaca berita mengenai kontroversi perjanjian sewa beli kenderaan antara 500 pengadu yang melibatkan 1,500 kenderaan dengan sebuah syarikat pajakan kenderaan yang dianggap oleh pengadu sebagai tidak sah.

Mangsa menyerbu sebuah syarikat kereta untuk menuntut wang yang didakwa ditipu pemilik syarikat menyebabkan berlakunya kekecohan. Polis sebelum itu menerima laporan daripada syarikat kereta berkenaan bahawa stor kenderaannya di Sungai Sekamat, Kajang telah dicerobohi pemilik kenderaan yang dipajak bagi mengambil kereta yang berada di dalam stor tersebut.

Tindakan syarikat terbabit yang mendakwa mempunyai hak ke atas kenderaan-kenderaan milik pengadu dipersoalkan. Persoalan ialah, atas kapasiti apa syarikat itu menyimpan kenderaan tersebut sedangkan syarikat terbabit bukan pemilik ataupun penyewa.

Menurut Pengerusi Biro Undang-undang, Persatuan Pengguna Islam Malaysia yang membela pengadu bahawa situasi itu berlaku kerana kenderaan tersebut adalah di bawah Akta Sewa Beli. Menurut Akta Sewa Beli, pihak bank adalah pemilik dan pembeli dikenali sebagai penyewa. Ini bermaksud bila ada perjanjian melalui Akta Sewa Beli ini, pembeli tidak boleh menjual kepada pihak ketiga. Sekiranya mereka jual, sama ada diperdaya sehingga wujudnya perjanjian sewa beli atau pajakan, maka ia adalah tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan kes ini untuk menunjukkan betapa pentingnya soal menentukan siapa berhak ke atas kenderaan yang disewa beli sebenarnya. Pengguna perlu dilindungi walaupun mereka bertaraf penyewa atau pemilik sementara sebelum semua pinjaman mereka dilunaskan.

Akta perlu jelas memperuntukkan klausa atau seksyen bertujuan memperhalus perjanjian sewa beli ketika ini yang ditawarkan sepenuhnya oleh pusat pemeriksaan kenderaan berkomputer iaitu PUSPAKOM. Untuk makluman, perkhidmatan semakan terhadap 22 aspek kenderaan motor terpakai kini dimonopoli oleh PUSPAKOM iaitu anak syarikat milik penuh DRB Hicom Berhad.

Apakah pengenalan akta ini bermakna sistem perolehan kerajaan selepas ini terbuka kepada mana-mana syarikat yang bersedia tawarkan perkhidmatan. Benar kah dengan berbekalkan pindaan ini, Akta 212, kerajaan akan mempunyai lebih kuasa rundingan bagi menentukan caj atau fi perkhidmatan sekali gus membantu menambah pendapatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, caj perkhidmatan perjanjian pemeriksaan sewa beli kenderaan bermotor ketika ini berkadar RM60. Soalan saya, berapakah jumlah fi ataupun caj setelah

pindaan ini dikuatkuasakan? Persoalan yang dibimbangkan oleh pengguna ialah kebarangkalian kos pemeriksaan akan menjadi bertambah mahal dengan penguatkuasaan akta ini.

Apabila akta ini mahu dipinda, kita faham bahawa wujud keperluan untuk kerajaan mengkaji semula kadar pendapatan negara melalui caj atau pun fi. Namun, apakah jaminan kerajaan yang syarikat baru kelak tidak menaikkan harga pemeriksaan. Begitu juga jangan ada ketirisan melalui syarikat yang ditawarkan untuk perkhidmatan pemeriksaan agar hasil kepada negara akan bertambah seperti yang diharapkan melalui pindaan akta ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengemukakan persoalan. Apa jadi dengan Akta Sewa Beli Islam yang dicadangkan oleh pentadbiran sebelum ini? Maksudnya kerajaan yang terdahulu.

■1710

Saya difahamkan kerajaan sebelum ini mengatakan draf Akta Sewa Beli mengikut syariat Islam sudah di peringkat akhir. Draf yang mengambil kira pendapat pakar ekonomi Islam, pensyarah universiti, pemimpin persatuan pengguna Islam dan contoh perundangan Islam dari luar negara sebenarnya berakhir di mana?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan persoalan ini kerana katanya wujud perbezaan ciri-ciri sewa beli Islam dengan sistem sewa beli konvensional. Tujuannya ialah agar tidak timbul kekeliruan dari sudut perundangan apabila timbul masalah antara institusi kewangan dengan pengguna khususnya bagi mereka yang berminat untuk memilih sewa beli Islam. Jika sudah dilaksanakan, diharapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai nama akta berkenaan. Apa kelebihannya dan juga macam mana sambutan selepas ia diperkenalkan?

Sebelum mengakhiri perbahasan, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan kerana berjaya mengemukakan Dewan yang mulia ini dengan sempurna. Walaupun ada sekali skala kebisingan tetapi itu pada saya sekadar menghilangkan rasa mengantuk. Saya memohon maaf sekiranya perbahasan saya menyinggung Ahli Dewan sekalian. Selamat menyambut tahun baru 2019. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

**5.12 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana meminda akta ini bagi memberi ruang liberalisasi pemeriksaan kenderaan yang dikenakan bagi memenuhi tuntutan keperluan sebelum sesuatu ikatan sewa beli dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, umum memang mengetahui bahawa telah lama PUSPAKOM diberikan hak untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan *recond* dan terpakai sebelum urus niaga sewa beli di transaksi. Dominasi PUSPAKOM dalam skim pemeriksaan kenderaan bagi tujuan sewa beli ini banyak mengundang kemusykilan masyarakat apabila ia dikaitkan dengan beberapa masalah berikut.

Pertama, skim pemeriksaan ini dijalankan oleh *runner* PUSPAKOM yang menjejaskan integriti pemeriksaan dan pengenaan fi yang tinggi ke atas pembeli yang membuat urus niaga dengan kedai kenderaan *recond* atau terpakai. Kedua, dominasi PUSPAKOM dalam pemeriksaan kenderaan bagi sewa beli dengan fi yang dikenakan sebanyak RM60 bagi setiap pemeriksaan membuktikan bahawa segmen perniagaan ini tidak terbuka dan ia tidak sesuai dengan kerangka Akta Persaingan 2010 dan keperluan melindungi pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu dalam pindaan ini kementerian ini, KPDNHEP seharusnya melaksanakan tender terbuka bagi menjemput syarikat-syarikat dan institusi-institusi yang berkelayakan dalam memberi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan sewa beli di seluruh negara agar kerajaan dapat meningkatkan hasil serta membuka ruang perkhidmatan ini.

Soalan saya ialah sejauh manakah kerajaan dapat memastikan syarikat-syarikat baharu yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan sewa beli benar-benar mantap dalam memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan mengikut tata amalan industri yang terbaik dan menepati ketetapan integriti pemeriksaan?

Kedua, bagaimana pula kerajaan memastikan apabila liberalisasi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan sewa beli ini diwujudkan selepas pindaan ini tidak wujud kumpulan *runner* ataupun pihak ketiga yang mengeksploitasi skim pemeriksaan ini dan kejadian ini merencatkan integriti pemeriksaan dan pengiktirafan kepada skim pemeriksaan ini.

Seterusnya ialah sejauh manakah mekanisme kawal selia dan pematuhan yang boleh dikenakan ke atas syarikat-syarikat pemeriksaan kenderaan bagi tujuan sewa beli agar

pengguna dilindungi sepenuhnya melalui pendekatan komprehensif kerajaan dan kerajaan tidak berkompromi dengan isu integriti pasaran. Dengan kata-kata yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pindaan Akta Sewa Beli ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**5.17 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi izin kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana pindaan akta ini akan menjadikan pengguna mempunyai lebih banyak pilihan bagi mendapatkan pengesahan penentu ukuran dan semakan sebelum urus niaga sewa beli ini dilakukan. Memang pada masa kini, PUSPAKOM merupakan agensi tunggal yang diberikan hak oleh KPDNHEP bagi mengendalikan sistem pemeriksaan kenderaan sewa beli. Memandangkan pindaan akta ini dilakukan dan bakal diluluskan untuk dikuatkuasakan, saya ada tiga soalan dan saya mohon penjelasan daripada kerajaan.

Pertama, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk melengkapkan peraturan, garis panduan skim pemeriksaan kenderaan dan spesifikasi laporan hasil pemeriksaan dalam satu kerangka peraturan yang boleh dikuatkuasakan di bawah Akta Sewa Beli 1967 agar skim baharu pemeriksaan ini lebih berkesan dan berintegriti.

Kedua, bagaimanakah kerajaan akan mengawal selia firma kompeten yang dilesenkan untuk mengendalikan skim pemeriksaan kenderaan serta individu atau *personnel* yang ditauliahkan supaya berupaya dan berintegriti tinggi dalam melakukan kerja-kerja pemeriksaan selaras dengan kod tata amalan standard industri, pemeriksaan kenderaan yang diguna pakai di seluruh dunia.

Ketiga, sejauh manakah dengan pindaan akta ini liberalisasi skim pemeriksaan ini akan membuka ruang perniagaan dan peluang pekerjaan di seluruh negara?

Akhirnya saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas bagi yang beragama Kristian, dan selamat menyambut tahun baru. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

■1720

**5.20 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas rang undang-undang ini. Saya meneliti bahawa ada satu *central issue* yang disebutkan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat Senator di mana berkenaan PUSPAKOM iaitu monopoli yang diwujudkan sebagai pemeriksa kenderaan bermotor terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk memeriksa kenderaan yang diberi kepada PUSPAKOM itu adalah satu polisi yang telah diamalkan dan dilaksanakan oleh pentadbiran sebelum ini dan memangnya merupakan satu monopoli yang diamalkan. Ini pun kita daripada KPDNHEP ini, kita mempunyai satu suruhanjaya MyCC iaitu *Malaysia Competition Commission* iaitu untuk hendak- kita sekarang pun ada mengkaji semula segala polisi yang berkecenderungan monopoli yang tidak memberi manfaat atau memudaratkan ekonomi kita. Memang apa yang dilakukan dalam bidang pemeriksaan kenderaan ini merupakan satu monopoli.

Oleh itu untuk kementerian kita, hari ini yang saya bentangkan rang undang-undang ini hanya merujuk kepada pemeriksaan kenderaan bermotor terpakai yang akan dibeli dengan sewa beli, *under hire purchase* iaitu ia amatlah terhad. Akan tetapi sebelum ini, hak untuk membuat pemeriksaan ini telah dianugerahkan kepada PUSPAKOM dan terma kontrak ini telah *expired* pada 17 Disember 2018.

Sebelum ia *expired*, kementerian ini ada membuka tender untuk sesiapa yang berminat untuk mengambil bahagian atau melaksanakan tugas memeriksa kenderaan bermotor terpakai. Akhirnya, oleh sebab industri ini sudah di-*monopolize*-kan begitu lama, hanya satu syarikat yang berkelayakan untuk membuat kerja pemeriksaan kenderaan bermotor iaitu PUSPAKOM.

Walaupun kita telah melaksanakan tender terbuka untuk menjemput sesiapa yang berminat *take part in the contract* itu, tetapi hanya satu syarikat yang berkelayakan. Maka, kita terpaksa melanjutkan kontrak pemeriksaan kenderaan bermotor terpakai *untuk hire purchase* dan kita terpaksa melanjutkan kontrak ini dengan PUSPAKOM. *Open tender* itu telah diisytiharkan pada 12 November 2018 dan tender itu tutup pada 4 Disember 2018. Hanya PUSPAKOM *won the bid because they is the only one. So, we can't help it.* Pada masa ini, kita sedang dalam proses Surat Setuju Terima kepada PUSPAKOM.

Itu adalah isu-isu mengenai monopoli. Ia adalah polisi kerajaan baharu dan juga kementerian kita supaya kita hendak mengkaji semula apa-apa yang bersifat monopoli. Saya

haraplah pada masa kelak sekiranya kontrak itu dengan PUSPAKOM akan tamat, ada lebih lagi *players*, pemain industri yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam tender. Kita akan terus menjalankan dan melaksanakan *open tender* di segala-gala penganugerahan kontrak yang diberi oleh kementerian kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga mempersoalkan sama ada kadar kutipan fi RM60 akan dinaikkan. Setakat ini, tidak ada apa-apa cadangan untuk menaikkan fi itu. Yang Berhormat Senator juga bertanya, apakah status akta sewa beli syariah. Yang Berhormat Senator, statusnya sekarang masih pada tahap dasar.

Untuk pembeli dan pengguna kenderaan bermotor terpakai, pembeli dan pengguna boleh menjadikan Akta Sewa Beli 1967 yang terpakai sekarang kekal jadi panduan sama ada pinjaman dibuat berasaskan kepada *conventional system* ataupun kepada *syariah compliant*. Akta ini menjadi panduan kepada kedua-dua kaedah pinjaman.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili membangkitkan isu masalah *runner* yang merancak. Saya rasa *runner* itu pun- peranan mereka pun sebagai *agent service provider*...

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit pencerahan lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan akta sewa beli Islam. Soalan saya, adakah akta sewa beli Islam yang dicadangkan sebelum ini diteruskan ataupun diberhentikan ataupun apa perkembangan sekarang? Itu maksud saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jawapan yang diberi oleh Menteri adalah hanya pada dasar, belum lagi ada akta.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Hanya masih dalam kajian pada dasar. Terima kasih.

Peranan *runner* itu adalah sebagai *service provider* kepada mereka yang tidak ada masa, *the use of the service is up to the owners of the vehicles*. Saya rasa mereka itu pun mencari rezekilah.

#### ■1730

So, mengenai soalan bagaimana kawal selia syarikat pemeriksaan, tadi saya telah sebut bahawa pada tahap kita memilih siapa yang berkelayakan untuk masuk tender itu, kita sudah ada satu SOP dan juga standard untuk memeriksa, mengawal selia mana-mana pihak yang berkelayakan dan berintegriti. Malangnya, hanya satu sahaja- atau nasib baiklah untuk syarikat itu. Hanya satu sahaja yang berkelayakan. So, itu ada satu *stringent test* yang diguna pakai sebelum kita melantik syarikat yang berkenaan.



Saya juga ingin sebut bahawa syarikat pemeriksaan yang dilantik yang menjalankan tugas pemeriksaan, kalau mereka tidak buat kerja dengan baik dan ada laporan yang dikeluarkan itu adalah informasi palsu atau salah, itu syarikat terbuka untuk disaman oleh pihak pembeli. Lain kali kalau ada apa-apa kerugian dialami oleh pembeli kenderaan tersebut, ia juga ada satu kaedah yakni juga *legal recourse* yang juga merupakan satu kaedah bahawa syarikat yang berkenaan perlu memastikan apa-apa yang dibuat adalah betul dan berintegriti.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang menanyakan tentang bagaimana kita memastikan skim pemeriksaan yang lebih berintegriti dan juga bagaimana kita memastikan bahawa pemeriksa iaitu orang yang menjalankan itu pemeriksaan itu adalah orang berintegriti.

Saya rasa jawapan saya pun adalah sama. Kita ada satu *stringent test* untuk memastikan bahawa syarikat yang dilantik itu berkelayakan dan juga ada juga *legal recourse* di mana pembeli yang mengalami kerugian akibat daripada fakta yang salah, informasi yang salah yang dalam laporan pemeriksaan itu.

Soalan ketiga berkenaan liberalisasi industri pemeriksaan kereta, itu saya rasa saya sudah jawab. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, walaupun pada dasar sewa beli Islam ini, agak berapa lama ia akan dibawa balik untuk sebagai akta dan sebagainya? Itu yang soalan yang mereka hendak tahu tapi...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya rasa saya tidak ada jawapan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada jawapan sekarang.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Akan tetapi, ia dalam kajian secara dasar sekarang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/ Ponnusamy) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk pengetahuan semua, persidangan kali ini berlangsung dengan cukup harmoni dan apabila Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mematuhi peraturan mesyuarat yang diperuntukkan, sudah pasti memudahkan sedikit kerja saya dan Timbalan saya... *[Tepuk]*

Saya berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian para Senator kerana menunjukkan prestasi yang amat memuaskan ketika berbahas dalam sidang Dewan terutamanya untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, dan Rang undang-undang Perbekalan 2019.

Saya juga berterima kasih kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini kepada sumbangan pelbagai idea yang bernas dan teguran yang tegas demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Saya amat berharap pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas sepanjang sidang kali ini dapat menangkap idea-idea dari akar umbi masyarakat kita dan seterusnya menterjemahkannya kepada dasar-dasar yang dapat membantu rakyat kita.

Apa yang jelas ialah Dewan Negara bukan *rubberstamp* malah berpeluang untuk memainkan peranan semak dan imbang dalam memastikan institusi perundangan negara ini memainkan peranan yang sewajarnya... *[Tepuk]* Malahan, fungsi dan peranan Dewan Negara adalah luas daripada itu.

Bila menyebut fungsi dan peranan Dewan Negara, membuat saya teringat kepada satu ucapan yang terbaca tempoh hari di mana merupakan ucapan terakhir Baroness Shirley Williams yang berucap dalam bahasa Inggeris. Izinkan saya... *[Membaca petikan]* *"Let me say right away, to me one of the most important things about this House is that it isn't just a revising chamber- it is more than that. It's a chamber that keeps very close to its heart the fundamental principal of this country and in debate after debate, and question after question, it flags up the things that are most important to the United Kingdom and explains why this country is in many ways, still a unique country."*

Oleh yang demikian, saya berharap sungguh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini akan berpegang teguh kepada nilai-nilai asas pembinaan tanah air tercinta kita sama ada semasa

perbahasan ataupun semasa sesi jawab lisan supaya Dewan ini akan terus dihormati sebagai lambang mercu demokrasi negara.

Harapan saya, adalah dalam masa negara kita menghadapi cabaran politik dalaman, Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, Malaysia sebagai sebuah negara yang sejahtera dan Malaysia sebagai sebuah negara yang memberi keutamaan kepada perpaduan akan- dan sewajarnya kita sentiasa mempertahankannya tanpa apa-apa kompromi supaya kesejahteraan rakyat masih terurus dengan baik.

Sebelum mengakhiri, ingin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan yang diperlihatkan oleh semua yang telah menjayakan sesi Dewan kali ini terutamanya kepada Timbalan Yang di-Pertua saya, Setiausaha Dewan Negara serta pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara.

Kepada penganut-penganut agama Kristian khususnya, selamat menyambut Hari Krismas. Dalam konteks negara kita, sambutan mana-mana perayaan penting dalam memupuk semangat kekitaan, toleransi serta hormat-menghormati dalam kalangan rakyat kita.

Akhir sekali, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari seluruh negara yang akan kembali ke kampung halaman masing-masing, saya doakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan selamat sampai ke pangkuan keluarga yang tercinta.

Dengan kata-kata itu, saya tangguhkan Dewan ini sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.41 petang]***